



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**Shah Alam, 30 November 2012 (Jumaat)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Lau Weng San (KampungTunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Malawati)

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,  
DPMS.,ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol  
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,  
DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,  
DMSM., JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,  
DPSM., AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,  
JMN., SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak  
SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,  
SMS., PJK. (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Kelang)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee (Teluk Datok)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc) (Sementa)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,  
SSAP., DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,  
KMN., SIS., ASDK. (Kuang)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DPMS., DIMP., SMS. (Gombak Setia)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Ismail bin Habib  
**Bentara**

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof  
Encik Mohamad Redzuan bin Adam  
Encik Izal Izlan bin Misnon  
Encik Mohd Saiful Nizam bin Hasmawi  
**Penolong Bentara**

Puan Noor Syazwani bt. Abd Hamid  
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

**( Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat )**

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Aturan Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Kedua Belas bagi hari yang ke sepuluh, 30 November 2012 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan 251.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)**

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan sehingga bulan Jun 2012, bagaimanakah kedudukan kewangan dan aset tetap PKNS?
- b) Sila nyatakan apakah pihak PKNS mempunyai perancangan menjual aset-aset bernilai untuk mendapatkan keuntungan termasuk Kompleks PKNS Shah Alam? Sila kemukakan butir-butir sekiranya benar?
- c) Sila senaraikan aset milik PKNS yang tidak mendatangkan keuntungan malah sebaliknya merugikan PKNS di seluruh Negeri Selangor mengikut pecahan daerah?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatuhi taala wabarakatuh.* Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Sekinchan, bertanyakan tentang kedudukan prestasi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Nyatakan sehingga bulan Jun 2012, bagaimanakah kedudukan kewangan dan aset tetap PKNS? Kedudukan kewangan PKNS sehingga 30 Jun 2012, untuk pendapatan ialah sebanyak RM173.2 juta. Dan keuntungan sebelum cukai dan zakat adalah sebanyak RM81.12 juta. Aset tetap PKNS bernilai RM1,900,000.00 pada

tempoh yang sama. Manakala nilai aset ketara bersih sehingga 30 Jun 2012 bernilai RM3,900,000.00

Nyatakan apakah pihak PKNS mempunyai perancangan menjual aset-aset bernilai untuk mendapatkan keuntungan termasuk Kompleks PKNS Shah Alam? Tuduhan ini tidak benar. PKNS untuk menentukan hasil pulangan aset telah menyusun semula asetnya dan akan dijaga di bawah satu unit yang dipanggil *Private Real Estate Company*, yang membolehkan anak syarikat berkenaan mempunyai kapasiti untuk membeli lebih banyak aset dari pasaran. Dan tuduhan ini ada kebenarannya sebelum 2008, sebab biasanya aset-aset yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada PKNS, hanya direkodkan sebagai pemberian. Dan pada kebiasaannya PKNS dalam membangunkan hartanah tersebut melalui usaha sama, dan PKNS hanya mendapat 30 peratus ekuiti daripada usaha sama. Dan PKNS melalui syarikat usaha sama itu, sentiasa menjual tanah-tanah tersebut. Jadi sebenarnya tanah-tanah tersebut adalah dijual. Dan penjualan itu tidak direkodkan dalam buku PKNS, sebab apabila kerajaan membagi tanah pada PKNS, PKNS hanya rekod dari segi pembayaran. Dan pembayaran boleh buat PKNS ialah pembayaran nominal. Lepas itu diserahkan kepada anak syarikat usaha sama dan dijual dan rekod tentang penjualan itu tidak ada. Sebagai contoh, pembangunan Shah Alam adalah tanah-tanah PKNS. Tapi kalau di ambil kira rekod-rekod menunjukkan PKNS tak menjual tanah-tanah itu, tapi anak syarikat yang menjualnya. Dan tidak dikatakan penjualan PKNS. Serupa juga pembangunan Kota Damansara.

**TUAN SPEAKER** : Ya, sila.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih, Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, berkaitan dengan PKNS ini juga. Soalan saya tadi yang mengatakan mana-mana yang tidak mendatangkan keuntungan PKNS, ya. Aset milik PKNS yang tidak mendatangkan keuntungan. Ha, jadi, boleh perincikan sedikit. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Ada bangunan-bangunan dikatakan tidak mendatangkan keuntungan ialah Kompleks PKNS Bangi, dan Wisma Yakin, Kompleks PKNS Kuala Selangor, Shah Alam Convention Centre, De Palma Hotel iaitu di Ampang, Shah Alam, Kuala Selangor, Water Front Kuching dan Bangi. Itu sebab kita kumpulkan semula. Saya rasa, umpamanya Kompleks Wisma Yakin. Kompleks Wisma Yakin boleh di jaga keuntungannya jika dikutip sewanya. Ada kalanya pengurus PKNS tak kenal siapa yang menyewanya. Itu daripada kajian audit. Makna menunjukkan kutipan. Kedua, ada juga bahagian-bahagian dalam bangunan PKNS tersebut, tidak dikutip oleh syarikat PKNS. Tetapi persatuan-persatuan yang bergabung dengan PKNS. Jadi maknanya duit tu tak sampai ke PKNS. Itu pun kita dah rentikan. Sebagai contoh, sebagai contoh, Kompleks PKNS di Shah Alam. Kompleks PKNS itu ada, apa tu, ada



bilik-bilik dan juga tempat-tempat yang disewakan. Tapi di tengah kompleks itu, dibina ataupun dibuat gerai-gerai yang juga disewakan. Gerai-gerai yang disewakan itu tidak dimasukkan di dalam akaun PKNS. Tapi diberikan kepada persatuan eksekutif, persatuan-persatuan yang ada hubungannya dengan PKNS dan persatuan-persatuan tersebut. Kutipan itu ada kalanya mencapai sampai RM500,000.00 sebulan. Tapi tak dimasukkan di dalam akaun. Jadi oleh sebab itu saya dah hentikan kerja sebegini, dan kita, semuanya kita masukkan dalam akaun PKNS, dan kita tahu. Kalau kita dapat untung, kalau nak sedekah pada orang, kita sedekahlah. Bukan untung, sedekah sebelum mengambil kira. Itu sebab saya telah lakukan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, sila.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker, terima kasih. Jadi ertinya penubuhan anak syarikat bagi sesuatu perbadanan itu adalah amalan biasa, ya. Kita nak tahu beberapa syarikat, beberapa anak syarikat yang memberi pulangan yang baik yang boleh menjadi contoh teladan bagi syarikat-syarikat yang lain dan dengan meletakkan bangunan-bangunan PKNS yang dianggap nak dijual tu, sebenarnya tidak. Apakah dijangka dia akan mendatangkan keuntungan yang lebih baik. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Bangi. Perkara ini bukan suatu perkara yang aneh. Pada tahun 1985, saya telah menubuhkan anak syarikat di PNB untuk menjaga aset-aset PNB. Saya dapati penjagaan itu kalau dibuat melalui *holding company*, ataupun syarikat induk, agak susah. Jadi oleh sebab itu saya pecahkan supaya pegawai-pegawai yang kita latih akan dapat menjaga, menjaga sewa, lebih tidak sama dengan menjual dan membeli saham. Dia lain, sebab dia ada kerja yang berbeza. Kedua, menjaga kebersihan kompleks, tidak sama dengan seperti menanam kelapa sawit. Bukan, dia lain kerja dia. Dia punya orang yang kepakaran itu berbeza. Jadi kalau kita asingkan, kita boleh tahu keupayaan dan kebolehan. Dan PNB telah menubuh PNB Hartanah, hartanah, jadi PNB Hartanah. Antara syarikat yang terawal yang kita masukkan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Sampai sekarang dia ada. Jadi saya nak tunjukkan, ini bukan satu perkara yang aneh. Boleh jadi seorang menteri yang tak tahu. Itu pun saya nak suruh PNB terangkan. Supaya boleh jadi masa PNB dilancarkan dia baru sekolah. Jadi oleh sebab itulah hendak suruh dia lakukan.

Kedua, saya percaya dengan, umpamanya saya nak beritahu tentang Kompleks PKNS Bangi. Saya, kita tidak menghalang usahawan bumiputera menyewa kompleks-kompleks itu ataupun premis-premis tersebut. Tapi ianya mestilah membayar apa tu, sewa yang setara dengan jiran-jirannya. Kalau sana bagi RM2.00 sekaki, takkanlah dekat sini bayar RM0.50 sen sekaki. Dan kalau jawapannya kalau ada alasan, saya

mengambil masa sebab saya takut banyak perkara ini dibebankan kepada PKNS. Kalau alasannya, pengusaha bumiputera itu tak boleh bayar, kalau tak boleh bayar sebab bisnes dia rugi, jadi, dan itu, kita boleh tolong. Tapi kalau alasannya, orang dah menyewa RM0.50 sen sekaki, dan menyewa selama 15 tahun, 15 tahun, dan menyewakan semula premis kepada orang lain dengan harga RM2.50 sekaki, ini perkara mesti di rentikan. Ha, itu sebab kita semak balik. Kalau dia menyewakan, jadi dalam bisnes, kita mesti tahu, kita kena bayar nilai yang sepatutnya. Itu sebab saya minta kita kaji. Ramai yang protes. Tapi saya tengok, yang protes pun, yang dapat untung banyak pun protes. Jadi tak boleh. Jadi ramai rakyat Melayu, rakyat bumiputera yang juga miskin, yang juga hendakkan peluang tersebut. Jadi kalau kita dapat duit itu, kita bagi pada orang yang memerlukannya.

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih, Tuan Speaker, Selamat pagi. Soalan saya yang ke 252.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PETALING JAYA *ELEVATED CITY***

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perkembangan terbaru projek pembangunan sebuah asrama pekerja yang boleh menampung sehingga 10,000 orang pekerja di Seksyen SS8, Petaling Jaya di bawah projek Petaling Jaya Elevated City yang dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)?
- b) Difahamkan tapak bengkel milik Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) turut terlibat dalam program pembangunan ini. Apakah status terkini perbincangan di antara MBPJ dengan PKNS?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, soalan Kampung Tunku berkaitan Petaling Jaya *Elevated City* dan apakah perkembangannya. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bil. 33/2012 yang akan diadakan 11 September 2012 telah memberi kelulusan tanah berkenaan kepada Pihak PKNS dan pelan cadangan pembangunan projek sedang diproses oleh MBPJ. Adalah dijangkakan kerja-kerja pembangunan Petaling Jaya *Elevated City* dimulakan pada Januari 2013 (iaitu tahun hadapan) di mana fasa pertama melibatkan pembinaan bangunan sementara bagi menempatkan Bengkel Majlis dan kerja-kerja pembinaan di bangunan

asrama akan dimulakan pada Jun 2013. Dan, satu bengkel Kumpulan teknikal / *Working Technical Group (dengan izin)* di antara MBPJ dengan PKNS telah diadakan pada 6 November 2012 di mana beberapa persetujuan telah dicapai dan perjanjian akan diselesaikan dalam tempoh 2 minggu berhubung hak milik, pulangan dan pelan pembangunan tapak. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WANG SAN :** Terima kasih. Tuan Speaker, saya ingin bertanya apakah jangka masa untuk melengkapkan asrama yang dijangka dapat menampung lebih kurang 10,000 pekerja itu? Kerana ini adalah sangat penting kerana di kawasan Kampung Baru Sungai Way telah dibanjiri oleh pekerja-pekerja asing. Pembinaan asrama ini adalah amat-amat diperlukan dan haruslah dilengkapkan seberapa segera yang mungkin. Jadi, saya ingin bertanya kepada kerajaan bila akan siap.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Bangunan asrama akan dimulakan pada Jun tahun depan sempena, selalunya mengambil 2 tahun tapi saya tidak boleh pasti pada tahap itu. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Subang Jaya.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Tuan Speaker, soalan 253.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SUBANG JAYA)**

**TAJUK: SKIM PEMILIKAN KEDIAMAN PERSENDIRIAN**

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah permohonan melanjutkan tempoh pajakan tanah yang telah diterima oleh Pejabat Tanah Daerah Petaling sejak Kerajaan Negeri memperkenalkan 'Skim Pemilikan Kediaman Persendirian'?
- b) Berapakah jumlah daripada permohonan (a) di atas telah menerima kelulusan Kerajaan Negeri, pembayaran telah dibuat dan geran baru telah dikeluarkan? Berikan butir-butir.
- c) Apakah tempoh masa atau 'KPI' yang digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk memproses satu permohonan di bawah Skim ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Speaker. Yang Berhormat Subang Jaya bertanyakan Skim Pemilikan Kediaman Persendirian. Sebanyak 957 permohonan yang telah diterima oleh Pejabat Tanah Daerah Petaling setakat 31 Oktober 2012.

Permohonan yang diluluskan 675, yang telah menjelaskan bayaran 444, telah dikeluarkan geran baru 93. Tempoh masa yang digunakan untuk memproses satu permohonan adalah di antara 6 hingga 12 bulan. MTES akan mengadakan perjumpaan supaya menentukan pemprosesan. Masa pemprosesan ini dipendekkan. Dan KPI kita adalah untuk dalam masa bulan.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Soalan tambahan kepada Kerajaan Negeri. Adakah Kerajaan Negeri cadang menambah baik skim ini dengan memberikan pilihan kepada rakyat yang ingin menukarkan tanah *leasehold* kepada *freehold*?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Subang Jaya. Yang Berhormat Dato' Speaker perkara penukaran *leasehold* kepada *freehold* tidak ada dalam dasar Kerajaan Negeri kerana penukaran *freehold* kepada *leasehold* mesti mengikut perlembagaan, mesti dibincangkan pada Majlis Tanah Negara ialah Majlis yang ditubuhkan di mana wakil Kerajaan Persekutuan Perdana Menteri dan Ahli-ahli Kabinetnya bersama Menteri-menteri Besar seluruh negara akan berbincang mengenai polisi mengenai penukaran *freehold* kepada *leasehold*. Walau bagaimanapun satu penetapan telah dibuat ialah *freehold* yang ada sekarang, maknanya tanah yang dimiliki terpulang kepada Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada diteruskan *freehold* ataupun ia boleh ditukarkan kepada *leasehold*. Kerajaan Negeri Selangor semenjak beberapa tahun, berpuluh-puluh tahun telah menetapkan ia tidak menukarkan, ia tidak menukarkan *freehold* kepada *leasehold*.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Minta penjelasan Dato' Menteri Besar, daripada *leasehold* kepada *freehold* atau daripada *freehold* kepada *leasehold*?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Daripada *leasehold* kepada *freehold* tidak boleh tetapi daripada *free hold* kepada *leasehold*, boleh. Itu sebab saya terangkan ini daripada *leasehold* aaa... *freehold* ke *leasehold* boleh dilakukan oleh negeri. Jadi katalah satu masa umpamanya tanah kerajaan itu tanah *freehold* tapi dia hendak bagikan pada orang lain, dan kerajaan boleh menepatkan tanah ini bukan lagi tanah *freehold* tapi tanah *leasehold*. Itu dilakukan.

**TUAN SPEAKER :** Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin menyoal 254. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK: BANGUNAN INSTITUSI AGAMA BUKAN ISLAM**

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah bangunan institusi keagamaan bukan Islam tanpa kelulusan kerajaan di setiap PBT sebelum 2008 dan pada Disember 2011?
- b) Apakah kriteria pertimbangan dalam pemberian sumbangan pembangunan institusi tersebut?
- c) Apakah pecahan jumlah sumbangan yang diberi kepada institusi-institusi tersebut? Senaraikan jumlah mengikut daerah dan agama ?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, Kajang ingin tahu berapakah jumlah bangunan institusi agama bukan Islam tanpa kelulusan kerajaan di setiap PBT sebelum 2008 dan pada Disember 2011. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah institusi agama bukan Islam tanpa kelulusan kerajaan adalah 790 sebab pada masa itu banyak PBT belum ada rekod. Tetapi pada tahun 2011 semakan semula telah dibuat maka jumlahnya menjadi 2008 buah institusi agama bukan Islam yang tiada kelulusan. Tuan Speaker, untuk institusi agama bukan Islam mereka tidak boleh mendapat sumbangan daripada Kerajaan Negeri. Tidak boleh. Hanya institusi yang berdaftar dan juga organisasi yang betul dan aktiviti yang baik baru dapat sumbangan daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Soalan tambahan. Kajang ingin bertanya berkaitan dengan masalah yang dihadapi di PBT sekarang, iaitu terdapat institusi atau premis-premis termasuk rumah-rumah kedai, rumah-rumah kediaman dan juga tanah kerajaan, di mana telah dibina premis agama bukan Islam. Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, adalah kerana masa lampau zaman dulu bukan senang hendak dapat tapak yang sesuai dan mendapat kelulusan daripada kerajaan. Tanah pun sangat susah untuk dapatkan. Jadi pada masa itu banyak institusi keagamaan bukan Islam mereka mengambil risiko mereka mendirikan di gerai, di *shophouse*, di rizab jalan pun ada. Jadi dasar kerajaan menangkan masalah ini dan dasar kerajaan adalah semua institusi agama bukan Islam yang didirikan tanpa izin sebelum Mac 2008 kita beri peluang kepada mereka untuk mencari tapak yang baru sebelum mereka dihalau atau disingkirkan tetapi selepas itu kerajaan

telah bergiat untuk memberi tanah ataupun kepada institusi-institusi yang baru ataupun yang lama untuk menduduki dalam, di atas tanah kerajaan. Jadi selepas 5 tahun ini kita telah berjaya memberi tanah 230 bidang tanah kepada institusi-institusi itulah dasarnya. Sekarang kita tidak menggalakkan, kita melarang sesiapa-sesiapa yang ingin membuat tokong ke, kuil ke, institusi di rumah ataupun tempat yang tidak sesuai. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Soalan tambahan. Terima kasih kepada Y.B. EXCO, Kajang juga masih mendapati banyak rumah-rumah ibadat bukan Islam yang di mulakan ataupun rumah kediaman atau rumah kediaman ditukar menjadi rumah ibadah bukan Islam di tempat-tempat kawasan baru selepas 2008. Jadi masalah yang dihadapi sekarang, nampaknya ketegasan penguatkuasaan. Jadi minta penjelasan YB EXCO dan juga tambahan iaitu dari segi ini... masalah penguatkuasaan apakah yang dihadapi di PBT sebenarnya? Kerana masih banyak terdapat ya bertambah dari segi bilangan. Kajang sendiri ada membuat *survey* dan memang nampak wujud dan masalah memang tidak selesai lagi.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Masalah yang disebutkan oleh Kajang Tuan Speaker adalah benar tetapi arahan yang jelas dengan garis panduan dan sebagainya telah diberikan kepada semua PBT dan Jabatan Tanah. Dan kita telah dapat dikurangkanlah, mengurangkan kejadian ini. Walau bagaimanapun masih lagi ada orang yang cuba mengambil risiko. Baru-baru ini ada satu contoh di Sepang, Sepang telah mengambil tindakan yang sewajarnya. Sebab itu kita telah memberi nasihat kepada PBT, penguatkuasaan mesti dibuat sebelum rumah ibadah sudah jadi, sudah lengkap dengan semua alat-alat dan sebagainya. Jadi, ini akan menimbulkan masalah isu keagamaan sangat sensitif. Jadi penguatkuasaan kadang-kadang tidak pasti boleh ambil tindakan atau tidak. Sebab itu, kita minta tindakan yang demikian sebelum diambil mestilah merujuk kepada EXCO terlebih dahulu supaya kita tidak menimbulkan kesalahfahaman.

**TUAN SPEAKER :** Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Dato' Speaker, soalan 255.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : JALAN REKO KE BANGI DENGAN PEMASANGAN TIANG LAMPU**

255. Pemasangan 70 tiang lampu telah dijalankan dari UKM ke Pekan Bangi

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah sumber elektrik akan mula dibekalkan kepada tiang lampu tersebut?
- b) Bilakah jalan antara Jalan Reko ke UKM akan dibesarkan?
- c) Berapakah peruntukan menaik taraf Jalan Reko ke Pekan Bangi termasuk kos tiang lampu?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, soalan Bangi adalah berkaitan dengan Jalan Reko ke Bangi dengan pemasangan tiang lampu. Sumber elektrik akan dibekalkan kepada tiang lampu tersebut selewat-lewatnya pada akhir November tahun ini, jadi beberapa hari lagilah. Jadi kerja-kerja menaik taraf Jalan Reko dari Kajang ke UKM iaitu fasa 1 ya telah pun bermula pada 2 November tahun ini juga dan kos keseluruhan bagi menaik taraf Jalan Reko ke Pekan Bangi dianggarkan berjumlah RM80 juta, RM80 juta. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, soalan tambahan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Daripada sumber JKR yang kita dapat maklum bahawa jalan daripada hadapan UKM ke pekan Bangi akan diminta daripada syarikat perumahan yang akan membuat perumahan di tepi jalan dan antara dari UKM ke Pekan Bangi iaitu Syarikat Mah Seng tetapi setakat ini kita tak nampaklah tanda-tanda syarikat ni ada atau nak dirikan. Yang menjadi tanda tanya bagi Bangi ialah tepi jalan kalau kita nak pergi pekan Bangi sebelah kiri, bukit tu semua milik UKM. Sebelah kanan dekat dengan *highway* PLUS tak ada ruang lah nak diri rumah, ya di mana dia nak diri, nak bina perumahan? Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ok, Yang Berhormat ya, cukup, cukup. Ya, sila.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, saya tidak pasti apa soalannya sebenarnya, apa yang merunsingkan saudara?

**TUAN SPEAKER :** Ya, terus kepada soalan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Yang runsingnya dikatakan Syarikat Mah Seng akan diminta baiki jalan bila nak diri perumahan, tapi nak buat perumahan tidak ada ruang, dah tanah tengok daripada UKM hingga pekan Bangi, sebelah kanan adalah sikit-sikit, nak letak rumah saya ingat tak sesuai.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Jadi soalnya?

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Soalnya, ertinya ada ke benar Syarikat Mah Sing yang diminta buat baiki jalan ataupun daripada pihak JKR sepenuhnya akan tanggung?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, saya kurang pasti, jadi saya akan mencari jawapannya.

**TUAN SPEAKER :** Soalan ini tidak adil untuk EXCO sebab kalau ada permohonan pembangunan dia akan membuat permohonan kepada Majlis Perbandaran bukan kepada EXCO. Jadi soalan itu kalau tak ada notis, saya rasa tak adil untuk EXCO. Ya, tak perlu jawab. Kampung Tunku. Tidak ada? Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, soalan saya 257.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : KEDUDUKAN RIZAB PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemukakan butiran terperinci ke semua rizab PBT Negeri Selangor sejak 20078 hingga 2011 secara perbandingan.
- b) Sila nyatakan apakah kekangan yang dihadapi oleh PBT khususnya dalam usaha menambah jumlah hasil kutipan tahunan dan seterusnya memperkukuhkan rizab.
- c) Sila huraikan apakah langkah-langkah proaktif yang diimplementasikan oleh PBT untuk memastikan rizab setiap PBT terus stabil dan bertambah.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, soalan Sekinchan kedudukan rizab Pihak Berkuasa Tempatan. Secara keseluruhannya dari tahun 2007 hingga tahun 2011 rizab tunai PBT Negeri Selangor telah menunjukkan peningkatan yang sangat memberangsangkan iaitu daripada RM83.25 juta kepada RM142.50 juta. Butiran terperinci kesemua rizab tunai PBT Negeri Selangor dengan mengambil kira tunai di bank dan simpanan tetap ditolak dengan cagaran, deposit dan tanggungan semasa sejak tahun 2007 hingga tahun 2011 adalah seperti di lampiran "A" dan akan diedarkan. Dan PBT di Negeri Selangor sentiasa berusaha memperbaiki kedudukan rizab masing-masing. Prestasi rizab PBT dalam tempoh 5 tahun terkini telah menunjukkan peningkatan. Walau bagaimanapun terdapat halangan-halangan dan cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh PBT khususnya dalam usaha menambah jumlah hasil kutipan tahunan dan seterusnya memperkukuhkan rizab mereka. Antara halangan dan cabaran



adalah (i), iklim ekonomi dunia yang tidak stabil menyebabkan kenaikan kos terhadap bahan-bahan keperluan asas dan seterusnya memberi impak terhadap operasi PBT. (ii), pendapatan utama PBT adalah bergantung kepada kutipan cukai taksiran ataupun cukai pintu iaitu hampir 70% daripada keseluruhan hasil iaitu cukai pintu. Nilai ke atas harta-harta Majlis adalah sejak tahun 1992. Kadar cukai taksiran juga tidak pernah dinaikkan sejak 20 tahun yang lalu. Keadaan ini mewujudkan prestasi hasil Majlis hanya meningkat dalam lingkungan 4 hingga 5% yang mana tidak seimbang dengan kadar peningkatan indeks pengguna. Dan (iii), PBT memberi perkhidmatan yang meliputi bukan sahaja kawasan perbandaran tetapi juga kampung-kampung. Kos perkhidmatan bandar dan penyelenggaraan akan meningkat pada setiap tahun. Selain itu peningkatan aduan awam juga menyebabkan PBT terpaksa menanggung perbelanjaan yang tinggi bagi memastikan kawasan perbandaran dapat diuruskan dengan baik dan (iv), tahap kebertanggungjawaban dan kesedaran tentang tanggungjawab membayar cukai yang masih rendah di kalangan penduduk walaupun berbagai-bagai kaedah pemberitahuan serta saluran pembayaran telah dilaksanakan termasuk kutipan bergerak oleh PBT. Jadi, itu saja. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya, silakan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Saya ingin bertanya sebelum ini wujudnya satu sistem yang mana PBT yang mempunyai rizab yang tinggi akan mengangkat, angkat PBT dengan kewangan yang kurang. Saya ingin tahu apakah bentuk bantuan yang diberikan dengan sistem mentor/mentee ataupun angkat ini. Itu sahaja.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, sistem bapa angkat ataupun ya memang diteruskan sejak tahun 2008 apabila ada pengambilalihan kerajaan yang baru. Jadi Majlis Daerah yang dikatakan bukan kaya itu dianak angkatkan oleh Majlis yang lebih kukuh seperti MBPJ, MBSA dan sebagainya dalam bentuk bukan wang tetapi dalam bentuk peralatan ataupun kenderaan dan sebagainya. Sejumlahnya tak banyaklah, RM1 juta satu tahun. Jadi daripada PBT yang kukuh kepada PBT yang kurang mampu. Ini akan diteruskan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya, silakan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Saya ingin bertanya sama ada wujudnya insentif kepada PBT yang berjaya mengutip cukai taksiran tunggakan untuk cukai taksiran seperti yang insentif yang diberi kepada Pejabat Tanah juga kalau mereka berjaya kutipkan tunggakan cukai tanah.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Ya Tuan Speaker, kerajaan memang negeri memang ada insentif untuk diberikan kepada semua PBT ataupun Pejabat Tanah yang berjaya adakan prestasi yang baik dari segi kutipan, memang ada. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin meminta EXCO memberi penjelasan mengenai bapa angkat tu. Di daerah Sabak Bernam tu siapa bapa angkat untuk PBT Sabak Bernam, bapa angkat dan saya nak minta bapa angkat tu betul-betul jalankan tugas sebagai bapa angkat ni betul-betul jalankan tugas sebagai bapa angkat atau angkat sahaja tapi tak jalankan tugas. Kita nak dia betul-betul diangkat bapa dan angkat.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Sabak Bernam memang ada bapa angkat ya tapi kalau tanya saya, saya pun tak ingat yang mana satu yang bapa angkat ya...Klang ah, MPK jadi bapa angkat dan memanglah kalau sebagai bapa angkat jangan dalam nama saja, jadi apa yang dijanjikan mesti ditepatilah. Terima kasih, mesti. Jadi setakat ini tak ada aduan daripada anak yang katakan bapa angkat tidak jaga mereka, tak ada, tak ada aduan itu.

**TUAN SPEAKER :** Tapi MPK pun kena angkat juga. Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 258.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : BANTUAN SOSIAL DAN KEBAJIKAN OLEH PKNS**

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah bantuan-bantuan sosial dan kebajikan yang telah diberikan oleh PKNS kepada rakyat Negeri Selangor dan berapakah jumlahnya?
- b) Siapakah penerima-penerima bantuan tersebut mengikut komposisi kaum?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh PKNS untuk membantu mengatasi masalah golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri di Negeri Selangor?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Kota Alam Shah bertanyakan bantuan sosial dan kebajikan PKNS. Saya minta PKNS

mengedarkan satu risalah yang dikeluarkan oleh PKNS baru-baru ni untuk dihantar kepada Kota Alam Shah mengenai usaha-usaha sosial dan pembangunan rumah kos rendah dan mampu milik kepada Yang Berhormat untuk tatapan Yang Berhormat dan sebagai contoh pada 2008 sampai 2012, Program Usahawan PKNS mengajar subkontraktor, Vendor Inkubator Payung, Akademi Majlis Usahawan PKNS. Jumlah yang dibelanjakan oleh PKNS ialah RM12 juta. Pembayaran zakat PKNS RM19.6 juta. PKNS juga menabung dalam tabung warisan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri RM27.1 juta, 2008 sampai 2012.

Kerajaan Prihatin iaitu membina rumah-rumah kepada masyarakat miskin daripada 2008 sampai 2012; RM4.5 juta. Usaha CSR PKNS, RM5.7 juta dan saya tidak nak menyebut tentang pembinaan rumah kos rendah dan juga Rumah Mampu Milik sebab soalan-soalan itu sudah dijawab oleh Ahli EXCO Perumahan.

**TUAN SPEAKER :** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH :** Terima kasih Dato' Speaker. Soalan no. 259.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : BANJIR KILAT DN PERMASALAHANNYA**

259. Kekerapan banjir kilat yang berlaku dikaitkan dengan sistem perparitan dan bila terjadi keadaan sebegini kerap timbul kerugian harta benda, kehilangannya wang dan lain-lain.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik terkini kawasan-kawasan yang selalu dilanda banjir kilat di Negeri Selangor juga di kawasan Pelabuhan Klang.
- b) Selain sistem perparitan yang tidak diselua dengan baik, apakah mekanisme lain?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, soalan Pelabuhan Klang adalah berkaitan dengan banjir kilat dan permasalahannya. Tuan Speaker, kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir di kawasan Pelabuhan Klang adalah di Jalan Foreshore, Jalan Pelabuhan Utama, sekitar Royal Selangor Yacht Club, Jalan Tangki, Jalan Kem, Kampung Sungai Keladi. Mekanisme lain yang perlu dibaiki adalah sistem perparitan yang perlu dinaiktaraf, pintu air/kawasan banjir yang perlu dinaiktaraf dan cadangan pembinaan *bund* dan *flap gate*. Kajian bagi pelaksanaan sistem tebatan

banjir boleh dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dengan anggaran kos RM50 juta. Terima kasih.

**Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, sila.

**Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH :** Permasalahan banjir ini kita lihat bukan sahaja di Pelabuhan Klang, di merata-rata tapi kalau masalah demi masalah tak dapat ditangani dengan cara drastik ataupun dengan cara sivik, maksud saya penduduk-penduduk kat situ terutama penduduk-penduduk kat situ kena ada kesedaran sivik untuk membantu kerajaan ataupun untuk melaksanakan dengan cara kerjasama. Saya minta EXCO ataupun YB yang berkenaan, masalah ini bagaimana secara yang lebih drastik kita boleh menyelesaikan masalah ini. Tadi YB EXCO ada menyatakan di kawasan Pelabuhan Klang memang saya akui...

**TUAN SPEAKER :** Tak payah cakap dah, tak payah sebut...

**Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH :** ...permasalahan ini ditangani dengan drastik kita tak mahu...

**TUAN SPEAKER :** Ya lah...drastik dah mintak...cukuplah, berapa kali nak ulang drastik. Dah seminit dah, dah seminit dah.

**Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH :** Ok, ok.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, saya sudah sebut JPS telah buah kajian. Yang drastik itu ialah RM50 juta khas untuk Pelabuhan Klang tetapi malangnya dana ini atau wang ini belum sampai ke JPS lagi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ada lagi? Gombak Setia. Tidak hadir. Yang Berhormat sekalian, semua soalan telah pun dijawab. Saya ucapkan tahniah pada pihak EXCO, pihak Ahli Yang Berhormat sekalian kerana kesemua 260 soalan telah pun dijawab pada sidang ini. Ini merupakan satu rekod di mana 100% soalan untuk jawapan mulut telah pun dijawab. Tahniah sekali lagi. Baik urusan seterusnya.

### **III. USUL**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan seterusnya. Sambungan usul nombor 16 tahun 2012, Usul di bawah Peraturan Tetap 26 oleh Yang Berhormat Sekinchan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, silakan Yang Berhormat, 15 minit.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin membawa usul 26 berbunyi seperti berikut: Bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan

mendesak Kementerian Pertanian menyemak semula keputusan tawaran tender benih padi sah RM164.8 juta tahun 2013 – 2014 yang ternyata wujud penyelewengan dan monopoli oleh syarikat kroni demi mempertahankan hak petani dan sekali gus menjamin kesinambungan bekalan makanan negara. Tuan Speaker, usaha yang saya bawa ini adalah berkaitan dengan Kementerian Pertanian dan sebelum saya membahaskan dengan lebih *detail* lagi ingin saya nyatakan di sini, saya ucapkan tahniah kepada Dewan yang mulia ini kerana telah berjaya menghabiskan 260 soalan. Saya dapat 2 soalan untuk hari ini, terima kasih kerana ini lah peluang yang kita manfaatkan sepenuhnya, cukup efektif, maknanya *value for money, for money and time*, masa dan wang ringgit kita. Ini berkat daripada berkat daripada lawatan Yang Berhormat Tuan Speaker bersama ADUN kita pergi ke Australia belajar bagaimana ya negara-negara *Commonwealth* mengadakan sidang mereka dengan begitu baik sekali dan hasilnya kita buat reformasi di Dewan Negeri ini. Ini lah *value for money, for time* tapi apa yang saya nak nyatakan di sini, sikit saja, waktu kita pergi lawatan tersebut, kita nak jimat untuk dapat duit banyak tu ok, saya setuju cukup untuk jimatkan duit semua la tetapi kadang-kadang di PBT kita nampak pegawai-pegawai pergi ke luar negeri mereka seorang satu bilik, ADUN pergi 2 orang satu bilik, sampai jimat sampai begitu. Ini satu penjimatan yang terlalu ketat. Kalau kita tutup paip tu, tutup paip tu kena ketat supaya air tidak mengalir ke sini sana.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ha, ha.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Bila kongsi bilik tu ada ADUN yang tidur atas lantai?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya dengar ada ADUN yang kena tidur atas lantai. Ini betul. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Hulu Kelang. ADUN dari Meru rasanya. Kalau kita nak tutup paip air supaya tak mengalir ada pembaziran saya rasa itu betul. Kena tutup dengan ketat. Tapi janganlah sampai ketat sampai air pun tak keluar. Itu tak boleh. Saya minta perhatian daripada Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER :** 2 minit sudah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ya, ya. Terima kasih. Ini antara pengalaman untuk kita kenangkan. Tuan Speaker, oleh kerana kita adakan tender terbuka di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mendapat penjimatan lebih kurang dalam 4 tahun setengah lebih daripada RM100,000,000.00. Tahniah kepada Kerajaan Negeri dan rizab kita juga bertambah. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini Kementerian Pertanian baru-baru ini telah mengikut jejak langkah Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Selangor melakukan tawaran tender mereka ikut kita khususnya dalam proses agihan kuota benih padi sah sebanyak 80,000 tan satu tahun. Saya menyambut baik langkah Menteri Pertanian

Dato' Seri Noh Omar mengagihkan kuota benih padi sah secara tender terbuka namun terdapat pelbagai masalah dan persoalan timbul ekoran proses tender terbuka tersebut sesuatu yang aneh dan pelik. Saya ada sesuatu yang aneh dan pelik berlaku sebelum ini benih padi sah hanya diagihkan kepada pembekal-pembekal setiap tahun melalui lantikan-lantikan melalui tender terbuka akan tetapi pada bulan Mac 2012 yang lalu Menteri Pertanian telah memanggil tawaran tender benih padi sah untuk tahun 2013 dan sehingga 2015 maknanya dia panggil 3 tahun. Biasanya setahun, setahun lantikan. Kali ini dia buat 3 tahun sekali gus. Tuan Speaker setelah proses tawaran tender benih padi sah dilakukan Jawatankuasa Tender Kementerian ia telah dihantar ke Kementerian Kewangan Bahagian Perolehan dan Penilaian dan selepas itu kita dapati proses tender ini bermasalah kerana daripada surat bocor yang saya dapat daripada Kementerian Kewangan, dia menegur bahawa, yang *sign* surat ini adalah Dato' Fauziah Yaacob Bahagian Perolehan Kerajaan bagi Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia. Dia menegur, penender yang tidak mengemukakan dokumen tender yang lengkap, teknikal dan kewangan masih diperaku untuk dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal Dan Kewangan. Penender yang tidak mematuhi syarat-syarat tender seperti tidak mengemukakan sijil bumiputera, tidak menghadiri taklimat tender, tidak memenuhi kriteria asas tender, tidak mempunyai silinder dan tidak lulus status penilaian kewangan juga diperaku untuk pertimbangan Lembaga Perolehan. Dan penender yang lulus kriteria asas penilaian teknikal tidak disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian. Ini antara kelemahan-kelemahan tidak memenuhi *technical requirement* yang surat bocor daripada Kementerian Kewangan di mana berlaku kepincangan penyelewengan oleh kerana dia juga menegur kerjasama Yang Berhormat Dato' adalah dipohon supaya perolehan yang akan datang pada masa hadapan mengikut tata cara perolehan supaya mematuhi semua kriteria tender. Maknanya wujud penyelewengan daripada surat bocor Kementerian Pertanian dan dia minta 3 tahun walaupun Kementerian Pertanian lulus dalam Jawatankuasa Tender minta 3 tahun tapi Kementerian Kewangan tahu dia potong 1 tahun bagi 2 tahun oleh kerana terdesak. Dan 2 tahun ini nilainya berapa? RM164.8 juta benih padi sah. Ini wang rakyat. Subsidi daripada rakyat. Dan saya nak nyatakan di sini adalah benih padi sah ini tidak perlu disegerakan. Dia setahun-setahun boleh tetapi kenapa kita nak bagi tender 2 tahun akan datang. Ini sesuatu yang pelik. Persoalan ini perlu dijawab dan di sini juga saya nak kenal pasti melalui keputusan tender di laman web Kementerian Pertanian surat yang saya ada keputusan tender dia hanya saya dapati 2 syarikat mendapat lebih separuh daripada jumlah 80,000 tan satu tahun. 2 syarikat sahaja. 2 syarikat ini adalah Seri Merbok Sdn. Bhd. dapat 22,000 tan. 1 lagi syarikat adalah Haji Mohd Nor Abdul Rahman di Sekinchan, Tali 8. Saya Sekinchan tahulah. Berapa dia dapat 20,000. Satu 20,000, satu 22,000.  $A + B = 42,000$ . Setahun kita hanya agihkan 80,000. Maknanya 2 syarikat ini sudah monopoli 42,000 tan benih padi sah. Apa keistimewaan kalau kita dapat benih padi sah ini?. Saya nak beritahu di sini Tuan

Speaker, untuk makluman Dewan. 1 tan benih padi sah apabila pengilang/pembekal beli daripada petani 1 tan, RM1,400.00 - RM1,300.00 dia beli dia proses benih padi sah untuk dijual kepada plot yang kecil 90kg, 80kg jual balik kepada petani untuk benih padi dan di situ ada keuntungan tak banyak. Dan oleh kerana itu Menteri telah memberi subsidi daripada wang rakyat membayar cukai 1 tan sebelum zaman Dato' Noh Omar datang sebagai Menteri RM535.00 1 tan. Maknanya kalau *you* dapat 20,000 kali dengan RM535.00 itu pun dah untung banyak dah. Tapi selepas Noh Omar sampai dia naikkan daripada RM535.00 kepada RM1,035.00. Maknanya kenaikan hampir 100% dan pengilang siapa yang dapat kuota paling banyak dia akan kaya raya dan untung lebih. Persoalan di sini ialah waktu RM535.00 subsidi yang dibekalkan, harga yang dibeli daripada petani RM1,300.00 ke RM1,400.00 paling tinggi jaminan. RM1,400.00 1 tan. Apabila mereka subsidi kepada pembekal/pengilang RM1,035.00 100% kenaikan harga yang dibeli daripada petani masih kekal RM1,300.00 – RM1,400.00, kenapa wujud keadaan yang sedemikian? Yang ditolong adalah kroni dan syarikat-syarikat pembekal. Petani di Sekinchan, Sabak Bernam, di Kedah mereka sengsara. Harga tetap sama. Sepatutnya dinaikkan subsidi kepada pembekal benih padi sah harga kepada petani yang dibeli patutlah naik. Daripada RM1,400.00 naik RM1,700.00 ke. Ini tidak, naik subsidi untuk suku sakat kroni tetapi petani tetap berputih mata. Ini saya tak dapat terima dan kenapa saya nak membawa usul supaya disemak semula agihan tender ini. Dan saya bagi contoh di sini 20,000 tan Haji Mohd Nor, Sekinchan. 22,000 tan Seri Merbok. Syarikat yang lain Kilang Beras Jelapang Selatan, Muar Sdn Bhd 3,000. Pertubuhan Peladang Kawasan PPK Puteri Saadong 3,000. Yang lain 3,000, ada yang 5,000 pun ada. 5,000 tak ada yang ada 8,000 paling tinggi. Felcra Plantation 8,000. Mereka ini Felcra Plantation ada kemampuan yang lebih sedangkan Haji Mohd Nor saya tahu kemampuan dia 8,000 sahaja tapi dapat 20,000 dan saya nak kira 20,000 + 22,000 2 syarikat ini berapa harga kali dengan RM1,035.00. Y.A.B. Dato' Menteri Besar, sebagai seorang tokoh korporat yang bukan keparat yang cukup hebat perkiraan, ini soalan saya di sini 22,000 + 20,000 = 42,000 x RM1,035.00 maknanya adalah RM43.4 juta. Y.A.B. Dato' Menteri Besar angguk tu maknanya betul perkiraan Sekinchan. Walaupun Sekinchan tidak sampai ke *level* itu, RM43.4 juta untuk 2 syarikat. Itu 1 tahun, ini pembekalan 2 tahun. Maknanya RM43.4 juta darab 2. RM86.9 juta untuk 2 syarikat. Kenapa saya kata ini syarikat kroni? Saya bagi contoh, saya tak mahu menuduh semberono, menuduh sembarangan tak boleh, sewenang-wenangnya tidak boleh di sini. Carian saya di dalam pertubuhan Akta Pendaftar Pertubuhan, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu UMNO Bahagian Sungai Besar, Jawatankuasa UMNO Bahagian Sungai Besar 2008 – 2011 sehingga sekarang pengerusi dia tetap Tuan Haji Saari tetap ada di sini. Saya nak nyatakan di sini pemilik Haji Mohd Nor itu taukenya adalah Tuan Ahmad Faad Bin Haji Mohd Nor, AJK Bahagian Sungai Besar No. I/C. 650320-10-6985 Ahmad Faad Haji Mohd Nor, maknanya dia UMNO. Menteri Petani bukan DAP, bukan PKR, bukan PAS. UMNO.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker, boleh minta penjelasan?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ada berapa minit lagi ya?

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Semalam saya boleh bagi, hari ini takkan tak boleh bagi. Terima kasih Tuan Speaker, saya bertanya yang pertama sekali sama ada Sekinchan tahu tak syarat-syarat kelayakan untuk tender ini. Yang kedua ni, nak minta penjelasan itu. Kemudian, yang kedua saya nak tanya yang dia kata kroni UMNO ni, saya nak tanya apakah kelayakan orang yang masuk tender? Kalau dia layak tapi dia ni UMNO kita kena tolak ke? Itu prinsip dasar sebab keputusan ini dibuat oleh Jawatankuasa Tender Kementerian. Ingin penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih sahabat saya daripada Sungai Burong yang juga ada banyak bendang di situ. Kita prihatin terhadap masalah petani. Saya nak bagi tahu Yang Berhormat Sungai Burong syarat-syarat yang terkandung dalam kenyataan Menteri Pertanian iaitu syarikat berstatus bumiputera. Ini satu persoalan saya nak tanya MCA Sungai Pelek, Kuala Kubu tolong jawab. Sebelum agihan tender terbuka ramai ada 4 syarikat Cina, syarikat bukan bumiputera boleh dilantik sebagai pembekal untuk subsidi kuota padi ini. Selepas tawaran tender diisytiharkan 100% Bumiputera. Saya tanya di mana semangat 1 Malaysia. Sungai Pelek. Saya tak marah. Boleh bagi Bumiputera tak ada masalah tapi tak boleh 100% Bumiputera. Sungai Pelek jawab. Kuala Kubu jawab. Di mana Chua Tee Yong, Timbalan Menteri Pertanian nak bolot hak orang MCA, orang Cina. Ini perkara dia. Nak cerita Talam dan sebagainya akhirnya terus tenggelam.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN** : Tuan Speaker, boleh mencelah tak?

**TUAN SPEAKER** : Masa sudah sampai. Merah. Gulung tak boleh. Baik, ada penyokong untuk usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Sekinchan Usul No. 16 Tahun 2012

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker, kalau menyokong kita nak membangkang?

**TUAN SPEAKER** : Bahaslah.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tapi saya nak menyokong supaya ini jangan dibentangkan. Kerana....

**TUAN SPEAKER** : Nanti dulu, belum sampai masanya. Tak boleh. Ini hak setiap ahli untuk membawa usul ini di bawah peraturan tetap 26 dan 27. Tolong lihat di mana ADUN boleh membantah.



**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Saya nak perhatian Speaker kerana ini adalah perkara yang disegerakan kalau kita lihat di bawah 3A itu "Dewan memberi izin dengan tidak ada siapa ahli yang membangkang". Jadi saya nak gunakan peruntukan ini.

**TUAN SPEAKER** : Peruntukan mana? Peraturan mana?

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Peraturan 17(3).

**TUAN SPEAKER** : Baik, Yang Berhormat sila duduk dulu. Ya, saya tak payah rujuk pun, tak payah buka buku pun. 17 itu tidak terpakai. 17 adalah usul tergepar yakni usul di bawah 26 dan 27 itu notis 14 hari dan telah pun pihak Sekinchan memenuhi syarat ini bagi pemberitahu selama 14 hari. Jadi saya minta ADUN walaupun sudah genap satu penggal kita bertugas nampaknya ada yang belum hafal Peraturan Tetap ini. Ini kena hafal betul-betul ya. Tengok tak perlu rujuk pun saya tahu. 17 itu adalah tergepar dan tidak terpakai. Baik ada penyokong untuk usul?

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Baik terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin berdiri untuk menyokong usul yang dibawa oleh Sekinchan. Kajang berpendapat yang sama dan juga agak terkejut, terkejut mendengar penjelasan daripada pembawa usul iaitu Sekinchan menyatakan terdapat begitu banyak penyalahgunaan kuasa dalam tender dikatakan tender terbuka ini. Dan kita nampak memang ada seperti teguran kewangan, daripada kewangan di mana terdapatnya ada yang tidak mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan dalam tender. Dan apa yang dibawa oleh Sungai Burong memang Sekinchan telah menjawab waktu membawa surat teguran daripada kewangan menyatakan bahawa mereka yang dapat tender ini memang tidak sepatutnya dapat iaitu tidak memenuhi syarat.

Kes ini membawa Kajang merujuk pada satu kes lagi iaitu tender terbuka juga untuk *extension* LRT Ampang. Di mana tender terbuka ini terdapat bida-bida ada yang antarabangsa, korporat antarabangsa yang telah masuk dalam tender ini. Tetapi akhirnya satu tender iaitu bawah syarikat George Kent yang sebenarnya tidak memenuhi syarat pada peringkat awal teknikal ianya sudah dikeluarkan. Tapi akhirnya George Kent ini dapat tender juga. Saya nampak ada kesamaan antara tender benih padi sah ini bersama dengan *extension* LRT Ampang. Dari laporan *The Edge* satu majalah mingguan yang terkenal di Malaysia. Dalam proses tender ini memang George Kent akhirnya dapat mungkin sama juga kes seperti yang disebutkan oleh Sekinchan iaitu ada berlakunya kroni-kroni, kroni Ismail di dalam ...

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya nak tarik pada 13(1) Ahli kenalah menumpukan pada percakapan yang berkenaan. Isunya ialah usul tentang benih padi tak perlulah bawa kepada George Kent, itu nanti jadi Ahli Parlimen esok bolehlah bahaskan.

**TUAN SPEAKER :** Itu saya setuju, saya setuju kita kena tumpukan pada usul yang mendesak Kementerian Pertanian. Jadi George Kent tidak ada kena mengena dengan perkara ini.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Ya sebenarnya kes yang ....

**TUAN SPEAKER :** Sudah cukuplah tadi, ah ya kita tahu ada sama ...

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Sama masalahnya iaitu George Kent ingin mengatakan George Kent tidak berkeupayaan ialah dilaporkan 80% daripada kerjanya diberi kepada bida yang lain.

**TUAN SPEAKER :** Ya, baik cukup setakat itu saja.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Ya itu saja. Terima kasih kepada Tuan Speaker iaitu kita nampak dalam keadaan ini bukan saja kerana tender ini tidak menepati *value for money* dan juga ia merupakan satu pembaziran wang yang begitu banyak wang rakyat yang disebutkan oleh Sekinchan. Dua syarikat ini akan terima dalam dua tahun RM86 juta. Dan dalam kes ini oleh kerana syarikat-syarikat yang mendapat tender ini yang kebanyakan tender ini 42,000 tan ini iaitu Seri Merbok dan Haji Mat Nor, kedua-dua ini mendapat 42,000 tan dan mereka dapati tidak berkeupayaan memproses benih padi sah ini. Akibatnya petani-petani yang dapat benih padi sah ini untuk ditanam akan menghadapi masalah kerana ia tidak diproses dengan begitu baik dan terdapat ada padi-padi terbang, angin ya, angin. Padi angin yang tercampur dalam benih-benih dan dia akan mengurangkan pendapatan petani-petani yang dapat benih ini. Jadi ini menunjukkan bahawa dalam kes ini ia adalah satu amalan yang merugikan rakyat selain daripada membazirkan duit rakyat. Dan ini akan menimbulkan masalah bagi Negeri Selangor iaitu khasnya Jabatan Pertanian untuk membantu petani-petani padi khasnya di kawasan Sabak Bernam. Jadi Kajang dengan ini menyokong penuh usul yang dibawa Sekinchan, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan dan setiap Adun yang mengambil bahagian diberi 10 minit. Dipersilakan Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker, Sungai Burong terima kasih kerana beri peluang untuk bawa membincangkan usul ini. Pertama sekali, Sungai Burong mendapat usul ini tidak sepatutnya dibawa pada dalam Dewan ini. Usul ini

telah pun dibawa di dalam Dewan Rakyat. Saya nak sebutkan usul ini telah dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Pokok Sena, Jerai, Kuala Kedah dan juga Pasir Mas dan telah dijawab panjang lebar oleh Menteri berkenaan iaitu Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Selepas usul ini dibentangkan dikemukakan dalam Dewan ini, saya telah mendapatkan *hansard* daripada Parlimen dan sebenarnya penjelasan-penjelasan telah pun diberikan. Tapi malangnya dalam Parlimen itu saya dapati Ahli Parlimen daripada Selangor, Ijok, Kinrara, Antarabangsa tak pun membangkitkan perkara ini. Dan penjelasan-penjelasan yang telah dibangkitkan seperti apa yang telah dibangkitkan oleh Sekinchan itu sebenarnya telah dijawab. Saya cubalah mengazankan apa yang ada di dalam *hansard* tersebut tapi mungkin saya tidak seperti Menteri berkenaan. Jadi saya ingin mencadangkan supaya dijemputlah Menteri berkenaan oleh Dewan ini. Saya kira pada 12 November 2010, Yang Berhormat Menteri Pertanian Industri Asas Tani telah pun pernah menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor untuk memberikan taklimat pada seluruh ADN-ADN Negeri Selangor. Surat ini telah diterima tapi malangnya tidak ada jawapan. Adalah lebih baik kita jemput Menteri pada semua Ahli Dewan ini, ah ini semangat keterbukaan kerajaan Pakatan Rakyat minta penjelasan apa perkara-perkara yang dibangkitkan dengan izin *from the horses mouth* jadi kita jelas. Kalau tak betul kalau nak tembak peluru pun, tembaklah masa itu dan dia boleh jawab memberikan penjelasan. Daripada kita memberikan tuduhan-tuduhan, tohmahan-tohmahan yang saya fikir ini kurang berasas. Pertama sekali kalau dikatakan berlaku penyelewengan, penyelewengan ini kalau berlaku kita rujuk kepada autoriti yang berkenaan. Buat laporan polis, pergi Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) untuk supaya disiasat adakah benar-benar penyelewengan ini berlaku. Dalam saya pun sebenarnya tadi bertanya beberapa soalan kepada Sekinchan ya, sama ada beliau tahu tak sebenarnya kelayakan tender ini. Sebenarnya benih padi ini adalah satu proses yang mengambil masa untuk padi ditanam pada musim pertama, benihnya kena keluarkan musim sebelumnya. Jadi itulah yang menyebabkan kita lihat kaedah pemberian benih padi ini telah dipinda daripada tahun-tahun kepada dua tahun atau pun dicadangkan ke tiga tahun. Kemudian itu dinilai semula Perbendaharaan Malaysia menjadi dua tahun. Itu tidak ada masalah autoriti daripada Kementerian Kewangan untuk menilai satu *proposal* berkenaan. Kalau dia nak usulkan tiga tahun dah dipotong menjadi dua tahun itu tak mengapa. Tapi prinsipnya sebelum itu perolehan ini dibuat tahun ke tahun didapati kurang berkesan kerana dari segi perancangan dan pelaksanaan benda itu mengambil masa.

Yang kedua saya pun nak menjawab sekali, saya orang daripada bendang seperti kata Sekinchan. Kita tahu ya, sebenarnya untuk menghasilkan benih padi ini dulunya dibuat oleh penyeliaan Jabatan Pertanian. Jabatan Pertanian mempunyai pegawai-pegawai tapi oleh kerana jumlah benih padi yang perlu dikeluarkan tertinggi terlalu besar maka keupayaan Jabatan itu sendiri untuk menyediakan benih padi itu adalah masalah. Adakah Sekinchan tahu untuk menghasilkan benih padi yang berkualiti berapa padi

angin bagi setiap-tiap penilaian? Saya nak tanya, boleh jawab tak? Ah...tak tahu 36,000 biji itu hanya 10 padi angin sahaja ...

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Sungai Burong ....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya ada 10 minit saja, banyak lagi.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Mohon penjelasan saja. Terima kasih Sungai Burong dan saya minta pandangan Sungai Burong kalau kita lihat perangai Sekinchan ini dia main langgar tak tentu hala. Hal negeri ke hal pusat dia tak kisah, dia main belasah saja mana urusan negeri mana urusan persekutuan, dia tak ambil peduli. Nampak sangat rendah pemikirannya. Agak-agak Sungai Burong, agak-agak sayalah Batang Kali rasa Sekinchan ini mencari publisiti murahan kot. Saya ingatkan pepatah Melayu ada berkata biar buruk rupa jangan buruk perangai jadi saya minta penjelasan Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya setuju kalau perangai buruk itu teruk sangatlah. Tapi kalau nak dikatakan sensasi politik ini memang betul. Kalau sepatutnya tadi Sekinchan pergi tulis surat kepada Kementerian minta supaya diadakan dialog tak mesti Menteri. Kalau misalnya Sekinchan sebut Menteri ini payahlah kata nak berbincang apa semua. Kementerian diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan Jawatankuasa Tender ini dipengerusikan sendiri oleh Ketua Setiausaha berkenaan dengan Ahli-ahli Jawatankuasanya terdiri daripada Jabatan-jabatan teknikal dan juga Perbendaharaan Malaysia dan sebagainya. Ini adalah peraturan-peraturan yang ditetapkan. Jadi pergilah mendapatkan penjelasan dari situ daripada kita membuat tuduhan penyelewengan di sini. Dan saya dah sebutkan tadi kalau ada penyelewengan kita boleh lapor kepada SPRM. Saya nak sebutkan tadi tentang benih padi sebab saya ...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan .....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya dibagi 10 minit saya takut ...

**TUAN SPEAKER :** Ialah tak benarkanlah?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tak benarkanlah tak nanti kalau saya dah habis nanti ada lagi masa boleh. Insya-Allah ya. Jadi saya nak terangkan tentang benih padi itu, sebenarnya benih padi nak cari padi yang berkualiti ini kita kena hanya ada 10 benih padi angin saja. Daripada 32,600 benih padi yang diasingkan ini. Jadi ini kita tidak boleh buat secara manual. Jadi apa yang dilakukan sekarang syarat-syarat kelayakan tender telah diperketatkan. Hari ini saya difahamkan ya tender yang disyaratkan itu ialah pertama ialah mempunyai kilang memproses benih padi milik sendiri. Mesti ada kilang, tak ada kilang tak layak. Yang kedua ini mesin, mesin yang

menghasilkan padi yang dikenal sebagai *indicted cylinder* atau *optical colour sorter*. Mesin ini mestilah ada, kalau tak ada mesin ini tak boleh. Itu sebabnya bila di *shortlisted* ini daripada tender itu, didapati oleh Jawatankuasa Teknikal ini Jawatankuasa Teknikal Kementerian ya, Jawatankuasa Tender Teknikal Kementerian. Mesin inilah yang sekarang telah disyaratkan sebagai syarat-syarat kelayakan untuk tender berkenaan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta sikit penjelasan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Hah, bolehlah sikit. Cepat sikit.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Sungai Burong. Saya cuma hendak beritahu Sungai Burong minta penjelasan. Daripada syarat yang dikatakan mesti mempunyai kilang pemprosesan benih padi, ya saya setuju dalam syarat itu terkandung mesti punya kilang tapi saya nak tanya satu soalan Haji Mat Noor yang kapasitinya dalam Laporan Teknikal 8,000 tan saja kapasiti, *why* dengan izin. Kenapa dia dapat 20,000 tan sedangkan lain orang syarikat kadar lebih hebat mereka boleh dapat, tak dapat. Jawab.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ok Tuan Speaker saya dah faham soalan itu. Maknanya dia tuduh Haji Mat Noor kilang Seri Merbok Sdn Bhd ini tidak mempunyai kapasiti. Jadi saya nak minta Sekinchan ini satu tuduhan, tuduhan yang serius. Buktikan bahawa dua kilang ini Haji Mat Noor bin Haji Abdul Rahman Sdn Bhd dan Kilang Beras Seri Merbok ini tidak mempunyai kapasiti. Buktikan selepas ini kalau betul ...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya akan buktikan, saya akan buktikan tak ada masalah.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Sebenarnya mereka ni layak mempunyai kapasiti kelayakan saya nak beritahu ada 10 syarikat yang telah apa ni diberikan tender daripada 2000, 3000, 8000, 20000 dan 22000 dan kesemuanya adalah berasaskan kapasiti kilang berkenaan ini faktanya, adalah berdasarkan kapasiti berkenaan kerana itu mereka dipilih yang kedua soal syarikat bumiputera, syarikat bumiputera sekarang dikenakan syarat, sebenarnya kita jangan fokus bila bercakap pasal industri padi ini kepada hanya melihat padi benih sahaja siapa *player* dalam industri padi di Selangor, ini saya nak tanya, ni Sekinchan siapa *player* sebenarnya dominasi industri padi di Negeri Selangor ialah daripada syarikat-syarikat swasta bukan bumiputera hanya sebahagian sahaja sekarang ini yang memberi pada syarikat-syarikat bumiputera yang telah menunjukkan keupayaan mempunyai kapasiti untuk bersama-sama dalam industri padi, saya nak sebut musim padi 2011 musim pada 2012, kilang-kilang swasta mendapat jumlah pembelian padi sebanyak 46 persen.

**TUAN SPEAKER** : Ya Yang Berhormat, masa dah habis

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Habis dah, saya tak dapat lagi nak jawab beberapa perkara lain tapi saya nak kata bukan cuma kalau boleh minta izin nak *extend* sikit jer nak jawab pasal apa ni, pasal yang dikatakan UMNO ni, sebenarnya bukan asas UMNO yang tapi asas kepunyaan, keupayaan syarikat berkenaan ini dalam industri padi, iaitu saya nak sebut, saya sebut Haji Mat Nor, Haji Mat Nor ini dulunya orang PAS saya masih masa tu sebagai Pegawai Daerah, Sabak Bernam tiap-tiap 2 minggu Haji Mat Nor ini dia taja orang kempen PAS, ceramah-ceramah PAS dia buat sana, tetapi apabila dia usahawan bumiputera yang boleh membeli padi, mengeluarkan padi ada mesin nak membuat kilang padi, bila dia menjadi *player* dia beli terbuka, jadi tak timbul ini orang MCA, orang UMNO, ini industri padi. Sekian terima kasih

**TUAN SPEAKER :** Ya, terima kasih. Ada lagi yang membahaskan. Kalau tidak maka Ahli yang berhormat sekalian, adapun masalah di depan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi:

“ Bahawasanya Dewan Yang Mulia ini, mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertanian menyemak semula keputusan tawaran tender benih padi besar RM164.8 juta tahun 2013 hingga tahun 2014 yang ternyata wujud penyelewengan dan monopoli oleh syarikat kroni, demi mempertahankan hak petani dan sekali gus menjamin kesinambungan bekalan makanan Negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju, sila katakan YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya, Usul No.17 Tahun 2012, Usul di Bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih, Tuan Speaker, Sekinchan ingin membawa lagi satu usul No.17, Usul di Bawah Peraturan Tetap 26(1) di mana bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan menggesa pihak Kerajaan Negeri menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk menyiasat aduan pencemaran ekologi dan alam sekitar yang berpunca daripada aktiviti-aktiviti penternakan udang khususnya di atas Lot 26426, Mukim Tanjung Karang, tanah milik Menteri Pertanian Datuk Seri Noh Omar di Kampung Melaka, Bagan Tengkorak Tanjung Karang, Tuan Speaker saya ingin menyatakan di sini bahawa pada Persidangan Dewan Negeri yang lepas saya telah mendedahkan bahawa Ahli Parlimen dan juga Menteri Pertanian Dato' Seri Noh Omar telah memperoleh sekeping tanah, daripada Kerajaan Negeri yang dulu, seluar 30 ekar ya tanah di atas Lot 26426, Mukim Tanjung Karang, Kampung Melaka Bagan Tengkorak, di mana pada masa yang sama saya mendedahkan bahawa tanah ini sudah di *caveat*kan dan tanah ini di dalam *caveat* tersebut terdapat satu Akuan Berkanun, di mana telah dinyatakan bahawa tanah ini diadakan usaha sama menternak udang bersama dengan sebuah syarikat, syarikat tersebut adalah Pristine Agro Food

Sdn. Bhd. milik seorang peniaga tauke Cina di Sekinchan, di mana tanah ini adalah usaha sama untuk ternak udang dalam akaun sumpah tersebut. Maka dengan itu, Menteri Pertanian, sekarang ini sudah menjadi Menteri Udang, ataupun Menteri Udang ini maka dengan itu, Tuan Speaker setelah disiasat, setelah saya siasat saya perhalusi perkara ini saya dapati di persekitaran kawasan tersebut

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Kota Alam Shah

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Sekinchan, adakah Menteri yang dimaksudkan pernah Sekinchan menyebut *six in one*, adakah dia sama orangnya, iaitu *six in one, greedy, egoistic, arrogant, gangster*.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih, memang saya sebutkan dengan apa yang dinyatakan dengan itu, dua kali lima, lima kali dua, jawabnya, terima kasih Tuan Speaker, setelah disiasat dan diperhalusi perkara ini didapati di persekitaran kawasan tersebut di Bagan Tengkorak dan Kampung Melaka, dia adalah di persisiran pantai, persisiran pantai yang panjang di situ di mana sebelum ini kawasan tersebut, adalah hutan paya bakau, hutan paya bakau dan kemudiannya terletak di dikeluarkan dilucutkan pewartaan, pewartaan, oleh Kerajaan Barisan Nasional dan seterusnya di beli pembeli milikan hak milik tanah kepada individu-individu termasuk, Menteri Pertanian Noh Omar 30 ekar, status terkini selain daripada tanah 30 ekar itu, tanah-tanah yang lain, lebih kurang 100 lebih ekar semuanya kolam udang, ternak udang, kolam udang, walau bagaimanapun timbul kesan sampingan dan aduan-aduan yang saya terima daripada penduduk sekitar, khususnya nelayan-nelayan persisiran pantai mereka merungut sejak kebelakangan ini hasil tangkapan laut ikan, dan sebagainya semakin hari semakin berkurangan maksudnya terjejas, pada masa yang sama saya juga terima aduan, ramai daripada pengusaha kebun kerang ataupun pengutip-pengutip kebun kerang di sekitar Tanjung Karang, Kuala Selangor mereka juga menyatakan bahawa hasil kutipan kerang-kerang yang ada semakin hari semakin berkurangan maka dengan itu, mereka menyatakan kemungkinan, kemungkinan timbul masalah pencemaran yang berlaku, dan apabila disiasat diperhalusi kita dapati, kemungkinan air-air daripada lepasan kolam-kolam tersebut antara satu daripada sisa buangan tersebut, salah satu daripada punca yang menyebabkan, menyebabkan pencemaran di situ, di sini ingin saya nyatakan oleh kerana itu dulu adalah simpanan untuk hutan paya bakau dan di sini ingin saya nyatakan berapa fakta tentang hutan paya bakau ini, hutan paya bakau adalah sempadan, antara daratan dan lautan, yang mempunyai banyak kepentingan terhadap ekosistem semua persisiran pantai menghadapi bahaya hakisan akibat tindakan ombak dan arus pasang surut dan paya bakau dapat menstabilkan persisiran pantai tebing sungai, dan muara memberi perlindungan dari arus pasang surut ombak dan ribut, dan seterusnya keupayaan pokok bakau sebagai agen pemecah ombak semula jadi dapat mencegah atau mengurangkan risiko kejadian Tsunami seperti yang berlaku 26 Disember 2004, Tuan Speaker, kehadiran satu kawasan hutan paya bakau

yang luas di tepi laut dapat mengurangkan tenaga angin, ombak dan arus oleh itu, pokok paya bakau juga menyerap bahan pencemar seperti sebatian nitrogen dan ..... dan mengurangkan pembiakan bakteria dan menambahkan oksigen pelarut seterusnya selain dari hutan bakau juga yang sesuai bagi pembiakan beberapa *spesies* seperti *ewak*, ikan dengan izin ikan, ketam, udang, dan kerang di mana hutan ini merupakan tempat kehidupan berkenaan menetas dan membesar sebelum kembali ke laut, jika hilangnya hutan ini ia nya bukan sahaja memberi kesan tidak langsung tetapi juga kesan langsung terhadap ekonomi sebuah negara akibat kehilangan pendapatan, daripada industri perikanan dan oleh kerana kawasan tersebut dulunya hutan paya bakau maka dengan itu, saya nak minta dalam usul saya ini Kerajaan Negeri kena tubuh Jawatankuasa Khas Siasat apakah pertikaian pencemaran ekosistem, pencemaran alam sekitar hasil tangkapan laut yang berkurangan, kutipan kerang yang berkurangan ini berasas atau tidak, dan sebahagian kita siasat tanah yang dimiliki oleh Menteri Pertanian, Menteri Udang ini, sama ada ketika operasi ini, menepati semua piawai memohon kelulusan kepada semua, seluruhnya jawatan-jawatan yang terlibat, Jabatan LUAS, Jabatan Alam Sekitar, dan Jabatan-jabatan yang berkenaan termasuk Majlis dan sebagainya. Ini juga penting kerana kita tidak mahu mengizinkan bahawa hutan paya bakau diteroka dibuka, dilucutkan pewartaan sewenang-wenangnya, saya memang tahu kenapa dulu hutan simpan, paya bakau boleh menjadi pemilikan individu, sehingga Ahli Politik, Menteri pun dapat tanah sedangkan, rakyat di bawah, dari Tanjung Karang ramai juga, yang minta tanah untuk rumah saja, satu rumah tak dapat tanah, sekangkang kera, pun susah tapi Menteri dapat 30 ekar, ini timbul yang duduk sebelum ini *conflict of interest* sebagai Menteri Pertanian beliau, tidak boleh terlibat dengan penternakan udang, beliau boleh beli udang, dan beliau boleh makan udang termasuk dengan otaknya, tetapi Menteri Pertanian tidak boleh, tidak boleh menternak udang ini konflik, ini konflik bercanggah dengan portfolio, Tuan Speaker jadi saya nyatakan disini, ini bersabit dengan kepentingan awam dan kemungkinan mendatangkan pencemaran ekosistem dan alam sekitar maka dengan itu adalah cukup penting di dewan yang mulia ini, kita mendesak, meminta, menyeru Kerajaan Negeri supaya menubuhkan satu Jawatankuasa Khas khusus menyiasat tanah-tanah, pemberi milikan tanah-tanah, rujukan hub pewartaan pada ketika itu, sama ada dia menepati kriteria dan apa benar kah pencemaran haram dan juga ekosistem berlaku di situ ini cukup penting demi kepentingan masa depan nelayan-nelayan dan rakyat Negeri Selangor, pada dengan itu saya mohon usul saya, saya mencadangkan usul ini. Sekian, Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Sri Muda

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Terima kasih, Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam usul di Bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Sekinchan.



**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, ini belum buka untuk perbahasan saya nak cari untuk penyokong

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : nak menyokong ini,

**TUAN SPEAKER** : Kalau nak menyokong kena mulakan dengan Tuan Speaker saya menyokong usul No.17 di Bawah Peraturan Tetap 26 (1) yang telah dibawa oleh Sekinchan tadi jadi tolong ulang itu,

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Tuan Speaker, dengan ini saya bangun untuk menyokong Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Sekinchan, Tuan Speaker saya memandang dengan serius dakwaan risiko pencemaran yang melibatkan yang disebutkan di Lot 26426, Bagan Tengkorak, Mukim Tanjung Karang, yang dikatakan melibatkan keseluruhan kawasan lebih kurang 100 ekar, semakan yang dibuat dan yang dilaporkan luas keseluruhan tanah ini yang dibangunkan untuk satu kawasan ternakan udang adalah seluas lebih kurang 30 ekar daripada jumlah 100 ekar yang ada di kawasan terlibat, persoalan di sini adalah saya hendak lihat siapa pemilik tanah tersebut, sama ada dapat dengan cara betul ataupun tidak itu bukan persoalan yang ingin saya kemukakan itu boleh kita bincangkan kemudian, perkara terpenting di sini ialah kesan daripada penternakan ini kepada masyarakat, kesan daripada penternakan ini khususnya pencemaran kepada alam sekitar kerana terdapat aduan-aduan sebelum ini, banyak kes-kes sebelum ini menyatakan penternakan udang memberikan satu kesan jangka masa panjang pada pokok-pokok bakau dan juga pokok-pokok yang tumbuh di persekitaran kawasan paya bakau, terdapat aduan yang disebutkan oleh Sekinchan terdapat aduan daripada penduduk-penduduk bahawa ternakan udang ini berada di dalam kawasan zon penamparan dan hutan paya bakau, kalau kita lihat semalam semasa perbahasan yang dibuat oleh Sungai Burong beliau mempertikaikan Kerajaan Negeri bagaimana membenarkan satu laluan masuk di kawasan masuk Zon Penamparan di Seksyen 7, jadi persoalan saya mengapa di dalam hal ini Sungai Burong tidak bangun membantah Zon Penamparan hutan paya bakau di kawasan sekitar Negeri Selangor, isunya sama di Seksyen 7 Zon Penamparan itu digunakan untuk jambatan pun di bantah, walaupun dibenarkan tetapi dalam urusan yang melibatkan paya bakau ini kenapa Sungai Burong diam, tidak bangun membantah penggunaan Zon Penamparan di kawasan berhampiran di kawasan Sungai Burong sendiri, itu persoalan saya dalam hal ini

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Speaker, oleh sebab Sg.Burong tadi dibangkitkan, Sg. Burong belum ambil bahagian dalam perbahasan ini, mana tahu Sg. Burong apa ni membantah atau tidak. Macam mana, dia boleh baca hati Sg. Burong ya. Isu penamparan ni memanglah saya tak setuju. Kalau benda penamparan digunakan, yang telah digazetkan untuk apa ni, tujuan penamparan, tujuan penamparan ini adalah membolehkan pertama, lestari pembangunan diadakan di situ, dan kalau kita

sendiri nak ceroboh itu memanglah saya tak setuju. *Alright*. Saya dah cakap bukan saja di ni, di mana-mana, kalau isu tu isu menggunakan zon penampian,

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** Nak celah apa, soalan nya apa..

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Itu lah saya nak jelaskan, maknanya dia ni, kita belum berbahas pun dia dah tahu hati kita, itu, macam ni hebatlah tu. Maksud saya janganlah timbul prasangka. Jangan timbul prasangka pada Sg.Burong.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** Baik, kita jangan buruk sangka. Terima kasih. Terima kasih. Ok lepas ni kita tunggu Seri Muda bagi penjelasan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Seri Muda kecuali dia jadi tukang tilik yang pandai tengok hati orang je meneropong, bolehlah. Nanti kita suruh Seri Muda jadi tukang tilik..

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** Jadi cukup, baiklah duduk, duduk. Saya ambil, saya tunggu perbahasan dari Sungai Burong, saya nak tengok sama ada nak sokong atau tidak isu ini. Kita tunggu. Y.B. Tuan Speaker, saya melihat bahawa keadaan yang berlaku ini memerlukan penubuhan satu jawatankuasa kerana mengikut laporan yang dikemukakan oleh Jabatan yang berkaitan terdapat sebanyak 82 aduan pencemaran kepada kawasan hutan paya bakau khususnya disebabkan oleh penternakan udang. 82 aduan ini adalah sehingga 30 September 2012, manakala untuk tahun 2011, sebanyak 76 aduan tentang pencemaran aktiviti yang dilaporkan dan ia adalah bertentangan ya, bertentangan seperti mana Akta Alam Sekitar tahun 1974. Justeru itu saya menyokong usul yang dikemukakan oleh Sekinchan supaya satu Jawatankuasa dapat ditubuhkan bagi menyiasat secara teliti, profesional akan isu ini supaya kita boleh membantu mengatasi masalah-masalah pencemaran yang mungkin akan berlaku disebabkan pembinaan kolam gudang ini. Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ya, sila. Usul ini telah disokong saya kemukakan untuk bahas. Ya, Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Ya, terima kasih Tuan Speaker, Kajang ingin membahas usul yang dibawa oleh Sekinchan iaitu usul no. 70, tahun 2012. Kajang nampak masalah, masalah tanah hutan simpanan bakau yang dinyah wartakan untuk digunakan sebagai ladang penternakan udang. Ini satu masalah yang serupa dengan apa yang dicadangkan oleh Sekinchan juga iaitu SATIM iaitu Sapu Tanah 1 Malaysia. Sama maksudnya ya. Ada yang sapu tanah di tempat komersial, ada yang sapu di tapak pertanian. Jadi ini satu amalan yang amat-amat tidak bertanggungjawab dan memang amat-amat tidak menepati apa yang dikatakan rakyat didahulukan. Jadi ini satu masalah yang memang wujud dalam budaya, budaya rejim yang lepas di mana segala

khazanah-khazanah alam, hutan, paya bakau, hutan, paya gambut semua disapu balaknya dan dibahagi-bahagi, bagi pada kroni-kroni dan ada juga yang menipu penyokong-penyokongnya dikatakan akan bagi geran dan akan bagi tanah tapi akhirnya semuanya tertipu. Jadi ni amalan yang amat merugikan bukan sahaja dari segi sumber-sumber alam tapi ia amat-amat mendatangkan pencemaran dan juga bencana alam sekitar. Dan hutan bakau yang disebut oleh Sekinchan bagaimana kepentingannya dan keistimewaannya dalam menjaga ekologi dan habitat untuk hasil-hasil ternakan ataupun hasil-hasil kehidupan laut. Selain daripada itu, tanah yang sudah ditebang tebas, hutan bakau yang sudah habis ditebang tebas, memang amat-amat sukar untuk dipelihara. Kerajaan Pakatan Rakyat bersama dengan Jabatan Perhutanan dan LUAS telah sama-sama berikhtiar untuk memulihara persekitaran di mana hutan bakau sudah ditebang tebas oleh kerajaan yang lepas. Dan kesukaran itu bukan sahaja satu tahun, dua tahun, tiga tahun, empat tahun atau sepuluh tahun untuk pelihara hutan bakau ini. Benih-benih bakau yang ditanam di tempat yang sudah ditebang temas memang amat sukar untuk dihidupkan balik kerana ia menghadapi masalah dari segi ombak, dan juga dari segi hidupan yang akan memakan benih-benih ini. Ia hutan bakau yang semula jadi ini begitu bernilai, bernilai bukan sahaja untuk petani tapi untuk dunia, satu bumi dan sejagat. Jadi Kajang merasa perkara, amalan yang dibuat oleh Menteri yang sekarang dan juga mereka yang terlibat perlulah mereka pertimbangkan sekiranya dalam perut hati mereka masih mereka pertimbangkan kepentingan rakyat dan juga alam sekitar, haruslah mereka serah balik tanah ini kepada kerajaan dan jabatan perhutanan untuk dipulihkan kembali. Sekian sahaja Kajang menyokong usul ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya sila Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Berapa minit Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** 10 minit.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Terima kasih Tuan Speaker, yang berikan peluang kepada Permatang untuk berbahas dalam usul ke 17 yang dibawa oleh Sekinchan. Saya dalam peringkat awal ini akan membincangkan beberapa perkara. Yang pertama, ucap tahniah kepada Sekinchan, cukup aktif membawa usul. Yang jelas usul-usulnya dalam beberapa sidang yang lepas termasuk hari ini, semua merujuk kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani secara peribadi. Saya rasa kalau ada masalah peribadi, saya ingat eloklah pilihan raya ke 13 Sekinchan kalau berani datang bertanding Parlimen Tanjung Karang. (tepukan) Jangan lari kami tunggu. Yang kedua, saya juga melihat beberapa Sekinchan membawa usul, beberapa usul dan juga perbahasan semalam saya mencelah pun tak dapat. Mengenai isu-isu

pengambilan tanah yang disebut SATIM - Sapu Tanah 1 Malaysia yang dibangkitkan dan sebagainya. Saya nak bagi tahu pada Sekinchanlah saya rasa Dewan ini bukan tujuan untuk menghina mana-mana individu. Ataupun memperkecilkan, memperlekehkan, memberikan perkataan-perkataan buruk, prasangka dan sebagainya. Sama ada menggunakan perkataan ego, samseng dan menggunakan nama-nama yang membawa konotasi yang kurang baik kepada mana-mana individu sama ada dalam atau luar Dewan. Pergunakanlah Dewan ini untuk kepentingan rakyat Negeri Selangor. Saya pun, tuan-tuan, apa ni, Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau kami nak guna perkataan-perkataan yang buruk, hodoh, boleh kita boleh guna, wakil rakyat mabuk, wakil rakyat langgar orang, tapi kita tak guna, sebab kita tahu tujuan penggunaan ayat itu untuk menghina seseorang. Dan kedua penggunaan perkataan SATIM - sapu tanah 1 Malaysia, kita sedia maklum, ada konotasi yang ditujukan kepada seseorang. Saya nak tanya kepada Sekinchan, isu pemberian tanah yang Sekinchan bangkitkan seolah-olah sapu tanah berlaku zaman pemerintahan sebelum 2008, beberapa keping tanah konon dibagi kepada UMNO, kepada beberapa komponen Barisan Nasional, apa salahnya, dalam majlis, dalam Kanun Tanah Negara, tak ada siapa boleh halang, siapa nak memohon boleh memohon, individu, persatuan, pertubuhan, siapa-siapa nak mohon, DAP nak mohon, mohon..

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Minta laluan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Saya tak benarkan, ada 10 minit je, karang boleh bahas. DAP nak mohon, mohon, PKR nak mohon, mohon, bagilah. Isunya sekarang ni, tanah yang diambil, ataupun yang diberi milikan kepada mana-mana parti politik, diberi secara sah, tidak mengambil tanah orang lain dan dibagi kepada parti...

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker, minta penjelasan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Saya tak benarkan, Tuan Pengerusi, saya ada, Tuan Speaker, saya ada 10 minit saja. Lepas ini boleh bahas

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** Sedikit sahaja.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Saya minta maaf.. Sri Muda bagi saya, saya nak teruskan. Saya nak jelaskan bahawa pengambilan tanah ataupun pemberian tanah diberi pada mana-mana parti politik dengan jalan yang sah.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Sri Muda, sila duduk.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** dan apabila dibahagi dan dibayar premium oleh parti-parti politik. Waktu itu Kerajaan Negeri Selangor menentukan

premium memang rendah. Kita bagi tanah kepada rakyat, orang miskin dapat tanah 1 ekar bayar di bawah RM1,000.00 tak ada masalah. RM400.00 - RM500.00 premium. Kita bagi kepada parti politik, mereka bayar

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta mencelah.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Sila duduk, saya tak benarkan. Saya nak habiskan dulu. Lepas tu boleh bahas. Diberi tanah dengan bayar premium, dan premium dibayar oleh parti politik. Apa ada masalah. Apa makna 1ekar, 2 ekar diberi pada parti UMNO bagi MCA, MIC, sedangkan parti inilah yang membangunkan dan menjayakan Malaysia sebagai sebuah negara berjaya daripada sebelum merdeka kita bina kemerdekaan dan hari ini negara kita menjadi berjaya kerana parti ini, apa ada makna pada tanah ini dan kita bayar premium. Saya nak bandingkan,

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** 30 saat je.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Seri Muda saya tak benarkan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** 30 saat je.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Saya nak bandingkan apa beza zaman kita bagi tanah, kita bagi pun tanah dengan premium yang rendah, tak nak menyusahkan rakyat tapi hari ini ada beberapa laporan di kawasan saya sendiri, di beberapa kawasan, saya nak sebut, di Kampung Sungai Yu, di Kampung Raja Musa, Kampung Sitiram Jaya, premium tanah diberi 0.7hektar, beri kepada orang kampung. Premium kena bayar, RM230,000.00 satu tanah. 0.75 hektar, satu lagi RM280,000.00 premium diberi kepada orang kampung. Satu lagi kawasan di tiram jaya dibayar 7.5ribu premium, mana orang kampung nak bayar. Saya nak bagi tahu pada Sekinchan, hari ini seluruh rakyat Negeri Selangor cukup marah dengan isu premium tanah dan mereka tak sabar pilihan raya 13 nak terbalikkan semua. (tepukan) Dan saya beritahu mereka, jangan bayar.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** minta penjelasan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Saya nak teruskan, ada 10minit.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Sikit tak boleh.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Kalau ada masa saya bagi. Saya nak beritahu kepada mereka semua jangan bayar dulu. Insya-Allah dua tiga bulan lagi bila kerajaan Barisan Nasional kembali berkuasa, kita akan turunkan dan bagi yang sesuai kepada rakyat Negeri Selangor. Itu isu dia. Isu bagi tanah, tak apa. Bagilah pada rakyat, bagilah pada parti politik, apa ada masalah. Yang menjadi masalah, biar bagi UMNO tak apa, jasanya banyak. Yang jadi masalah bagaimana tanah orang lain

diambil dan diberi pada orang lain. Saya nak bagi contoh, ni satu contoh, Sekinchan kalau nak mencelah saya benarkan.

**TUAN SPEAKER :** Ini dah jauh ni. Nanti dulu Y.B. ini adalah berkenaan tanah. Nanti, nanti dulu, nanti. Untuk menyiasat aduan pencemaran ekologi dan alam sekitar daripada , yang berpunca daripada aktiviti penternakan udang...

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Saya akan masuk itu Tuan Speaker..

**TUAN SPEAKER :** dah jauh sangat. Kalau begitu saya tak benarkan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Saya lari sedikit Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER :** dah lari jauh dah tu.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Saya nak tanya juga pada Sekinchan, isu pengambilan tanah.

**TUAN SPEAKER :** Nantilah. Ini bukan isu pemilikan tanah. Y.B. Bagilah saya peluang untuk mempengerusikan dengan adil. Saya pun..

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Tuan Speaker, berkaitan tanah, tadi Seri Muda ada sebut.

**TUAN SPEAKER :** Y.B. bagilah saya peluang untuk mempengerusikan dengan adil. Saya pun halang, tengok ini Seri Muda saya tak benarkan, duduk. Speaker tengah cakap. Cubalah bagi peluang pada Speaker. Ini sidang terakhir. Bagilah peluang Speaker mengadili ini dengan baik. Kalau saya benarkan Y.B., kalau melencong begini, susah saya nak tahan yang lain.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Tuan Speaker, masa saya untuk berbahas..

**TUAN SPEAKER :** Saya mintalah, berilah saya peluang, supaya sempurnakanlah tugas saya untuk penggal ini.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Terima kasih Tuan Speaker, bagi teguran, saya terima. Dan ini sidang terakhir, saya pun nak dapat peluang juga. Jadi kalau mereka nak bahas nanti, bagi lah lepas ni.

**TUAN SPEAKER :** Peluang berucap bukan peluang melencong. Minta kerjasama, kalau tidak panjang sangat nanti.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Perkara berkaitan dengan tanah Tuan Speaker, mereka bangkitkan bila mereka bahas sebut pasal tanah, saya nak cakap pasal tanah juga.

**TUAN SPEAKER :** Masa tu kena cakap. Bukan masa ini, kalau tak terlepas peluang, susah. Teruskan yang berkenaan dengan usul.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Saya nak sebutlah pasal tanah Sekinchan ya, jadi saya harap janganlah sebut perkara yang tak ada fakta dan sebagainya. Jadi kita rasa kat sini...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta penjelasan. Sebab dia ada fakta.

**Y.B. TUAN SPEAKER :** Duduk, Sekinchan. Dah pergi dah..

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HJ. ABD. RAZAK :** Saya nak sebut juga mengenai usul ya, yang dibawa oleh Sekinchan mengenai menubuhkan jawatankuasa khas untuk aduan pencemaran ekologi. Saya tengok usul ini spesifik kepada tanah yang dimiliki oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, usul menubuhkan jawatankuasa. Isu nak menubuhkan jawatankuasa, kalau Sekinchan boleh mengemukakan apa-apa fakta, contohnya tadi disebut laporan mengenai rungutan orang awam, ada laporan ekologi tak disebut, ada tak ada, tapi mencadangkan penubuhan jawatankuasa tapi kenapa usul ini spesifik kepada hanya satu kawasan. Sebab untuk maklumat Sekinchan dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dewan, kawasan persisiran pantai Kuala Selangor merupakan kawasan yang aktif dengan ternakan udang. Ok. Sekinchan pun sedia maklum. Di kawasan Yang Berhormat Sg. Burong, kawasan Bagan Pasir, ada beberapa kolam ikan yang diusahakan, kolam ternakan udang yang diusahakan. Di kawasan Parlimen Kuala Selangor daripada kawasan Bandar Baru sehingga kawasan persisiran pantai Jeram ada berbelas-belas ternakan kolam udang yang telah lama beroperasi, yang telah lama dijalankan. Kenapa di BNO Sabak Bernam pun ada? Memang persisiran pantai merupakan kawasan penternakan udang yang sesuai. Jadi, pada saya, kalau nak disebut, nak buat satu jawatankuasa mengenai, nak menyiasat aduan pencemaran ekologi alam sekitar, sebutlah kepada semua kawasan. Dan kita tahu kalau ada cadangan-cadangan dan misalan kata ada laporan yang mengatakan apa ni, kolam ternakan udang memberi kesan kepada hutan bakau, kepada ekologi dan sebagainya, buat satu laporan kepada semua ternakan kolam udang yang ada di persisiran pantai Kuala Selangor. Itu baru adil. Bukan hanya merujuk kepada satu kawasan. Rujuk kepada semua. Dan kalau ada tindakan-tindakan yang perlu diambil, buat tindakan kepada semua kolam-kolam ini. Kalau patut tutup, tutup. Kalau buat laporan, buat laporan kepada semua.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** Permatang, saya nak mencelah sedikit. Saya nak sebutkan yang fakta yang saya sebut tadi. Mengikut Akta Alam Sekitar,

Kolam Kualiti 1974 dan aduan yang disebut sehingga 30 September 2012, terdapat 82 aduan pencemaran di seluruh Negeri Selangor ini ada 82 aduan yang direkodkan. Di mana pada tahun 2011 ada 76 aduan. Maknanya, daripada segi rekod itu ialah pencemaran kepada, oleh aktiviti-aktiviti penternakan udang. Ini ada rekodnya.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HJ. ABD. RAZAK :** Ok. Saya maklum. Saya tak ada rekod itu. Mungkin Sri Muda ada. Saya tak boleh nafikan, mungkin Sri Muda ada tapi saya tak ada laporan itu. Saya dimaklumkan kolam ini hanya mula beroperasi pada 2011. Pristine Agro, Pristine Agro Food yang dibawa ini, ataupun yang menjalankan program ini. Saya yakin, ini pada pendapat saya, saya mungkin tidak ada fakta yang jelas tetapi saya yakin, setiap satu projek yang akan dimulakan, sama ada projek pembangunan atau projek pertanian, sudah tentulah mereka akan mulakan kerja dengan mendapat kebenaran. Kalau pembangunan perlukan kebenaran merancang. Kalau untuk membina kolam-kolam udang dan sebagainya, sudah tentulah dapat kebenaran daripada jabatan-jabatan yang berkenaan. Sama ada alam sekitar, sama ada Jabatan Pertanian, sama ada Kemajuan Ikan dan sebagainya. Dan saya yakin, syarikat ini yang membelanjakan berbelas juta untuk tujuan pembangunan kolam ini, sudah tentu dia mendapat sokongan ataupun sudah mendapat minit daripada jabatan-jabatan yang berkenaan. Jadi saya yakin siapa berani membuat pembangunan yang besar begini, pelaburan yang besar dalam keadaan apa-apa kelulusan. Yang sudah tentu akan memberikan kesan jangka panjang kepada permodalan mereka. Jadi saya rasa dalam keadaan ini, usul yang dibawa ini, saya, kalau dalam keadaan usul ini, Sekinchan patutnya ambil tindakan menyeluruh kepada semua kolam yang ada di persisiran pantai Kuala Selangor yang menyebabkan kesan, memberi kesan kepada ekologi dan juga Kajang sebut tadi hutan bakau dan sebagainya. Ambil tindakan. Kalau nak perlu ada laporan kata perlu tutup, biar tutup kesemua kolam. Bukan merujuk kepada mana-mana kolam yang tertentu yang ada niat yang saya rasakan memang spesifik Sekinchan ini ada niat yang tak baik kepada individu tertentu. Saya rujuk Yang Berhormat Sg. Burong, laporan sudah dibuat. Tulis surat kepada Menteri Besar. Beri peluang kepada orang yang berkenaan datang dan berhujahlah waktu itu. Yang Berhormat boleh berhujah, kalau rasa tak betul dan buat tuduhan, buat tuduhan.

**TUAN SPEAKER :** Masih dalam keadaan yang saya benarkan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HJ. ABD. RAZAK :** Terima kasih, saya tidak menyokong usul ini.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan Sg. Burong juga mengambil bahagian di dalam usul yang dibawa oleh Sekinchan. Yang saya baca tadi ialah supaya ditubuhkan jawatankuasa untuk menyiasat aduan pencemaran ekologi dan alam sekitar yang berpunca daripada aktiviti penternakan udang, khususnya di Lot 264 Mukim Tanjung Karang milik Menteri



Pertanian, Dato' Seri Noh Omar di Kg Melaka Bagan Tanjung Karang. Agak pelik sedikitlah. Ada 2 isu yang perlu saya ingat Sg. Burong bangkitkan. Yang pertama ialah isu pencemaran ekologi alam sekitar. Yang kedua, isu yang menjurus kepada tanah milik orang tertentu. Jadi, dalam ini, saya ingin nak menyelami, jadi tukang tilik macam Sri Muda tu (ketawa). Apakah hasrat dan niat Sekinchan ini benar-benar murni untuk melihat kajian ekologi ni dibuat untuk menjadikan lestari pembangunan negeri Selangor, ya. Kalau itulah, kalau itu lah tujuannya, maka saya sambut, apa ni, tilikan daripada tukang tilik Sri Muda tadi bahawa saya menyokong sebab kita melihat ya, bukan sahaja keperluan mewujudkan satu pembangunan yang lestari di Negeri Selangor apabila ia telah mencapai satu tahap yang lebih maju, itu adalah penting bagi, bukan sahaja kita nak mensejahterakan rakyat, tetapi juga kalau boleh, alam sekitar itu sekali ya.

Industri ternakan udang ini merupakan satu industri yang penting. Udag, ternakan udang air payau merupakan satu industri penting yang telah menjana pendapatan kepada Negeri Selangor lebih beratus-ratus juta, saya tidak jangkanya, tapi, Jabatan Perikanan boleh, dan Lembaga Kemajuan Ikan boleh memberikan fakta berkenaan dan juga memberikan pembangunan ekonomi yang menjana kepada sektor penternakan udang itu sendiri. Termasuklah memberi pekerjaan, peluang-peluang pekerjaan kepada mereka yang tidak bekerja ya, asalnya, tapi boleh bekerja di kilang-kilang industri penternakan udang. Jadi, industri ini adalah sangat penting. Sama pentingnya kita memelihara alam sekitar. Oleh itu, sekiranya ada aduan-aduan berikutan dengan pencemaran di kawasan sekitar ini. Saya amat setuju, kita mintalah alam sekitar mengenal pasti sama ada perlu kita diwujudkan satu jawatankuasa untuk memastikan bahawa pencemaran alam ini telah berlaku di kawasan-kawasan tersebut dan mencari rumusan-rumusan yang boleh memberikan kesan *integration* yang baik, bukan sahaja kepada alam sekitar tetapi kepada industri berkenaan supaya ia dapat terus dinikmati oleh rakyat negeri Selangor. Kalau itu, saya sokong. Tetapi kalau tujuannya sini, tujuan peribadi sebagaimana disebutkan oleh Permatang, ini peribadi, janganlah dibawa ke dewan. Kalau dikatakan ada penyelewengan, sekali lagi saya nak tegaskan, dalam transformasi yang dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Minta laluan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Untuk memastikan, saya tarik sikit, sikit je. Saya cakap lepas tu tak payah tanya lagi dah ya.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Tak. Lepas cakap boleh saya tanya?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ya?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Habis cakap nanti boleh saya tanya?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ha, boleh juga lah ya.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Ok.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Saya tadi cakap tentang, di dalam transformasi untuk menjadikan kita ni bebas dari rasuah berbagai-bagai ya, usaha-usaha telah dijalankan oleh kerajaan Barisan Nasional sendiri. Pastikan bahawasanya, penyelewengan-penyelewengan kuasa ini akan dapat dihapuskan. Dan kalau inilah tujuannya, apa ni, Sekinchan. Saya tak ada masalah. Buatlah apa yang perlu, laporan polis. Bawalah kepada SPRM, bahawa terdapat penyalahgunaan kuasa, pemilikan Menteri kepada tanah itu. Tapi kena tengok sejarahnya. Bila Menteri punya tanah, adakah dia dapat tanah ini semasa di jawatan Menteri ataupun masa dia belum jadi jawatan pun di dalam UMNO. Itu kena tengok sejarahnya.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE** : Saya mencelah sedikit.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tak apa. Saya tak bagi tukang tilik. Itu saya dah jelaskan cabaran itu.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE** : Jadi tak payah nak bagi pengesahan. Tanah itu dapat 5 bulan selepas individu berkenaan menjadi Menteri. *Title* itu, 5A itu keluar.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ya, ya.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE** : Itu ceritanya. Kalau tidak, dia takkan dapat tanah itu. 5 bulan selepas menjadi Menteri *title* itu pun keluar.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima kasih. Saya ni bukan apa lah. Saya dulu dah jadi lama jadi Pentadbir Tanah, ya. Jadi kita tahu. Pemberian tanah ini bermula daripada proses permohonan dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri ya. Ini, prosesnya ni yang pertama sekali nak bagi kelulusan tanah, ya. Apabila kelulusan tanah itu telah dikeluarkan, ya, kemudian itu, Borang 5 dikeluarkan ya, surat tawaran untuk pembayaran premium dikeluarkan dan dijelaskan, tanah itu telah pun sebenarnya menjadi hak milik kepada pemohon berkenaan di bawah Sistem Torrens dan di bawah Akta Kanun Tanah Negara. Ini tak dipertikaikan. Jadi, ya, telah

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE** : (speaker tutup) Permohonan boleh tapi kelulusan tak terima.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Dah, dah, ini yang saya kata dah lulus. Dah bayar premium. Haa..bila dah bayar premium..

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE** : (speaker tutup) 5A kalau keluar 5A kan, premium belum boleh dibayar.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Bolehlah ya, saya benarkan walaupun Yang Berhormat ini tak ada minta izin dengan Speaker ya. Ikut peraturan ni, patutnya kena minta izin Speaker tapi saya benarkanlah ya. Ini kita interaktif ya. Saya nak jelaskan itu

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** Dalam proses tersebut, kerana ada penyelewengan itu, taksiran yang salah itu, maka, sebab itu, selepas 5 bulan, 5A boleh dapat.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tak ada, saya semak. Pengeluaran hak milik ini boleh datang kemudian. Saya nak beritahu yang hak milik ini boleh dikeluarkan oleh Pejabat Tanah kemudian. Tetapi yang saya nak kata, kelulusan tanah itu daripada pemohon itu, dengan izin ya, adalah apabila premium telah dibayar. Kemudian itu, kalau didaftarkan lagilah. Cuba semak daripada, saya tak nak semak walaupun saya dah tau ya, saya dah tau dah dia punya kronologi ni. Dia diluluskan sebelum dia jadi Menteri. Ini, saya nak cabar Sri Muda tolong semak dan beritahu fakta dia kepada umum atas dasar kebebasan maklumat negeri Selangor ini, boleh? Silakan. Ya, lepas ini lah. Sekarang tak payah lah kita semak dulu, mana ada masa nak semak. Itu dia. Jadi, nak..

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** Sungai Burong, kalau nak fakta itu kita boleh bagi.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ha, *you* bagi dengan SPRM.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE :** 24 tanah kita bagi

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker, dia ni peraturan dia dah langgar ni. Speaker, ini dah langgar peraturan. Sri Muda, ini dah langgar peraturan.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN :** Boleh saya cakap sikit?

**TUAN SPEAKER :** Semua duduk, semua duduk. Tenang, tenang.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tolonglah, ikutlah peraturan.

**TUAN SPEAKER :** Duduk, duduk, semua pihak duduk. Kuala Kubu Baharu duduk, Sri Muda duduk. Hari Jumaat ni, tenanglah sikit. Dah dekat waktu sembahyang ni, tenangkan fikiran ya. Bincang dengan baik. Sila, sila. Sg. Burong sambung.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya berterima kasihlah tentang peringatan ini. Apa dia orang kata, di hari Jumaat yang mulia ini, saya pun tidaklah nak menimbulkan perkara yang boleh menimbulkan nafsu amarah ini, ya. Tapi saya nak beritahu tadi bila, Tuan Speaker, tegur saya. Dia sebut saya dah silap, saya terimalah,

saya tertib. Tapi nampaknya Sri Muda ini suka melanggar peraturan. Jadi, saya nak minta supaya Tuan Speaker tolong tegurlah.

**TUAN SPEAKER** : Saya dah 3 kali tegur Sri Muda hari ni.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : (ketawa) Ok. Saya sampai mana tadi? Ha, tadilah, kalau nak fakta tu tadi, boleh keluarkan fakta. Esok, boleh. Dan saya rasa yang Menteri ini akan bertanggungjawablah. *Is it accountable?* Saya tak boleh menjawab perkara itu. Jadi, tetapi saya nak nyatakan di sini, nampak jelas usul yang dibawa ada usul-usul muslihat. Ini yang tak mahu. Ada macam tadi, dia kata, Permatang tadi. Peribadi. Peribadinya saya sangat tahulah, kita ni *neighbour* ya. Sekinchan dengan Sg. Burong, dia dengan saya tahu sangat. Tapi bila sebut je nama tu, dia macam *sensitivity* terlalu tinggi. Jadi, saya ingat kena la ambil, kita pergi Spa lepas ini, relaks kan ya, supaya lembutlah, pergi. Kalau saya, fakta-fakta tak betul, katanya ada penyelewengan, ada undang-undang yang membolehkan Sekinchan membuat perkara ini. Nanti jangan kita..

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini..

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tapi jangan kita membazirkan perkara kat Dewan ini..

**TUAN SPEAKER** : Ini, ini ada udang di sebalik batu ataupun ada batu di sebalik udang.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ha, ini sebab di kolam udang ya, tentulah ada udang di sebalik batu. Jadi, itulah, saya pun tak nak panjang-panjang dan membazirkan masa dewan. Hari ni Jumaat yang mulia, banyak lagi usul-usul, jadi setakat itu, tapi saya nak pesan mengapa saya menolak usul ini. Saya menolak sebab ada Tuan Speaker sebut tadi, udang di sebalik batu. Sekian, ada udang di sebalik batu. Ini peribahasa ni. Yang pakar bahasa Bangi, dia boleh jelaskanlah ya.

**TUAN SPEAKER** : Tak, mungkin ini ada batu di sebalik udang.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Ha, ini belum ada lagi perumpamaan ini. Ini kena tanya Bangi lagi, suruh dia tengok, pakar bahasa. Ok, jadi saya mengakhiri ucapan saya, saya sebenarnya nak ucapkan tahniahlah kepada Tuan Speaker yang telah berjaya menjawab semua soalan, ini satu rekod, dan saya ucapkan tahniah dan saya ucapkan terima kasih. Kita berjumpa di medan peperangan nanti. Kita tengok dan rasakan, tetapi saya, insya-Allah yang Barisan Nasional akan menang di PRU 13. (Ahli Yang Berhormat dewan ketawa)

**TUAN SPEAKER** : Kg. Tunku.

**TUAN SPEAKER :** Baik, Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker ,Kampung Tunku juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan Kampung Tunku menyokong sepenuhnya Usul daripada Sekinchan ini. Saya berpendapat daripada hujah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional mereka cuba mengaitkan isu ini dengan isu individu ataupun isu peribadi dan pada saya janganlah kita membaling batu sembunyi tangan, janganlah otak kita bertukar menjadi otak udang dalam perkara ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya rasa dalam isu ini isu yang penting ialah Kerajaan harus mengambil tindakan terhadap sesiapa pun sama ada syarikat, orang perseorangan sama ada orang itu adalah orang yang memegang jawatan tinggi dalam Kerajaan ataupun rakyat biasa. Kalau dalam isu ini syarikat ini telah menyebabkan pencemaran ekologi dan alam sekitar maka ianya harus diambil tindakan. Saya ingin berpesan dan sebenarnya inti pati Usul ini adalah sedemikian iaitu janganlah kerana pemilik kepada syarikat ini adalah seorang menteri dalam bidang pertanian dan aktiviti syarikat ini adalah juga dalam bidang pertanian maka beliau sewenang-wenangnya di lepaskan begitu sahaja. Ini adalah isunya tapi masalahnya ialah isu tidak difahami orang-orang di sebelah itu tidak faham tentang isu ini dan mereka cuba kaitkan isu ini dengan isu-isu individu dan sebagainya. Saya rasa ini bukan isunya dan janganlah kita cuba, orang kata memblurkan mengaburkan pandangan kita.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Mohon penjelasan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya, silakan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Terima kasih. Kampung Tunku, dalam isu ini Yang Berhormat Menteri Pertanian adalah tuan punya tanah yang disewakan sebanyak RM25,200.00 setahun selama setahun kepada Syarikat Prestine Agro Food dan beliau tidak ada pegang apa-apa *share* pun atas Syarikat Prestine Agro Food jadi atas dasar ini beliau menyewakan tanah yang kosong milik beliau kepada syarikat berkenaan. Tidak ada kepentingan apa-apa. Kepentingannya atas bentuk sewaan sahaja. Macam kita kalau kita ada bendang yang terbiar, kita sewakan kepada orang lain dan orang itu mengusahakan sawah itu apakah dia tak boleh dapat nilai sewaan walaupun dia menteri dia tidak menjalankan perniagaan itu. Saya ingat Yang Berhormat mungkin tersilap atas isu ini juga.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Yang Berhormat dari Permatang sebenarnya memberi satu jawapan yang bercanggahan sesama sendiri. Tadi Yang Berhormat berkata bahawa tidak ada apa-apa kepentingan tetapi Yang Berhormat selepas itu mengatakan bahawa ada kepentingannya tanah itu disewa kepada syarikat ini walaupun menteri tidak ada kepentingan dalam syarikat ini. Kalau kita ikut undang-undang tanah yang sedia ada pemilik tanah bertanggungjawab terhadap segala aktiviti tanah yang

dijalankan di atas tanahnya itu sama ada dia mempunyai atau pemilik tanah ini mempunyai kepentingan di dalam syarikat yang menjalankan aktiviti di atas tanahnya atau tidak.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Apa kesalahannya kepada yang tuan punya tanah?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Memastikan bahawa aktiviti yang dijalankan di atas tanah ini mematuhi semua peraturan dan undang-undang. Dalam kes ini terdapat aduan pencemaran ekologi dan saya ingin menyatakan bahawa pihak berkuasa harus mengambil tindakan terhadap semua yang terlibat tanpa mengira pangkat, kaum, agama dan sebagainya. Walaupun dia Menteri, walaupun syarikat ini menjalankan aktiviti di atas tanahnya tindakan harus diambil. Ini adalah inti pati, Usul semangat di sebalik Usul Yang Berhormat Sekinchan ini walaupun tadi dinyatakan di sepanjang persisiran pantai Kuala Selangor, Tanjung Karang, Sabak Bernam banyak aktiviti dijalankan. Saya ingin mengatakan dan saya rasa ini juga merupakan pendirian Kerajaan Negeri Selangor sesiapa pun yang mencemar alam sekitar, merosak ekologi harus diambil tindakan termasuk syarikat yang menternak udang di atas tanah ini jadi ini adalah isunya dan saya meminta kawan-kawan dari Barisan Nasional jangan mengaburkan pemandangan ataupun mengaburkan perbincangan kita pada Sidang Dewan yang tentang Usul ini. Isunya ialah dari segi pelaksanaan undang-undang. Isu bukan antara Yang Berhormat Sekinchan dengan Ahli Yang Berhormat Ahli Parlimen Tanjung Karang, itu bukan isu dia mungkin sebelum ini dikatakan bahawa tanah ini diberi selepas Yang Berhormat Ahli Parlimen Tanjung Karang menjadi menteri 15 itu saya rasa ianya tidak berkaitan dengan sama ada menteri ini menjadi menteri 15 selepas itu ianya adalah berkaitan dengan masalah pelaksanaan undang-undang dan atas sebab itu Tuan Speaker saya memberikan sokongan penuh kepada Usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Sekinchan ini. Jadi dengan itulah ucapan saya , sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya pihak Kerajaan.

**Y.B. PUAN ELIZABTH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker saya ingin mengambil satu dua minit untuk memberi penjelasan tentang Usul ini. Memang kita telah semak tapak tersebut pada awalnya kerana satu kita menerima aduan daripada seorang Ahli Majlis daripada Majlis Daerah Kuala Selangor. Soalan pada masa itu awal tahun ini adakah tapak tersebut tanah kerajaan atau tanah milik jadi jawapan yang pihak kerajaan telah memberi kepada Ahli Majlis tersebut adalah tanah tersebut berstatus tanah milik yang bernombor PN79844, berikutan daripada siasatan tersebut pihak Lembaga Urus Air Selangor yang mempunyai bidang kuasa mengawal semua aktiviti berkaitan tentang kawasan pengairan dan sebagainya mereka telah mendapati bahawa pemilik tanah yang disiasat itu tidak pernah menghantar permohonan kebenaran

bertulis aktiviti pengubahan sumber yang tertakluk di bawah Seksyen 43 (1) di mana sebarang aktiviti pengubahan sumber memerlukan kebenaran bertulis daripada Pengarah LUAS. Pembinaan kolam udang antara satu daripada aktiviti di mana pengubahan sumber kebenaran bertulis daripada Pengarah LUAS sebelum aktiviti berkenaan boleh dijalankan. Pada masa yang sama hasil semakan daripada pihak LUAS ialah pihak pemilik tanah tersebut juga belum memohon lesen kemasukan dan pelepasan bahan pencemar daripada pihak LUAS. Untuk makluman semua bagi sebarang aktiviti ternakan udang laut dalam kolam yang mempunyai keluasan sebanyak lebih daripada 10 hektar adalah tertakluk di bawah peraturan kemasukan dan pelepasan bahan pencemar (Selangor) 2012 yang memerlukan pihak pengusaha untuk memohon lesen daripada Pengarah LUAS. Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini juga ada 2 notis yang baru-baru ini telah keluar bukan sahaja untuk Syarikat Prestine Agro Food notisnya 001110 tetapi juga ada satu dua kolam ataupun pengusaha ternakan udang yang dikeluarkan notis kesalahan pencemaran tanpa lesen. Saya setuju secara amnya setuju bahawa kita lebih tegas dengan semua pengusaha-pengusaha yang menjalan aktiviti udang laut. Tadi ada pihak pembangkang juga menyatakan bahawa ini adalah industri yang sangat besar beratus-ratus juta ringgit di pendapatan mereka, kalau begitu saya rasa untuk beberapa juta ringgit digunakan untuk ada satu sistem rawatan yang paling bagus di dunia saya rasa boleh di tempatkan di tapak-tapak kawasan ternakan kawasan udang laut bukan satu *figure* yang besar.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Tuan Speaker, saya mohon penjelasan

**Y.B. PUAN ELIZABTH WONG KEAT PING :** Sekarang bukan..

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** *Interactive*, terima kasih kepada

**Y.B. PUAN ELIZABTH WONG KEAT PING :** Terserah kepada Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Adakah dalam maklumat Yang Berhormat EXCO mengenai ternakan udang yang saya sebut tadi ada berpuluh-puluh pantai Selangor mempunyai atau mendapat kelulusan sebagaimana yang dibenarkan oleh akta LUAS tadi atau dalam maklumat EXCOlah saya tak minta hari ini, sama ada ataupun tak ada.

**Y.B. PUAN ELIZABTH WONG KEAT PING :** Terima kasih Permatang kebanyakan mereka sudah ada lesen dan diberitahu untuk kalau belum untuk mendapat lesen tersebut jadi kalau boleh saya akan beri senarai ke semua syarikat-syarikat tersebut kepada Yang Berhormat Permatang. Saya dah lupa saya di mana sekarang. *Okay* sistem rawatan saya rasa ini adalah satu perkara yang penting dan saya pun setuju dengan hujah daripada Kajang dan juga Sri Muda kita perlu menjaga dan memberi

fokus yang lebih tertumpu kepada semua aktiviti-aktiviti di kawasan hutan simpan paya bakau dan juga kawasan hak milik persendirian di mana ada hutan bakau. Saya akhiri dengan kenyataan bahawa Kerajaan Negeri Selangor walaupun kita ingin membangunkan lagi atau menggalakkan lagi industri penternakan udang laut dan juga ikan namun begitu kalau industri tersebut menyalahkan enakmen ataupun peraturan dan juga menjejaskan alam sekitar Kerajaan Negeri Selangor akan tegas dan kita akan memberhentikan aktiviti-aktiviti tersebut yang menjejaskan alam sekitar. Akhirnya..

**Y.B. PUAN ELIZABTH WONG KEAT PING** : *No.. .no I have to finish*

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Minta penjelasan sedikit berkaitan hal tersebut.

**Y.B. PUAN ELIZABTH WONG KEAT PING** : *No*, saya tidak kalau boleh Tuan Speaker, Kajang saya hendak habiskan ini kerana saya tidak mahu ambil terlalu banyak masa. Akhirnya Kerajaan Negeri Selangor setuju dengan Usul yang di bawa oleh Sekinchan dan pada masa yang sama kita daripada Kerajaan Negeri Selangor juga akan menggunakan Jawatankuasa Khas tersebut untuk menyemak semua aktiviti-aktiviti penternakan udang di kawasan Tanjung Karang, sungai Selangor dan sebagainya supaya kita boleh dapat satu gambaran yang holistik dan satu penyelesaian atas masalah pencemaran secara keseluruhannya. Terima Kasih.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Kajang ingin bertanya sedikit dapat penjelasan Y.B EXCO.

**TUAN SPEAKER** : Nanti dulu, Yang Berhormat EXCO tak benarkan. Yang Berhormat sekalian, sebentar tadi saya telah pun membenarkan Pihak Kerajaan untuk memberi penjelasan berdasarkan perintah Tuan Speaker No. 1/2012 Perenggan 2 (5) di mana dalam Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat pihak Kerajaan boleh memberi penjelasan dan masa yang diberikan adalah 15 minit dan sekarang kelihatan Sekinchan hendak menggulung kerana sebagai pencadang mengikut Perenggan 2(6) juga pihak pembawa Usul boleh diberi 5 minit untuk menggulung. Dipersilakan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih kepada jawapan daripada Bukit Lanjan tentang pendirian kerajaan dan saya hendak nyatakan di sini dalam penggulungan saya Tuan Speaker berkaitan dengan isu yang saya bawa, saya bawa isu ini saya hendak nyatakan dengan jelas dalam Dewan yang mulia ini saya tiada dendam kesumat, dendam peribadi dengan Yang Berhormat Dato' Seri Noh Omar menteri udang ini, menteri pertanian ini tak ada peribadi bukan persoalan peribadi kalau nak saman tak saman itu bicara mahkamah. Biar mahkamah yang uruskan tapi saya nak nyatakan di sini saya bawa isu-isu itu dua tiga isu yang saya bawa dalam Dewan ini adalah isu yang penting berkaitan dengan kepentingan orang ramai, contoh isu udang, ini isu ternakan udang ini berkaitan dengan pencemaran kemungkinan



berlaku dan saya katakan tidak semestinya berlaku tapi mesti ada jawatankuasa siasat dan saya tumpukan di kawasan Tanjung Karang khususnya di lot ini kerana di lot ini orang lebih kenal siapa dia, Mentari Pertanian dan sekarang kerajaan ambil maklum dia kata siasat semua tak ada masalah maknanya memang niat saya hendak beritahu dulu ada jawatankuasa pantau jadi dalam konteks ini penternakan udang demi kepentingan alam sekitar, ekologi demi anak cucu kita akan datang dan kenapa hutan paya bakau diteroka dilucutkan warta itu satu. Yang kedua berkaitan dengan benih padi yang saya Usulkan telah diluluskan sepintas lalu itu berkaitan dengan wang rakyat RM164.8 juta wang rakyat bukan wang Sekinchan sebab itu saya bawa pendirian Kerajaan Negeri Selangor di bawah Dewan ini kita kena nyatakan. Yang ketiga isu berkaitan dengan sapu tanah satu Malaysia iaitu SATIM, 24 tebing tanah itu tanah rakyat ini dengan kepentingan orang ramai. Maka dengan itu penting.

**Y.B DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tuan Speaker minta laluan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** *Okey*

**Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya seronok benar sepanjang persidangan ini menyebut nama saya ni. Sapu Tanah 1 Malaysia. Saya nak tanya Yang Berhormat Sekinchan, apakah nama yang disebutkan itu bertujuan kepada saya? Kalau itulah tujuannya, bermakna Yang Berhormat Sekinchan sudah mempunyai satu niat yang sangat buruk. Jadi apa maknanya? Kalau Yang Berhormat Sekinchan ini mempunyai satu niat yang buruk kerana itu sudah kena-mengena dengan nama saya? Itu yang saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Jangan ada hubung kaitkan perkara-perkara seperti ini yang boleh menjadikan niat buruk sangka kepada seseorang. Saya ingat Yang Berhormat Sekinchan lebih arif tentang perkara ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Ketua Pembangkang Seri Serdang. Saya nak beritahu singkatan sebab NGO atau pun skandal-skandal ini ada singkatan. Sapu Tanah 1 Malaysia itu singkatan SATIM. Tiada kena-mengena kalau siapa makan cili terasa pedas. Itu saya tak tahu. Tapi tak ada. Saya tiada niat sebegitu ya. Seterusnya saya nak nyatakan di sini.....

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN :** Sekejap, sekejap. Boleh saya celah sikit?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tak ada, tak ada. Masa tak ada. Nak gulung, nak gulung sampai habis.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN :** Takut ha?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Bukan takut. KKB apa ada.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN :** Bukan. *You very low standard* tahu? Itu STIM..... cakap baik-baik.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ini masa saya. Saya tak bagi. Terima kasih, Tuan Speaker. Jadi, akhir penggulungan saya, saya minta keseluruhan isu, seluruhnya yang saya bangkitkan ini berkaitan dengan kepentingan rakyat dan kepentingan awam. Maka, saya minta Dewan meluluskan usul ini dan akhir saya tutup dengan satu pantun Jawa. Nanti saya akan *translate*.

Tino tino mangan kupat,  
Hari-hari makan ketupat,  
Kupat dimangan karo ampas,  
Ketupat dimakan dengan ampas.  
Pemimpin UMNO memang hebat,  
Tanah rakyat kapeh dikebas.

Sekian sahaja saya menggulung. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi :-

“Bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan menggesa pihak Kerajaan Negeri menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk menyiasat aduan pencemaran ekologi dan alam sekitar yang berpunca daripada aktiviti-aktiviti penternakan udang khususnya di atas Lot 26426, Mukim Tanjung Karang, tanah milik Menteri Pertanian Datuk Seri Noh Omar di Kampung Melaka, Bagan Tengkorak, Tanjung Karang.”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya. Usul No. 18 Tahun 2012, Usul di bawah Peraturan Tetap 27 (3) oleh Yang Berhormat Rawang.

**TUAN SPEAKER:** Ya, silakan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon membawakan suatu usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawasanya Dewan Yang Mulia ini, mengambil ketetapan untuk mengenakan denda RM5,000.00, yang akan dipotong dari Elaun Khas Ahli Dewan Negeri, ke atas Ahli Dewan Negeri Kawasan Batang Kali kerana kenyataan seksis yang dikeluarkan oleh

Yang Berhormat Batang Kali terhadap Yang Berhormat Bukit Lanjan pada 22 November 2012, semasa sesi penggulungan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan yang berbunyi “..... tapi jangan sampai terlupa jaga hutan kita sendiri”.

Dato' Speaker dan ahli Yang Berhormat sekalian. Semasa saya membawa usul ini kepada Dewan Yang Mulia ini, pada hari ini. Ingin saya maklumkan bahawa Dewan Rakyat pada tiga (3) hari lepas telah meluluskan cadangan pindaan untuk Peraturan Tetap 36 (4) untuk dimasukkan dengan fasa atau menggunakan kata-kata seksis di sidang Dewan Rakyat selepas majoriti Ahli Parlimen menyokong usul tersebut. Bagi menghalang dan mengingatkan mana-mana ahli Dewan untuk tidak mengeluarkan kata-kata seksis di dalam Dewan. Pindaan peraturan tersebut adalah berpunca daripada kenyataan seksis Ahli Parlimen UMNO BN pada tahun 2007 iaitu Yang Berhormat Kinabatangan, Y.B. Bung Mokhtar yang mengeluarkan kenyataan bahawa wanita juga ada pengalaman bocor setiap bulan dalam Dewan Rakyat pada tahun 2007 semasa isu tentang pengurusan bangunan Parlimen dibahaskan.

Hari ini, di Dewan Negeri yang mulia ini juga. Saya perlu bawakan usul ini terhadap Yang Berhormat Batang Kali yang telah mengeluarkan kenyataan seksis terhadap Yang Berhormat Bukit Lanjan semasa beliau membuat ucapan penggulungan. Sebelum saya mengulas lebih tentang tujuan saya bawakan usul ini. Ingin saya bawa Yang Berhormat untuk merujuk balik kepada konteks berlakunya atau pun kenyataan seksis ini dikeluarkan. Saya rujuk kepada *hansard* yang bertarikh 22, 23 November 2012, muka surat 62 yang mana yang mana Yang Berhormat Puan Elizabeth Wong atau pun Yang Berhormat Bukit Lanjan telah menjawab tentang isu pencerobohan hutan Taman Templer yang dikatakan oleh wakil daripada pembangkang.

Saya petik ayat yang terakhir dalam penggulungan Yang Berhormat Bukit Lanjan “*The housing development now*, Taman Templer saya fikir saya hendak baca kalau 100 nama. Saya nak baca dalam Dewan supaya boleh direkodkan dalam *hansard*. *Development now* Taman Templer. Saya fikir saya hendak baca dalam Dewan supaya direkodkan dalam *hansard* tetapi tidak boleh 1,085 hak persendirian dari dulunya tetapi tidak mengapalah, saya *go through* lah”.

Selepas itu yang Berhormat Batang Kali mencelah “Puan Speaker, sebentar sahaja”. Yang Berhormat Bukit Lanjan menjawab “Silakan”. Yang Berhormat Batang Kali sekali lagi “Terima kasih, cuma saya mungkin setuju dengan kenyataan yang diberikan. Mungkin yang dihebahkan itu menjadi kesalahan kepada Kerajaan Negeri. Saya berharap EXCO kalau berani, betul-betul berani, saman *Star*. Saman *Star* kerana mengeluarkan fakta yang salah dan saya juga amat gembira EXCO menjaga kawasan-kawasan”. Puan Timbalan Speaker seterusnya bertanya kepada Yang Berhormat Batang Kali untuk terus kepada soalan, terus kepada soalan ini bukan sesi perbahasan. Yang Berhormat Batang Kali katakan “Teruskan menjalankan aktiviti-aktiviti mengawasi

hutan-hutan atau tanah simpan ini daripada di ceroboh tapi jangan .....”. Puan Timbalan Speaker bertanya lagi “Apa dia soalan?”. Yang Berhormat Batang Kali jawab terus “Jangan sampai.....”. Lepas tu Puan Timbalan Speaker tanya sekali lagi “Soalannya apa?”. Dan terus Yang Berhormat Batang Kali katakan “Jangan sampai terlupa jaga hutan kita sendiri, terima kasih”. Itu Puan Timbalan Speaker memberi kesimpulan “Ini adalah tiada soalan”.

Semua ini boleh kita tonton melalui siaran langsung TV Selangor pada 22 November 2012. Yang Berhormat Batang Kali telah mengeluarkan kenyataan seksis. Selepas itu dengan senyuman yang sinis selepas Yang Berhormat Bukit Lanjan berucap. Nyata kelakuan dan kenyataan Yang Berhormat Batang Kali bukannya untuk dapatkan fakta tetapi adalah bersifat untuk menghina. Kata-kata yang dikeluarkan sebegini bukan satu gurauan remeh kerana wanita menganggapnya sebagai satu penghinaan terhadap tubuh badan semula jadi wanita.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat sekalian,

Menurut *wikipedia*, seksisme selalunya merujuk kepada diskriminasi atau kebencian terhadap orang berdasarkan jantina mereka atau apa jua yang berkaitan dengan jantina seseorang. Seksisme boleh merujuk kepada perbezaan kepercayaan atau sikap yang sesuatu jantina lebih rendah atau lebih tinggi dari jantina yang lahir. Seperti *chauvinist* lelaki atau perempuan. Kebencian atau ketidakpercayaan kepada jantina yang lain memaksakan stereotaip kekelakian ke atas lelaki atau keperempuanan ke atas perempuan. Anutan seksisme ini membawa pemikiran bahawa satu *gender* adalah lebih *inferior* atau lemah dari yang lainnya. Ia juga bermaksud mendiskriminasikan *gender* dan tidak mempeduli soal memelihara maruah dan martabat *gender* baik lelaki atau pun wanita. Seksisme adalah berlawanan dengan Perlembagaan Malaysia dan penyatuan Malaysia dalam mendukung tuntutan untuk menghapuskan sebarang bentuk diskriminasi terhadap wanita.

Seluruh rakyat Malaysia khususnya rakyat di Negeri Selangor wajar berasa sangat bimbang jika Wakil Rakyat kita menganggap isu seksisme ini adalah sesuatu yang remeh dan tiada nilai sedikit pun. Ahli-ahli Dewan Negeri yang seksis tidak akan mampu membawa keadilan untuk semua. Lebih-lebih kepada wanita yang sentiasa menjadi golongan yang di diskriminasi dan dipinggirkan. Lazimnya para pemimpin yang bersikap seksis tidak mampu memberi pertimbangan yang adil dan saksama terhadap wanita.

Yang Berhormat Dato’ Speaker dan Yang Berhormat Dewan sekalian,

Perbuatan ini seterusnya, perbuatan yang diadakan oleh Yang Berhormat Batang Kali ini seterusnya mencemarkan martabat Dewan Yang Mulia ini sebagai *platform* untuk berdebat tentang polisi Kerajaan Negeri Selangor secara profesional. Harus saya

ingatkan semasa kita berucap dalam Dewan Yang Mulia ini, semua ini disiarkan secara langsung dan ditonton oleh rakyat di Malaysia dan mereka yang duduk di luar negara. Kelakuan Ahli Dewan Negeri Batang Kali juga menjatuhkan imej Yang Berhormat sekalian. Seolah-olah Dewan ini memberi perestuan terhadap sesiapa Ahli Dewan untuk bersifat seksis terhadap Ahli Dewan yang lain. Sesungguhnya nilai denda yang dikenakan dalam bentuk wang ringgit ini sudah tentunya tidak setimpal dan tidak mungkin menutup luka dan penghinaan terhadap mereka yang dilemparkan dengan kenyataan atau pun kelakuan seksis. Selain denda, saya juga ingin cadangkan kursus khas peka *gender* dan kaunseling perlu dijalankan oleh Yang Berhormat Batang Kali bagi menyedarkan dia yang tidak-tidak insaf lagi dengan kenyataan seksisnya. Ingin saya ingatkan kepada semua. Hak dan martabat wanita perlu dihormati dan kita bukannya semata-mata golongan yang dirayu undi. Rakyat Malaysia, khasnya rakyat negeri Selangor perlu tolak Ahli Dewan Negeri Selangor dan mereka yang bersifat seksis.

Dengan ini, Rawang mohon usul ini disokong dan diluluskan bagi kita mencegah sebarang kenyataan dan kelakuan seksis dalam Dewan Yang Mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tuan Speaker, saya Hulu Kelang menyokong usul No. 18 Tahun 2012 dan saya ingin ambil bahagian dalam perbahasan di mana isu ini adalah isu yang sangat penting. Memandangkan ketamadunan dan budayanya sesuatu masyarakat dan bangsa adalah apabila ada suasana hormat-menghormati antara semua pihak khususnya dalam konteks *gender*. Dalam masyarakat yang berbudaya, isu sensitif *gender* ini amat dipentingkan dan isu yang berkaitan dengan seksisme adalah dipandang dengan satu aspek yang sangat berat oleh masyarakat.

Contohnya, di Australia baru-baru ini. Seorang yang sangat disayangi oleh masyarakat Australia, David Campese. Seorang tokoh, idola pemain ragbi yang handalan. Di Australia, sesiapa yang menganggotai pasukan *Wallabase* ragbi ini dianggap sebagai satu hero dan dikenang jasanya. Tambahan David Campese adalah seorang yang hebat, menyertai pasukan Australia *Wallabies* selama 101 *tess*. 101 kali mewakili pasukan *Wallabies* Australia dan telah mencecah rekod 64 *tries*. 1 *try* itu adalah 1 gol lah. Tapi adalah satu yang sangat dihargai. Permainan ragbi ini memang dalam konteks suasana kesetiakawanan masyarakat pemain sukan ragbi ini, dia dianggap sebagai pemain *gentleman, macho*, hebat. Tetapi baru-baru ini apabila seorang wanita, wartawan wanita ditugaskan oleh *Sydney Morning Herald* untuk membuat liputan akhbar tentang pasukan *Wallabies* membuat lawatan ke Eropah. Tiba-tiba David Campese menyatakan "*Why does the SMH guest a girl to write on rugby*". Bunyinya biasa sahaja, kenapa seorang wartawan wanita dilantik oleh *Sydney Morning Herald* untuk menulis tentang ragbi. Ini dianggap seksis dan David Campese yang dihargai, dihormati, disanjung diserang dikecam dengan hebat. Sebaik sahaja *twitter* itu keluar,

dia meminta maaf kepada masyarakat seluruh Australia. Begitulah tamadunnya masyarakat tentang wanita. Jadi, persoalannya .....

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, masa sudah pukul 12.00.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya boleh sambung nanti?

**TUAN SPEAKER:** Boleh. Sambung petang ini.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Lepas solat?

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat sekalian, jam sudah menunjukkan 12.00 tengah hari. Maka, saya tangguhkan Dewan sehingga pukul 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari )**

**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Dewan bersidang semula.

**TUAN SPEAKER :** Dipersilakan Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB :** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih, Tuan Speaker. Menyokong usul yang dibawa oleh Rawang, usul No.18, Tahun 2012. Saya ingin mengingatkan bahawa saya tadi menyentuh tentang budaya menghormati dan sensitif terhadap isu gender dan tidak melaksanakan seksisme adalah satu ukuran kepada kemajuan sesuatu bangsa dan negara. Sebagaimana yang saya nyatakan di Australia, masyarakat sangat sensitif apabila walaupun seorang idola mereka dalam pasukan walabi telah mengeluarkan kenyataan yang seksis melalui *twittemya* beliau telah dikecam dan ini menunjukkan bahawa budaya adalah budaya yang sangat cemerlang bagi masyarakat Australia...

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB :** ... telah bertamadun cukup menghormati hak wanita dan tidak menyinggung sedikit pun tentang isu yang sensitif berkaitan dengan gender.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Mohon mencilah. Seri Setia ingin bertanya kepada Hulu Kelang. Apa pandangan apabila kalau masyarakat Australia seorang pemain ragbi yang dianggap macho di dalam budaya mereka sanggup meminta maaf di atas kenyataan yang mungkin ini saya rasa jauh tak seriuslah kalau berbanding dengan kenyataan yang dibuat oleh Batang Kali di dalam Dewan yang mulia ini, mereka sanggup minta maaf. Tapi di sini membabitkan seorang pemimpin Muslim mengeluarkan kenyataan demikian.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB :** Ya, saya amat terkejut apabila saya mendengar Batang Kali berucap. Saya tersentak dan terkejut kerana sebagai seorang Muslim saya terasa bagaimanakah kita sepatutnya menghormati perintah Allah SWT, di dalam Al-Quran Allah berfirman (Bahasa Arab). Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu dan katakanlah ucapan-ucapan yang mulia dan benar, betul dan suci. Jadi (Bahasa Arab) merupakan satu ungkapan yang memang kita hayati. Kita sebagai seorang Islam masuk Dewan baca Bismillah. Keluar Dewan baca Tawakkal A'lallah. Masuk tandas baca doa, keluar tandas baca Ghufranat agar seluruh penglibatan kita ini dianggap sebagai ibadah di jalan Allah SWT dan merupakan amal soleh. Jadi, maknanya Dewan yang mulia ini merupakan tempat yang mana sepatutnya

sebagai seorang Muslim kita mengumpul keredaan Allah SWT, tak kiralah mana-mana parti. Saya bercakap tentang mengingatkan saudara Muslim kita agar kita beringat tentang ajaran Allah SWT. Apabila saya tersentak itu, saya terus terkenang pengalaman saya di tahanan ISA. Saya dua kali ditahan ISA. Di antara penderaan yang paling teruk saya kena adalah ditengking, dimaki, dihina, dicerca, dihamburkan dengan ungkapan-ungkapan yang lucah berjam-jam dan tidak ada istilah yang diguna pakai di dalam kamus Melayu dan Inggeris yang menyentuh tentang bahagian-bahagian sulit wanita yang telah dihamburkan kepada saya. Ini merupakan satu perkara yang sangat saya terkejut ketika itu dan saya terkejut di Dewan ini seorang ahli Dewan yang mulia ini mengungkapkan satu perkataan yang boleh saya kenang sebagai ungkapan yang lucah. Saya menguji, saya *test* kefahaman saya. Saya *test* tentang konsep lucah ini apabila saya di luar Dewan pada hari itu bertemu dengan seorang Anggota Dewan, Ahli Dewan yang berbangsa Cina, bukan beragama Islam dan yang seorang lagi seorang yang berbangsa India, yang bukan beragama Islam agar saya dapat menyelami apakah perasaan seorang bukan Islam, seorang bukan Melayu terhadap isu-isu yang berkaitan dengan perkara yang lucah. Jadi, saya bertanya dengan dia, saya *test*, saya kata apa pandangan Y.B. sekiranya seorang lelaki bercakap dengan seorang perempuan dan Y.B. seorang lelaki dengar ungkapan demikian. Mereka semua menunjukkan muka yang sangat-sangat negatif mengatakan itu adalah satu yang *vulgar* dengan izin, satu yang lucah. Jadi saya kecewa, di Dewan yang mulia ini, kita sepatutnya memartabatkan Dewan. Ahli Dewan mempunyai hak dan kebebasan di Dewan yang dimuliakan. Kalau di luar sana ungkapan-ungkapan begitu merupakan satu jenayah. Gangguan seksual yang boleh di saman di mahkamah, dibuat *report* polis. Tetapi kita menghormati kemuliaan Dewan dan kita mengusulkan satu usul agar dengan adilnya seorang anggota Dewan yang telah mengeluarkan ungkapan-ungkapan yang tidak senonoh akan dapat diadili secara adil-adilnya. Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada Peraturan 30(1), Peraturan Tetap. Bila sesuatu usul itu dalam timbangan Dewan dan jawatankuasa. Pindaan-pindaan bolehlah dicadangkan jika pindaan itu berkaitan dengan usul itu. Jadi walaupun saya amat mengecam perkataan seksis yang digunakan oleh Batang Kali saya menganggap bahawa menghukum dengan denda sebanyak RM5,00.00 adalah terlalu berat dan saya ingin usulkan agar diturunkan kepada RM1,000.00. Sekian, Tuan Pengerusi, Speaker.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Speaker.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Baik, usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk perbahasan.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Speaker.



**TUAN SPEAKER :** Sesiapa, sebab ada satu cadangan untuk meminda usul. Jadi terpulang kepada mana-mana ADUN kalau yang hendak menyokong cadangan untuk meminda usul tersebut. Kita akan, Dewan ini akan buat keputusan ya. Sebelum kita membuat keputusan ke atas usul keseluruhannya. Ya.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Jadi kalau saya berucap, saya sokong yang mana satu Yang Berhormat? Saya boleh sokong mana-mana.

**TUAN SPEAKER :** Ya, terpulang pada Yang Berhormat nak sokong yang asal atau nak sokong yang apa ini pindaan tersebut ya. Kalau tidak ada sokongan untuk pindaan tersebut, maka Dewan ini akan putuskan usul yang asal sahaja.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker. Seri Setia ingin turut sama menyokong usul yang telah di bawa oleh Rawang pada petang ini. Seri Setia dahulu di peringkat sekolah dulu pernah menjadi seorang pembahas bagi peringkat Piala Perdana Menteri, tetapi yang Seri Setia agak kagum ketika kita berada di dalam Dewan yang mulia ini ya, mutu perbahasan kita di dalam beberapa ketika menunjukkan mutu yang lebih rendah, dia mutu pelajar-pelajar sekolah. Kalau kenyataan sebagaimana yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Batang Kali tersebut dikeluarkan dalam pertandingan bahas peringkat sekolah pun akan segera dikenakan tindakan. Tetapi di dalam kes ini kita tengok tidak ada rasa bersalah di peringkat Yang Berhormat Batang Kali ataupun teman-temannya di dalam insiden yang berlaku dan mungkin saya fikir ini satu perkara yang semula jadi ya, bila kita lihat kepimpinan wanita UMNO sendiri dibelenggu pelbagai masalah hari ini. Ya, kalau Ketua Wanita UMNO Malaysianya dibelenggu kes NFC RM250 juta. Ketua Wanita UMNO Selangornya pula baru sahaja menjelang Perhimpunan Agong UMNO tahun ini didedahkan oleh peniaga karpet bahawa terlibat pula dalam kes melibatkan RM400 juta, Pusat Pengajian Pertahanan Nasional Malaysia. Jadi, sebab itu ya, kita mungkin tidak terkejut kita lihat dalam Sidang Dewan ini sendiri ataupun di dalam Dewan Undang Negeri Selangor sendiri tidak ada wakil-wakil daripada wanita yang mewakili pihak UMNO. Jadi mungkin mereka secara semula jadi tidak sensitif, tidak wujud rasa gender sensitif terhadap wanita....

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** ...sedangkan. Ya.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Saya nak minta sedikit mencelah dan penjelasan daripada Yang Berhormat Seri Setia kalau kita ingat lagi sebelum semasa menyambut Hari Wanita Malaysia, Perdana Menteri sendiri yang juga merupakan Pengerusi UMNO yang juga merupakan Menteri Wanita sekarang sendiri katakan di Malaysia ini wanita tidak perlu lagi *movement* dengan izin pergerakan untuk hak wanita ini sebab wanita telah dilayan dengan adilnya di Malaysia ini. Saya rasa ada tak Yang Berhormat bersetuju

sebenarnya kita punya Menteri Wanita yang juga merupakan Pengerusi UMNO yang memang tidak faham ataupun peka dengan apa isu atau pun gender sensitif ini.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Terima kasih Yang Berhormat Rawang saya terlupa ya kita harus ucap tahniah kepada UMNO kerana ada seorang lelaki yang juga presiden parti mereka menjadi Menteri Wanita. Malangnya, ya walaupun Perdana Menteri sendiri seorang lelaki memegang jawatan Menteri Wanita tindakan itu tidak memberi kesan terhadap sikap pimpinan UMNO di dalam berhadapan dengan isu-isu wanita. Kita lihat perkara ini berbeza ya kalau di peringkat Pakatan Rakyat kita menganggap isu sensitif terhadap gender, sensitif terhadap wanita ini, bukan hanya isu yang patut di bawah oleh pihak wanita ya. Pada masa yang sama di dalam Kerajaan Negeri yang ada pada hari ini telah mencipta sejarah Timbalan Speakernya wanita, EXCO buat pertama kali ya kalau dahulu hanya ada satu atau dua orang EXCO wanita. Kita ada 40% EXCO wanita di dalam Kerajaan Pakatan Rakyat. Jadi jauh pencapaian Pakatan Rakyat di dalam hal wanita berbanding dengan pencapaian pihak pembangkang. Jadi saya ingin mengesyorkan ya kerana perkara ini satu perkara yang serius yang tidak patut di pandang ringan ya saya fikir harus diterapkan nilai gender sensitif ini mungkin ya saya ingin mengesyorkan kalau pihak kerajaan boleh mencadangkan kepada Jabatan Agama Islam untuk di dalam khutbah-khutbah misalnya ya kita terapkan sebab bagi saya ini satu yang cukup islamik sebagaimana yang telah disebut sendiri oleh Yang Berhormat Hulu Kelang sebentar tadi sebagai seorang Islam kita patut malu apabila perkataan-perkataan itu keluar, maka seharusnya ya di dalam khutbah dan sebagainya isu gender sensitif ini cukup turut di bawa di dalam khutbah. Jadi, oleh itu Seri Setia ingin menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Rawang.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Batang Kali.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tuan Speaker, salam sejahtera, salam 1 Malaysia. Pertamanya saya ucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Dewan terutamanya Rawang, Hulu Kelang, Seri Setia kerana membahaskan usul ini. Sebelum itu, usul ini telah di bawa oleh Rawang berkaitan dengan *hansard* 22 November perbahasan oleh Bukit Lanjan merujuk kepada usaha perbandaran Selayang untuk memelihara hutan simpan Templer dan Taman Templer daripada pembangunan rumah dan sebagainya. Dalam perbahasan itu, sebagai pencelahan saya Batang Kali memberi kenyataan jangan sampai terlupa jaga hutan kita sendiri. Menurut *hansard* itulah dan itulah yang pun saya nyatakan. Yang peliknya saya beranggapan kenyataan itu tidak boleh dianggap seksis kerana dia tidak merujuk kepada sikap merendah-rendah atau memperkecilkan keupayaan Bukit Lanjan iaitu seorang wanita, sebagai EXCO yang bertanggungjawab dalam hal ehwal alam dan juga alam sekitar. Menurut Kamus Dewan, seksis merujuk sikap diskriminasi yang berdasarkan jantina terutamanya sikap memandang rendah terhadap kaum wanita oleh kaum lelaki. Kenyataan “jangan

sampai terlupa jaga hutan kita sendiri” tidak seksis langsung kerana boleh ditujukan kepada sesiapa sahaja termasuk lelaki dan tiada menunjukkan kepada mana-mana jantina. Kenyataan ini tidak boleh dianggap lucah kerana ia tidak merujuk dengan jelas terhadap apa-apa maksud kecuali yang dimaksudkan oleh Batang Kali (hutan kita sendiri) ketika itu kita berbahas fasal hutan-hutan di dalam Negeri Selangor

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker, saya nak minta penjelasan.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** adalah hutan-hutan di Bukit Lanjan, Templer termasuk hutan di Batang Kali yang juga harus dijaga oleh Y.B. Bukit Lanjan. Merujuk kepada *Wikipedia*,

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker, minta penjelasan.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Saya rasa tak perlu. Nanti saya bagi peluang. Bukit Lanjan dikatakan sebagai sebuah penempatan Orang Asli Temuan di Selangor, Malaysia. Orang Asli Temuan di Bukit Lanjan sekarang tinggal di kampung yang amat berbeza daripada kehidupan mereka dahulu.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Minta penjelasan Tuan Speaker.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Mereka tidak lagi sekejap-sekejap berpindah rendah, memburu, mengutip buah-buahan, mengail atau mencari hasil hutan untuk menyara kehidupan. Disebabkan usaha kerajaan Malaysia, perkampungan mereka telah dibangunkan menjadi Desa Temuan yang merupakan sebahagian daripada kawasan perbandaran baru yang dikenali sebagai Damansara Perdana.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Minta laluan, Tuan Speaker.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Jika kita lihat kenyataan di atas, kita sedia maklum bahawa Bukit Lanjan mempunyai kawasan hutan yang menjadi tempat Orang Asli mencari rezeki. Ini bermakna kenyataan Batang Kali yang meminta Bukit Lanjan menjaga hutan kita sendiri tidak ada lucahnya. Persoalannya kenapa Rawang ataupun yang lain-lain Yang Berhormat boleh berotak kuning dalam mentafsir dan mencelah maksud yang lucah ini.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Minta laluan, Tuan Speaker.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Silakan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Terima kasih kerana laluan tersebut dan memberi sejarah yang mendalam tentang Bukit Lanjan. Tetapi, saya nak tanya kepada Batang Kali adakah dia faham tentang konsep *double meaning* (dengan izin)?

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Itu terpulang kepada persepsi Seri Setia yang kata yang konon pandai sangat berhujah dan berbahas. *Double meaning* apa maksudnya terpulanglah kepada Seri Setia (persepsi Seri Setia).

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Cuma saya nak tanya Batang Kali, kenapa dia tersengih-sengih sewaktu perbahasan tersebut kalau tiada *double meaning*?

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Terima kasih Speaker. Apabila saya mendengar kenyataan Rawang, saya tersengih-sengih dan tersenyum-senyum tadi sehingga saya nak masuk tandas tadi ada dua wanita di depan pintu, saya takut nak senyum.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker, saya nak minta penjelasan.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Takut saya dianggap seksis pula kepada mereka. Tak apa Speaker.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker, sebab hari itu Y.B. Batang Kali menafikan.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Speaker, saya mohon saya tak beri laluan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Lepas itu dia kata

**TUAN SPEAKER :** Rawang.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tak beri laluan. Ruang Rawang ada nanti.

**TUAN SPEAKER :** Rawang. Ya, Rawang tolong duduk ya.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Di mana bukti dan peraturan mana saya melanggar yang mengatakan saya seksis? Kita ada panduan dalam Dewan ini iaitu *hansard*. Gunakan Dewan yang mulia ini bincang hal rakyat dan bukan untuk menutup pekung di dada dan balas dendam pada ahli yang lain. Jangan cuba guna Dewan ini nak selindung keburukan moral sendiri. Saya ingat ini satu fitnah yang amat memalukan daripada Rawang kepada ahli yang lain.

Tuan Speaker, Saya yakin kebijaksanaan, kehebatan Speaker mengenai Usul ini. Speaker seorang yang adil dan saya yakin saya tidak bersalah kerana saya tidak ada melanggar mana-mana Peraturan Tetap terutamanya Peraturan Tetap 36, isu-isu ucapan spesifiknya (dengan izin) 36(4) dan 36(6). Kerana dalam peraturan itu, tiada perkataan seksis ataupun diskriminasi gender dituliskan dalam peraturan itu. Maka saya mohon pada Dewan yang mulia, meminda Peraturan Tetap ini sejajar semangat

Parlimen Malaysia yang baru-baru ini meminda juga perlembagaan ini untuk kebaikan kita bersama.

Akhir sekali Speaker, Sebagai kesimpulan, sebagai menghormati Dewan yang mulia, sebagai menghormati rakan-rakan daripada Kerajaan Negeri dan juga Barisan Nasional, menginsafi saya seorang pemimpin yang kerdil dan yakin saya juga tak pernah lepas dari salah dan silap. Andai ada yang tersinggung dan salah faham kenyataan saya atau ada yang terasa sama ada di dalam Dewan ataupun di luar Dewan, saya memohon maaf dan saya menarik balik kenyataan itu. Namun, saya tidak pernah ada niat untuk menghina sesiapa apatah lagi wanita kerana saya seorang pencinta wanita. Pujangga Arab mengatakan, Pujangga Arab ada mengatakan “pemimpin yang memaafkan orang lain dan sentiasa memohon maaf atas kesilapan diri sendiri adalah paling mulia di sisi Allah SWT. Terima kasih, Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Subang Jaya.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Subang Jaya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang telah dikemukakan oleh ADUN Rawang sebentar tadi. Saya sebagai wakil Subang Jaya tidak setuju dengan hujahan ADUN Batang Kali, tetapi kita menerima maaf beliau dan tapi saya tak setuju dengan justifikasi yang telah diberikan.

Pertamanya, saya berasa satu ujian (*test*) sama ada itu kenyataan seksis atau tidak, tidak terletak dalam *intention* ataupun objektif yang telah dikemukakan oleh ADUN Batang Kali. *I think* (dengan izin) *the test here is not on his intention or his perception*, tetapi bagi ADUN wanita dalam Dewan ini, saya boleh bagi jaminan setiap seorang ADUN wanita berasa tersinggung dengan kenyataan tersebut dan saya rasa itu ujian yang paling penting sama ada itu kenyataan seksis atau tidak. Dan meneruskan hujah saya, saya nak memetik

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Speaker, Peraturan 87 Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya?

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Peraturan 87.

**TUAN SPEAKER :** 87 ya?

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Keputusan Tuan Speaker berkenaan dengan sebarang perkara tafsir dalam mana-mana jua Peraturan Tetap ini atau berkenaan dengan kelaziman adalah muktamad kecuali jika ada usul itu sendiri menentang Tuan Speaker. Tuan Speaker dari satu masa ke satu masa boleh

mengeluarkan petua-petua berkenaan perkara ini. Petuanya saya mohon di sini, apakah perlu dibahaskan lagi sedangkan saya telah menarik kenyataan tersebut Speaker? Terima kasih, Speaker. Saya mohon petua, Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya. Soal menarik balik itu soal lain ya. Soal lain. Tapi, ada usul ni perlu diputuskan.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Subang Jaya ingin menyambung perbahasan saya. Saya nak memetik satu kenyataan Y.B. Pandikar Amin Mulia (Speaker Dewan Rakyat) semalam daripada satu kenyataan akhbar. Beliau mengatakan (saya kod dengan izin) *“a political observer once told me that if a monkey falls from a tree, no matter how high or how painful it is the monkey is still a monkey. But if a minister were to failed / who to fall from grace, he won’t be call a minister or Y.B. anymore. Please take note of this. Being a politician is a huge responsibility.”* Itu kenyataan Y.B. Speaker Dewan Rakyat.

Subang Jaya ingin meneruskan perbahasan. Kenyataan yang telah diberikan oleh Speaker Dewan Rakyat harus dipandang berat oleh semua calon, ADUN, Yang Berhormat dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan sama ada mereka nak jadi calon atau tidak, mereka harus tahu bahawa menjadi seorang ahli politik ataupun seorang Yang Berhormat mempunyai satu tanggungjawab yang sangat besar. Dan dalam Dewan ini, ini kali pertama saya mendengar kenyataan seksis dengan telinga saya sendiri yang telah dikatakan oleh ADUN Batang Kali. Dan di luar Dewan sebagai ADUN dalam masa 4 tahun ini, Subang Jaya juga pernah mengalami satu insiden dengan ahli Pemuda Parti Gerakan dalam *twitter* yang mengatakan (saya kod sekali lagi) *“would you choose justly* daripada MCA atau Hannah Yeoh *which will be on maternity leave soon”* Dan kenyataan itu juga walaupun telah dinafikan oleh ahli politik dari Parti Gerakan itu telah menerima satu *back lash* daripada kaum wanita dan juga kaum lelaki apabila kenyataan itu dibuat dalam *twitter*. Dan kedua-dua kejadian ini kita boleh nampak bahawa memang ada calon Barisan Nasional sama ada *potential* calon ataupun calon sekarang Yang Berhormat memang tidak kurang peka dengan keperluan ataupun emosi kaum wanita. Dan ini tidak seharusnya berlaku dalam Dewan yang mulia ini terutamanya daripada seorang ADUN yang telah dipilih oleh rakyat di Negeri Selangor.

Saya nak ambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada dua pegawai. Satu pengawal *security* di bawah Dewan ini dan satu lagi pegawai yang menjaga trafik yang telah memberi layanan istimewa kepada saya kerana saya sekarang ini mengandung. Walaupun mereka pegawai menjaga trafik dan pengawal sekuriti, namun mereka cukup menghormati kaum wanita dan mereka sensitif terhadap keperluan seorang yang mengandung dan saya (dengan izin) *aspect highest standard from* Yang Berhormat dalam Dewan ini. Jadi kenyataan ADUN Batang Kali memang tidak boleh

diterima dan baru-baru ini Datuk Bung Mokhtar telah memberi justifikasi bahawa kenyataan seksis dikeluarkan kerana orang lain membuat provokasi. Justifikasi ini langsung tidak masuk akal.

Dalam kes ini, kalau kita menggunakan justifikasi Datuk Bung Mukhtar dalam kes ini, Y.B. Bukit Lanjan langsung tiada / tidak membuat sebarang provokasi semasa memberi ucapan hari itu. Jadi, kenyataan pertama *there was no provocation at all* (dengan izin). Yang keduanya, Video TV Selangor telah jelas menunjukkan bahawa ADUN Batang Kali nampak gelisah dan tersengih-sengih sebelum membuat kenyataan tersebut dan ini jelas satu *premeditated statement* (dengan izin) *and not a slip of the tounge*. Jadi, dengan kedua-dua alasan ini, saya berasa usul ini memang patut diteruskan dan harus disokong. Saya menyokong usul yang telah dicadangkan oleh Y.B. Rawang tetapi dengan pindaan yang telah diberikan oleh / yang telah dicadangkan oleh ADUN Hulu Kelang mengurangkan denda RM5,000.00 kepada RM1,000.00 kerana beliau telah memohon maaf dan menarik balik kenyataan tadi.

Saya rasa dalam kes ini, ini bukan soal wang RM5,000.00 ataupun RM1,000.00 ataupun RM1.00 tetapi ini satu *statement* yang kita nak buat dalam Dewan yang mulia ini bahawa kita tidak menerima sebarang kenyataan seksis dan (dengan izin) *we do not tolerate such as statement in the future*. Jadi, saya nak usul ini menjadi satu pengajaran kepada kita semua sama ada ADUN daripada Pakatan Rakyat ataupun ADUN daripada Barisan Nasional supaya sentiasa peka dan tidak mengeluarkan kenyataan seksis. Dengan ini, saya menyokong usul. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam usul ini dan saya menyokong usul yang telah dibawa oleh Y.B. Rawang.

Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana telah membawa dua wanita cantik untuk duduk bersama di sebelahan. Sebelum ini

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Tuan Speaker, boleh mohon penjelasan? Ada tak itu seksis? Itu wanita cantik? Ada tak?

**TUAN SPEAKER :** Kalau puji wanita cantik pun seksis, hidup kita seksa la. Kita kena fahamkannya.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Kita mesti memuji wanita, bukan menghina wanita. *We must take the opportunity to tell they are beautiful. That is most important thing. Never miss an opportunity to tell them they are beautiful.* Tidak boleh menghina wanita. Dan meminta maaf dan menarik balik itu satu pengakuan ialah satu

faktor mitigasi saja. Ia boleh satu faktor peringanan, boleh diambil kira tetapi tidak bermakna beliau boleh dimaafkan sepenuhnya. Saya tidak setuju untuk denda ini dikurangkan. Saya fikir denda adalah suatu yang terlalu rendah yang dicadangkan RM5,000.00 itu memang rendah, tidak patut dikurangkan sebab beliau masih belum meminta maaf kepada Y.B. Bukit Lanjan. *One of the three angels* yang saya telah berhujah di Dewan ini (*three Tan Sri Khalid angels*), tiga wanita hebat dan salah seorang daripada beliau ialah Y.B. Bukit Lanjan. Bagaimana ada hati untuk menghina beliau? *It is* cukup memalukan.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Speaker, mohon penjelasan.

**Y.B. TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Mana perkataan menghina?

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Saya tidak memberi laluan.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Mana perkataan menghina?

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** sebab *I'm very short*. Saya ingin berucap secara ringkas.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Kota Alam Shah faham ke tidak?

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Sebab

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tunjukkan saya perkataan menghina. Mana? Menghina wanita mana? Jangan main sebut-sebut saja.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Tuan Speaker, saya tidak beri laluan kepada beliau.

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Kalau tak faham, jangan cakap.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Tuan Speaker, saya ingin katakan Yang Berhormat

**TUAN SPEAKER :** Tetapi saya rasa Yang Berhormat Kota Alam Shah, di sebab di dalam perkara ini Batang Kali adalah yang tertuduh. Jadi, kalau ada mana-mana perbahasan itu merujuk kepada beliau harus diberi peluang untuk beliau meminta penjelasan, adil untuk beliau. Itu pandangan sayalah, dan tetapi kalau mengikut Peraturan Tetap memang itu adalah hak ADUN yang berucap itu samada hendak



memberi jalan ke tidak. Tetapi pada pandangan saya kerana beliau ada tertuduh di dalam usul ini sepatutnya diberi peluang sepenuhnya untuk membela diri. Saya percaya Yang Berhormat sebagai seorang peguam patut faham prinsip undang-undang yang paling asas ini.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L AMALAYALAM :** Terima kasih Tuan Speaker, tetapi saya ingin menyambung, untuk, memandangkan beliau yang dituduh, terima kasih. Memandang beliau yang dituduh saya tidak puas hati dengan apa yang beliau katakan sepertimana Seri Setia telah berhujah ada *double meaning* di dalam apa yang beliau sebut. Jelas ada *double meaning* dan dalam kes ini saya ingin berhujah mengatakan YB Bukit Lanjan adalah seorang yang *strong, smart, educated, independent, very ambitious* ada cukup *how to take control her self, fireless* pagi tadi saya ada tengok tidak beri peluang kepada Kajang untuk mencelah, *very good, never back down, no matter how hurt not cue. We cannot be knock out*, itu Bukit Lanjan. Saya cukup bagus dengan prestasi beliau sebagai seorang EXCO *very hard working, handle things* dengan cukup hebat, ada membantu Kota Alam Shah, dengan memberi bantuan satu untuk bagi kawasan pelancongan di Tengku Kelana cukup bagus dan saya ingin berhujah di sini untuk mengatakan di "*the famous saying behind every successful man, there is great woman*". Kita tidak boleh menghina mana-mana wanita. Kita tahu bagi dalam kes saya

**TUAN SPEAKER:** Saya tidak setuju sangat *behind every success great a woman* patutnya tukar *beside every success a woman*

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L AMALAYALAM:** Yes, bagus, *beside, so beside every* seperti tuan. Tetapi ini adalah *great saying* yang kita ada di dalam yang sudah termaktub *his return everywhere and a kita cuba cari darimana puncanya, ramai yang tidak tahu from where this originated this famous saying of behind every successful man is the great woman*. Tidak boleh dicari daripada mana ia timbul bertahun-tahun, berjuta-juta tahun yang lalu. Tetapi saya ingin berhujah di sini dan mengatakan pengalaman saya. Saya boleh menang dalam pilihanraya disebabkan seorang wanita. Kita ada ramai, saya juga setuju dengan Hulu Klang kita tahu, dalam tahanan. Isteri YB Hulu Klang juga membantu beliau. Dalam kes Datuk Seri Anwar Ibrahim, isteri beliau, dalam kes Y.B. Karpal Singh dalam kes pelbagai-pelbagai pemimpin-pemimpin di dunia, kita ada wanita yang membantu menjayakan lelaki. So, kita harus menghormati mereka. So meminta maaf sahaja tidak mencukupi, itu salah satu faktor mitigasi. Dengan ini saya menyokong penuh usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Rawang, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Ya, terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin membahas usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Rawang. Sebagai seorang Islam

saya ingin mengingatkan semua oranglah. Rasulullah S.A.W. menyebut (bahasa Arab) dengan izin "*Tidaklah aku diutus kata Rasulullah melainkan untuk menyempurnakan akhlak-akhlak manusia*". Dan akhlak manusia ini seperti disebut tadi oleh Hulu Kelang sebagai seorang Islam sejak kita bangun dari tidur hinggalah kita balik, balik ke tempat tidur itu banyak doa-doa yang diajar untuk masuk tandas, untuk makan, untuk kita naik kenderaan semua tu dan hatta kita bercakap sekali pun kena ada akhlak-akhlak kita. Dan kesempatan yang sedikit yang saya ada ini nak saya bagi contoh 2 perkara yang berlaku di zaman Rasulullah S.A.W. di mana kita nampak Allah sendiri pertahankan wanita. Allah sendiri pertahankan wanita. Pertamanya peristiwa yang berlaku, yang hampir-hampir berlaku penceraian antara Rasulullah dan Siti Aisyah r.a. Iaitu satu peristiwa di mana ketika Rasulullah balik dari peperangan dan ketika itu Siti Aisyah badannya dia masih muda dan kurus dan dia keluar daripada tempat diiring itu untuk membuang air. Kemudian sejarah menyebut, saya pendekkan ceritanya, apabila di bawa balik orang lupa Siti Aisyah ini tertinggal. Bila sampai ke Madinah, Siti Aisyah orang tengok tak ada. Jadi seorang sahabat itu membawa, dia sebagai *Rick Ricky Team* dia tengok apa yang tinggal, jumpa Siti Aisyah dan Siti Aisyah membonceng di belakangnya dan sampai di sana. Tetapi di kalangan orang di ketika itu menganggap seolah-olah ada sesuatu di antara Siti Aisyah dengan sahabat Nabi itu. Dipendekkan cerita sehinggalah Rasulullah S.A.W. tidak meniduri Siti Aisyah beberapa hari sehinggalah Siti Aisyah pun tahu bahawa benda ni rupa-rupanya orang menganggap dia berbuat sesuatu dan dia minta supaya Rasulullah hantar dia balik ke rumah bapa dia, Sayyidina Abu Bakar, dan di sana Siti Aisyah menangis minta Sayidina Abu Bakar bapa dia minta tolonglah beritahu Rasulullah ini bahawa dia bukan perempuan yang begitu. Tetapi bapa dia tidak boleh buat apa-apa. Sehinggalah Allah turunkan ayat di dalam peristiwa Efik ini Allah turunkan ayat dalam Al-Quran (Bahasa Arab). "*Allah mengatakan bahawa orang yang membawa berita-berita efik ini Usbati Minkum, dari kalangan kamu juga bukan kalangan orang luar, orang Islam juga yang membawa berita-berita efik ini*", penipu ini dan selamatlah Siti Aisyah. Satu lagi peristiwa efik ini ialah ketika berlakunya Khaulah binti Ta'labah. Khaulah binti Ta'labah ini berjumpa dengan Rasulullah S.A.W. dan mengadu kepada Rasulullah S.A.W. di mana suami dia mengatakan bahawa belakang kau ini macam ibu mu. Kalau ikut zaman jahiliah dulu dah diceraikan, tetapi saya pendekkan cerita, bila jumpa Rasulullah dan tanya Rasulullah apakah hukumnya saya dengan suami aku sedangkan aku tak boleh tinggalkan suami aku. Suami aku ini seorang yang sangat tua, kalau aku tak pelihara dia, kalau aku bercerai dengan dia, kalau tak bagi makan dia, dia tak akan makan, aku yang menyediakan segala-galanya. Rasulullah tidak boleh nak jawab. Tiba-tiba turun ayat daripada Allah SWT. Allah bagi tahu (Bahasa Arab). Allah kata, Allah dengar ini apa aduan Khaulah binti Ta'labah ini yang tentang suami dia dan dia, Allah bagi satu penyelesaian. Dua peristiwa ini menunjukkan kita betapa wanita ini dalam Islam

memang disanjung, memang dijaga maruah dan juga martabat mereka. Pernah seorang berjumpa Rasulullah bertanya

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Saya tak akan beri laluan, sedikit saja saya nak habiskan, sebab masa pendek.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Biar saya celah sikit boleh tak, pasal saya di Dewan ini bila Meru cakap macam di majlis, di masjid, saya tak faham banyak ayat Al-Quran tu. So saya nak celah sikit, kalau ikut peristiwa-peristiwa daripada Meru, saya difahamkan Negeri Kelantan juga diperintah bawah PAS. Kalau dikatakan seperti dalam Al-Quran tu saya ingat tak faham tadi yang sebut-sebut ni mengapa baru-baru ini wanita bila dia bergunting rambut kepada lelaki, dia dikena saman, 200 saman diberikan, adakah ini PAS, Kerajaan PAS yang selalu katakan ayat Al-Quran ini. Menghormati perempuan mengapa diberikan saman, ini suka menghinakan perempuan, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Itu tidak ada kena-mengena, nanti lepas ni nak, boleh jumpa saya kat luar boleh, banyak lagi boleh cerita. Itu nanti saya ceritakan, itu saya tak nak cerita

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Speaker, Speaker, saya minta penjelasan

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Sila, sila

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Meru bercerita pasal penghinaan wanita, di mana ayat saya menghina wanita? Di mana? Ada saya menghina Bukit Lanjan? Ada saya menghina Bukit Lanjan?

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Ini isu itulah tu.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tak payahlah cerita Al-Quran ayat itu, ayat itu, tak payah. Di Dewan yang mulia ini cerita apa yang berlaku sekarang.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Okey, okey saya jawab.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Okey?

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Sebenarnya apa yang dikatakan penghinaan bukan melalui mulut sahaja. Dengan kita punya pergerakan sendiri itu pun, itu yang dinaikkan oleh Rawang, bukan semesti mulut sahaja. Kita tak payah cakap pun, kita goyangkan punggung itu pun satu perkara yang biadab, tak perlu keluar ni tak perlu keluar perkataan, tunjuk dengan, saya tak nak tunjuklah. Kalau kita tunjuk

dengan tangan pun satu penghinaan tak semestinya begitu dan ini kali pertama Batang Kali buat begitu, bukan kali pertama, kita pun tahu. Hari ini dia kata ini apa nama Dato' Speaker tidak adil di masa-masa yang lain cakap-cakap lain pula. Jadi ini saya nak tutup sikit, saya nak tutup

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Yang Berhormat, saya nak minta penjelasan sedikit.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Ya, sila.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih kepada Meru dan Tuan Speaker. Kajang baru-baru ini telah mengikuti ceramah daripada Ustaz Azhar dan memang dikatakan di dalam ucapan ini Ustaz Azhar, dia bagi tahu tiada sesiapa yang tidak berdosa kecuali Nabi dan Malaikat. Dan sekiranya kita terlintas pun, terlintas dalam hati pun juga berdosa. Apatah lagi kalau dalam ucapan, kata-kata dan gerak-geri. Tetapi kalau berdosa taubat dengan Allah, dan akan diampunkan dan sekiranya tidak, berdosa ini akan dibawa ke Akhirat. Jadi apa pendapat ustaz kita daripada Meru.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Speaker, saya mohon penjelasan daripada Kajang, sebab dia yang bercakap tadi.

**TUAN SPEAKER :** Oh tidak, sekarang ini masa adalah untuk Meru.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Saya nak beritahu, beritahu Kajang kerana mendengar tetapi tolong dengar daripada A sampai ke Z, jangan sekerat-kerat, itu yang jadi rosak PAS hari ini.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN :** Di dalam Quran sendiri ada Surah An'Nisa, surah untuk perempuan, surah wanita tidak ada Surah Arrijal, surah lelaki tak ada Surah An'Nisa menunjukkan begitu. Ada orang jumpa Rasulullah dan bertanya Ya Rasulullah aku masih lagi mempunyai seorang ibu dan seorang bapa kepada siapakah yang patut aku taat, Rasulullah kata "ibumu" kepada siapa Ya Rasulullah "ibumu", kepada Ya Rasulullah "ibumu". Tiga kali Rasulullah sebut ibumu kemudian barulah bagi tahu bapamu. Kemudian sebagai penutup juga, saya nak beritahu apa yang disebut oleh Hulu Klang tadi, satu Hadith Nabi menyebut (Bahasa Arab) "*Sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, hendaklah bercakap benda yang baik ataupun senyap, tak payah cakap*" dan saya kepada Kuala Kubu dan juga apa ni, Batang Kali, kalau nak penjelasan-penjelasan tak ada masalah, tetapi luar sini bolehlah, boleh tunggu, Insya-Allah, cerita pasal Kelantan tu, Wallahualam. Sekian, saya dengan ini menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Rawang.

**TUAN SPEAKER :** Seri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ingin mengambil bahagian kepada usul yang dikemukakan di bawah

Peraturan Tetap 27 perenggan 3 oleh Yang Berhormat Rawang. Setelah meneliti beberapa kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan sebelum ini. Saya secara prinsipnya bersetuju supaya tindakan harus dikenakan kepada Yang Berhormat Batang Kali kerana sebelum ini pun pernah juga ada perkataan yang diistilahkan sebagai *double meaning* dengan izin, di mana pernah satu ketika semasa Sidang Dewan ini berlangsung, walaupun ia diungkapkan secara umum oleh Batang Kali tetapi perkataan yang disebut ada isteri yang tidak ajar suami kencing di tandas. Itu memberi satu maksud yang mendalam kepada tuduhan kepada rakan kita daripada Bukit Antarabangsa. Tuduhan-tuduhan ini

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya rasa sebab yang usul ini merujuk kepada satu perbuatan yang khusus, jadi jangan ambil yang tidak berkaitan, kalau dalam mahkamah kita panggil ini *e-relevant*.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Baik, baik. Terima kasih. Saya cuma nak bagi satu contoh, tetapi teguran itu saya terima. Jadi disebabkan perkataan yang dikeluarkan dalam Dewan ini, walaupun ia tidak ditujukan secara spesifik, tetapi perkataan yang tetap tertera di dalam usul itu membawa maksud yang amat memilukan semua orang yang mendengar. Saya memetik ayat yang lazim kita gunakan sebagai seorang Islam dengan izin *Bismillahir Rahmanir Rahim* (Surat Al-Asri) yang membawa maksud, “ *demi masa sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali bagi mereka-mereka yang beriman dan beramal soleh yang tegur-menegur ke arah kebaikan*”. Dewan yang bersidang pada hari ini ialah untuk menegur. Menegur Batang Kali yang kita fikir, kita sendiri pun rasa amat dukacita. Jadi sebagai seorang pemimpin, Wakil Rakyat, orang yang dipilih oleh rakyat, saya fikir Batang Kali patut menarik dengan jujur, mengakui kesilapan dan apa salahnya kita memberikan satu pengakuan yang ikhlas, ya saya bersalah, mohon maaf. Dan walaupun demikian, sebagai pengajaran

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tuan Speaker

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Saya minta supaya

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Minta laluan. Dalam ucapan saya tadi jelas, saya dah cakap, saya dah. Oh dia belum sampai, itulah lain kali datanglah awal, dah tahu 2.30. saya dah cakap dengan Speaker tadi.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Baik, terima kasih Batang Kali.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Apa yang dia nak saya dah tunaikan sebagai menghormati Dewan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Terima kasih.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Saya terima teguran, ok.

**Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Kalau dah diungkapkan, di sampaikan betul tetapi walau pun demikian, bagi memastikan bahawa kejadian ini tidak berlaku, saya menyokong supaya dendanya dipertimbangkan seperti yang tertera kalau pun bukan RM5,000.00 RM10,000.00 pun boleh juga. Ketawa... Kalau RM1,000.00 pun kita terima. Tapi berpatutanlah kerana kedudukan gaji, elaun Ahli Dewan ni tak besar. Saya pun faham, ya. Kita gaji Dato' Menteri Besar gaji RM6,000.00 sahaja. Jadi kalau RM5,000.00 penat juga, saya simpati dengan Batang Kali. Jadi saya menyarankan supaya pertimbangan itu, denda itu mesti dikenakan dengan kadar yang betul-betul sebagai satu tanda bahawa tindakan tegas diambil oleh Dewan. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Kampung Tunku juga berdiri menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Rawang. Sememangnya Kampung Tunku tidak dapat setuju dengan hujah-hujah daripada Yang Berhormat Batang Kali tadi di mana beliau mengatakan bahawa kenyataan beliau itu tidak unsur-unsur seksisme dan saya rasa perkara ini adalah tidak benar. Saya telah cuba membuat mencari adakah insiden yang sama telah berlaku di Parlimen-parlimen Komanwel yang lain dan saya telah mengetahui ada 2 insiden sebenarnya yang lebih kurang sama yang berlaku di Parlimen UK dan juga di Parlimen Australia. Dan kedua-duanya berlaku pada, satu pada tahun yang lalu dan satu pada tahun ini juga. Jadi saya berharaplah saya dapat membawa dua contoh ini supaya Yang Berhormat Batang Kali dapat mengetahui sebenarnya kenyataan ini ada unsur seksisme. Tahun isu yang pertama, contoh pertama ianya berlaku di Parlimen British pada bulan April 2011 di mana semasa *Prime Minister questions Time PMQ* di antara Perdana Menteri Britain David Cameron dengan Menteri Kewangan Kabinet dari Parti Labour iaitu Miss Angela Egger. Egger Angela, *Prime Minister* atau Perdana Menteri David Cameron telah mengeluarkan satu hujah seperti berikut: *Come down dear* dan ini telah dikritik hebat oleh Ahli-ahli Parlimen Parti Labour dan masyarakat umum di Britain malahan David Cameron sendiri dikritik hebat oleh Ahli-ahli Parlimen Wanita dari konservatif kerana kenyataan ini *come down dear*. Ini dilihat sebagai suatu yang berunsurkan seksisme. Walau pun David Cameron tidak dikenakan apa-apa bentuk hukuman tetapi beliau terpaksa menangani isu ini enam bulan berturut-turut. Dan beberapa kali beliau terpaksa memohon maaf kepada wanita Britain secara terbuka di Media Massa, di dalam fungsi-fungsi kerajaan dan sebagainya. Ini adalah apa yang berlaku kepada seorang Perdana Menteri di Britain. Itu yang pertama.

**Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Tuan Speaker, Saya fikir kalau kenyataan itu pun mungkin dari segi kefahaman, kita tak nampak begitu serius tetapi di Britain, perkataan itu dilihat begitu serius dan Perdana Menteri telah menunjukkan contoh untuk meminta maaf berkali-kali tetapi dalam situasi pada hari ini Yang Berhormat

Batang Kali dia kata mula-mula dia kata dia tidak ada apa-apa niat dia tak mengaku dia niat demikian, tapi kalau ada menyinggung sesiapa, dia minta maaf tetapi kemudian dia nampak tidak apologetik di dalam reaksinya selepas itu. Jadi apa pandangan Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Itu sebabnya saya menyokong usul ini supaya dikurangkan elaun sebanyak RM5,000.00 atau pun dalam apa-apa bentuk amaun yang lain yang difikirkan sesuai oleh Dewan ini. Hakikatnya perlu ada satu *gender* terhadap kelakuan yang tidak secukup dengan peranan Ahli-ahli yang Berhormat ini. Contoh yang kedua, saya belum habis lagi Batang kali jangan balik. Contoh yang kedua ialah berlaku kepada, ini lagi teruk Speaker Parlimen Australia, Peter Slipper yang dikatakan dituduh menghantar teks mesej. Yang berunsurkan ...

**Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Saya sekali lagi nak menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, ya panjang lebar cerita, tunjukkan saya di mana kesalahan saya dalam Peraturan Dewan ini. Kerana di dalam Buku Panduan ini, peraturan ini tidak ada pun perkara-perkara Ahli-ahli yang Berhormat tidak boleh menyebut perkara yang berkaitan dengan seksis kalau ada. Tapi saya nafikan perkataan saya bukan seksis kalau ada peraturan mana?.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya tak pasti tapi kalau mengikut taksiran saya Tuan Speaker, Peraturan 36(8) dalam menyatakan dengan jelas bahawa "Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain" Jadi ini juga biar saya habiskannya. Jadi unsur-unsur seksisme juga digolongkan sebagai satu bentuk sangkaan jahat dan di Parlimen Malaysia, ianya ia dinyatakan dengan jelas bahawa " Ahli-ahli yang Berhormat tidak boleh mengeluarkan apa-apa kenyataan yang berunsurkan seksisme terhadap mana-mana ahli yang lain".

**Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Yang Berhormat saya mohon bukti sangkaan jahat

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya telah menunjukkan apa kesalahannya dan saya telah melakukan dan saya beri laluan kepada Yang Berhormat Sri Setia.

**Y.B. TUAN NIK HAZMI BIN NIK AHMAD :** Yang Berhormat Kampung Tunku jadi jika hujah daripada Yang Berhormat Batang Kali ialah bahawa tidak ada kesalahan seksis dalam Peraturan Tetap bukankah ini menunjukkan beliau bersetuju bahawa beliau keluarkan itu sebagai satu perkataan seksis?.

**Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Saya kata kenyataan saya bukan seksis pekak ke? Tak dengar ke?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya kucar kacir dengan kenyataan Yang Berhormat Batang kali. Saya tak pasti sama ada dia benar-benar ikhlas dalam isu ini tapi saya berharaplah beliau betul-betul ikhlas untuk bukan sahaja memohon maaf, bukan sahaja untuk menarik balik tetapi dengan sudinya menerima hukum ini dan selepas itu bertaubatlah.

Saya belum habis lagi Yang Berhormat. Contoh kedua, Peter Slipper, Speaker Dewan Rakyat Australia. Dia menghantar teks mesej yang berunsurkan gangguan seks kepada seseorang. Ini pun bukan terhadap Ahli yang Berhormat, terhadap seorang pegawai di Parlimen Australia. Dan beliau di satu usul di bawah satu usul oleh pembangkang untuk memecat Peter Slipper sebagai Speaker Dewan Rakyat Parlimen Australia ini. Walau pun usul ini telah digagalkan tetapi beliau terpaksa meletakkan jawatan sebagai Speaker Parlimen. Dan saya rasa ini adalah dua contoh ini telah dapat apa ni menerangkan betapa seriusnya kenyataan-kenyataan yang mereka lakukan dan kalau kita bandingkan kenyataan ini atau pun apa yang dilakukan oleh individu-individu yang saya katakan tadi itu dengan kenyataan yang Berhormat Batang Kali pada minggu yang lepas saya rasa ianya adalah satu timbang tara yang sama dan oleh itu saya rasa ini adalah satu kesalahan dan ianya perlu dihukum dengan amaun RM5,000.00. Dan saya dengan itu saya menyokong usul ini dan saya berharap apa yang lebih penting atau pelajaran yang kita dapat daripada insiden ini ialah kita haruslah menjaga budi bicara diri semasa berbahas di dalam Dewan ini dan itulah harapan saya. Sekian, terima kasih Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ya Sekinchan. Sekinchan adalah pembahas yang terakhir. Kita sudah satu jam membahaskan perkara ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker kerana bagi peluang yang terakhir Sidang Dewan ini hari yang terakhir, peluang yang terakhir. Terima kasih sekali lagi. Ya sekali lagi. Saya terpanggil, Sekinchan terpanggil juga turut membahaskan usul menyokong usul yang dibawa oleh Rawang berkaitan dengan kenyataan seksis ya. Yang diungkapkan oleh Yang Berhormat Batang kali terhadap Yang Berhormat Bukit Lanjan EXCO Kerajaan Negeri Selangor. Saya nampak keadaan sedemikian, ungkapan sedemikian di Dewan yang Mulia ini tidak sepatutnya berlaku. Dan kita sebagai ADN ya sepatutnya kita menjalankan tanggungjawab ya tanpa mempunyai niat yang buruk terhadap sesiapa pun di dalam Dewan yang Mulia ini sama ada terhadap mana-mana pihak Barisan Nasional atau pun Pakatan Rakyat. Saya sebagai ADN untuk pengalaman saya Sekinchan dah dua penggal ya, insya-Allah kita akan teruskan untuk menyambung kesinambungan perjuangan hak rakyat tapi dalam niat kita perjuangkan hak rakyat ini janganlah, janganlah mengeluarkan kenyataan-kenyataan khususnya terhadap wanita. Jangan lupa wanita ini pemangkin ya. Untuk pembangunan negara kalau tanpa wanita siapalah kita. Ibu kita, kakak kita, isteri kita. Jadi hormatilah kaum hawa, kaum wanita ini. Ini penting, jadi saya mintalah Batang Kali, kita patut ya *you*



taulah dengan ayat, bertaubatlah kalau nak mohon maaf tadi nampak tak berapa ikhlas kalau boleh tu mohon maaf itu ikhlas, niat tu ikhlaslah sikit nampak tiada ya dan akhir sekalilah saya nampak biarlah muka buruk tapi jangan perangai buruk. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, silakan Rawang untuk menggulung.

**Y.B PUAN GAN PEI NEI :** Saya ingin menggulung. Tuan Speaker dan Ahli Dewan yang dihormati sekalian. Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Kelang, Yang Berhormat Seri Setia, Yang Berhormat Subang Jaya, Yang Berhormat Meru, Yang Berhormat Batang Kali, Yang Berhormat Kota Alam Shah, Yang Berhormat Sri Muda, Yang Berhormat Kajang, Yang Berhormat Kampung Tunku dan Yang Berhormat Sekinchan kerana melibatkan diri dalam perbincangan usul ini. Tujuan saya bangkitkan atau membawakan usul ke perhatian Dewan yang Mulia ini adalah saya mahu ingatkan kita semua bahawa seksis ini kita tidak boleh dianggap sebagai satu kelaziman. Atau pun tidak boleh diterima sebagai satu norma yang biasa dalam masyarakat kita khasnya ini adalah berkaitan dengan kita sebagai Wakil Rakyat yang di perhati, yang diteladan oleh rakyat yang memilih kita. Jadi kita mempunyai tanggungjawab yang lebih berat yang lebih besar. Sekiranya hari ini kita membiarkan seorang Wakil Rakyat bertindak atau pun mengeluarkan kenyataan seksis terhadap Ahli Dewan yang lain adakah ini juga bermaksud kita benarkan juga orang lain melakukan tindakan yang sama terhadap mana-mana orang pun. Saya rasa pengalaman yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang menunjukkan dan contoh-contoh yang diberikan menunjukkan bahawa seksis ini atau pun seksis *mind* ini tidak berlaku pada golongan wanita sahaja malahan lelaki juga sebenarnya ada kalanya juga menjadi mangsa kepada unsur-unsur seksisme ini dan bayangkan saya nak bertanya kepada Batang Kali, bayangkan kalau kawan kamu, adik kamu, isteri kamu dilemparkan kata-kata yang sama yang diunjurkan kepada Yang Berhormat Bukit Lanjan atau pun mana-mana kita dalam Dewan ini, kawan-kawan kita dikatakan sebegitu adakah kita boleh terima. Ini yang saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Batang Kali sendiri.

**Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Speaker,

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B PUAN GAN PEI NEI :** Saya ingin teruskan, masa ada 5 minit untuk gulung,

**Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tadi tanya Batang Kali. Batang Kali nak jawab...Rawang, Rawang.

**Y.B PUAN GAN PEI NEI :** Tidak perlu, saya rasa tadi Batang Kali banyak peluang berucap dah. Saya rasa sudah ada banyak peluang berucap. Tetapi ini adalah peluang

untuk saya berucap. Batang Kali terima kasih kerana duduk, Tapi nyata saya nampak dengan alasan-alasan yang diberikan oleh Batang Kali semuanya saya ingin memaafkan tetapi saya rasa itu perlu ditunjukkan kepada Yang Berhormat Bukit Lanjan dan semua Ahli Dewan yang duduk dan yang hadir bersama hari ini. Saya nampak bukan sahaja rasa tersinggung, Ahli-ahli Dewan kita yang kata ucap dalam terlibat dalam perbahasan dia kata tersinggung dengan kata-kata begitu dan saya nampak tiada Wakil Rakyat daripada pembangkang yang berani untuk berdiri untuk mempertahankan Batang Kali. Adakah ini bermaksud juga menyokong bahawa kata-kata beliau adalah bersifat seksis. Hari ini saya bukan nak saya rasa ini bukanlah satu peringatan kepada kita semua bahawa kita perlu tolakkan tingkah laku seperti ini seksisme ini bukan sahaja dalam Dewan tetapi sebagai satu amalan hidup kita dan kita tidak perlu atau pun kita tidak sepatutnya menggalakkan budaya seperti ini dalam masyarakat kita.

**Y.B TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Rawang. Saya mencelah.

**Y.B PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker, saya ini akhirkkan penggulungan saya

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Boleh mencelah Rawang, sikit sahaja.

**Y.B PUAN GAN PEI NEI :** Boleh. Silakan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Terima kasih Rawang. Tadi sebut mengenai DUN Barisan Nasional, bukan kita tak bagi sokongan kepada apa ni apa Batang Kali. Jelas bila Batang Kali diberi peluang, berhujah beliau sudah membuat permohonan maaf daripada jiwa yang baik, perasaan yang mulia. Dia mengakui kalau itu adalah *double mining*, dia sudah minta maaf. Jadi kami dah beri sokongan morallah kepada beliau. Tak perlulah kami nak hujah-hujah apa lagi bukan maknanya bila kita diam, tak hujah, kita tak sokong. Beliau dah mohon maaf, itu sahaja sebenarnya. Tiada isu dah. Cuma saya tengok Pakatan Rakyat berhujah untuk ada niat nak menghina pula kepada beliau. Itu sahaja. Sepatutnya awal lagi buat keputusan. Bukan ikhlas, tak ikhlas dah mohon dah pada Dewan ni.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Yang Berhormat Permatang, saya sebenarnya menerima kalau beliau atau Yang Berhormat Batang Kali minta maaf dengan niat dengan ikhlas, tetapi bila saya tengok selepas itu beliau mempertahankan kata-katanya seolah-olah dia tidak insaf dengan apa yang dikatakan tadi. Silakan.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Rawang boleh saya celah. Terima kasih Rawang. Saya awal tadi saya sudah cakap mula-mula dalam perbahasan saya, saya kata minta maaf terima kasih kepada Rawang kerana memberikan teguran-teguran seperti itu bermakna saya ikhlas terima teguran ini. Kalau betul-betul saya melakukan

perkataan seksis kepada Bukit Lanjan sedangkan saya tiada niat begitu. Rawang boleh tahu niat hati saya, Rawang boleh tahu saya niat hati saya sayang pada Rawang. Rawang boleh tahu ke. Tak tahu. Niat hati saya apabila saya katakan dengan kata-kata tadi, itu adalah niat hati saya untuk Dewan yang mulia. Takkan itu pun tak faham Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Terima kasih kepada penjelasan Yang Berhormat Batang Kali. Saya rasa tadi Yang Berhormat Meru telah sebutkan kita menilai seseorang itu bukan pada saat dia berucap sahaja kita perhatikan tingkah lakunya. Kita juga perhatikan *track record*nya inilah yang kita membawa kita membuat penilaian terhadap seseorang sama betulnya dia ikhlas atau pun tidak. Ini yang kita nilaikan. Dan saya rasa saya terserah juga kepada orang awam untuk menonton sendiri video klip siaran langsung daripada TV Selangor hari itu dengan konteksnya berlaku kenyataan seperti ini. Dan saya rasa saya ingat lagi semasa Yang Berhormat Subang Jaya mencadangkan supaya satu kursus peka *gender* ataupun *gender sensitive* diberikan kepada Batang Kali. Pada hari itu Batang Kali berdiri dan menafikan sebulat-bulatnya dia tidak keluarkan kenyataan seksis dan dia nyatakan hari itu dia katakan yang maksudnya dia suruh Bukit Lanjan jaga hutan di kawasan Bukit Lanjan. Tetapi kita nampak pula hari ini hujahnya berlainan lagi. Jadi saya nampak pendirian itu bertukar-tukar. Maksudnya beliau sendiri pun rasa ada sesuatu yang salah semasa hari dia berucap semasa Bukit Lanjan membuat penggulungan tadi. Jadi secara kesimpulannya Yang Berhormat dan Dewan, ahli-ahli Dewan yang mulia sekalian, saya menerima mohon maaf daripada Yang Berhormat Batang Kali tapi saya rasa kalau boleh selepas Sidang Dewan ini Yang Berhormat juga secara personal dengan dirinya mohon maaf terus kepada Yang Berhormat Bukit Lanjan. Dan saya cadangkan juga denda dikurangkan kepada RM1,000.00 itu yang saya nak buat pindaan kepada usul saya denda RM1,000.00 berserta dengan memohon maaf yang telah diterima dan mohon maaf secara personal kepada Bukit Lanjan dan juga saya cadangkan Batang Kali perlu hadir kursus gender sensitif. Sekian saja ucapan saya.

**TUAN SPEAKER :** Ya. Ahli-ahli yang Berhormat sekalian. Sebelum saya usulkan ini untuk diputuskan oleh Dewan, di hadapan saya terdapat satu cadangan untuk meminda dengan memotong perkataan RM5,000.00 supaya dimasukkan boleh dimasukkan perkataan RM1,000.00 maka saya perlu mengemukakan usul pindaan ini untuk diputuskan oleh Dewan. Saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan pindaan tersebut iaitu memotong RM5,000.00 kepada dan dimasukkan perkataan RM1,000.00. Yang bersetuju sila bangun sebab ini melibatkan ada cadangan yang berlainan ya. Setiausaha tolong kira yang setuju dengan pindaan. 25 undi. Ya terima kasih. Yang tak setuju sila bangun, yang tak setuju, Yang setuju dengan 1,000 tadi yang tak setuju dengan usul pindaan tersebut. Jadi dengan undi 50 undi setuju dan 0 tidak bersetuju. Jadi bererti usul ini dipinda. Ya, seperti yang dicadangkan oleh Yang

Berhormat Hulu Kelang dan disokong oleh Yang Berhormat Subang Jaya sebentar tadi. Jadi sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya kemukakan usul yang berbunyi seperti berikut untuk diputuskan.

“Bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan untuk mengenakan denda RM1,000.00 yang akan dipotong dari elaun khas Ahli Dewan Negeri ke atas ahli Dewan Negeri Batang Kali kerana kenyataan seksis yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Batang Kali terhadap Yang Berhormat Bukit Lanjan pada 22 November 2012 semasa sesi penggulungan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan yang berbunyi “tapi jangan terlupa jaga hutan sendiri”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang terhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul dipersetujui.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tuan Speaker, saya rasa Speaker tidak berlaku adil terhadap hal ini kerana saya lihat saya tidak ada melanggar mana-mana Peraturan Tetap di dalam mengeluarkan kenyataan tersebut. Ini memang betul-betul tidak adil Speaker kepada saya jadi saya amat-amat kecewa.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Batang Kali, sudah pun membangkitkan satu perkara yang berkaitan dengan tafsiran ya. Sebab sebentar tadi saya tidak ambil bahagian, saya tidak mahu ambil bahagian dan tidak ada permintaan untuk saya membuat satu petua dan oleh sebab Batang kali tak minta, tak minta

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Dah minta tadi

**TUAN SPEAKER :** Yang di minta tadi soal lain.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Kenapa Speaker tidak pertimbangkan kenyataan saya di atas kenyataan kita gunakan pertimbangan itu. Speaker ada kuasa.

**TUAN SPEAKER :** Tak, saya tak boleh jelaskan, melainkan ada permintaan untuk memberi. Usul saya tak boleh masuk campur.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Speaker ada kuasa. Kalau ini rupa gayanya Speaker, Speaker memang tak menggunakan kebijaksanaan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Tak semua video, kamera ada dekat sini saya jelaskan. Saya bertindak dengan adil jadi oleh sebab usul ini dipersetujui, saya tidak boleh buat apa. Tapi disebabkan ada juga permintaan untuk mentafsirkan ini saya ingin menyatakan saya membuat petua yang jelas iaitu, iaitu Peraturan 36 (4) di mana ahli adalah ADUN adalah dilarang untuk menggunakan bahasa yang biadab. Jadi bagi saya itu sudah mencukupi untuk merangkumi kenyataan yang seksis. Tidak perlu biadab.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Itu persepsi Speaker. Itu peraturan Speaker. Mana ada perkataan seksis dalam 36 (4) dan 36 (6) Speaker. Saya pun baca peraturan Speaker. Kalau dulu kita dah campak

**TUAN SPEAKER :** Baik urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya, usul No. 11 tahun 2012 Usul Di Bawah Peraturan Tetap 36 oleh Yang Berhormat Teratai.

**TUAN SPEAKER :** Sila.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Nampaknya pembangkang nak keluar buat usul lain. Ya salam sejahtera, Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat sekalian, saya memohon membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut.

“Bahawasanya Dewan yang mulia ini bersetuju dan menerima penyata yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan JP-PBT kertas Bilangan 34/2012 mengenai pemantauan projek MARRIS 2011, kriteria pelantikan panel peguam di PBT dan pengurusan pasar pagi, pasar malam dan *uptown* serta semakan akaun Jawatankuasa Penduduk atau JKP atau MPP” Tuan Speaker, boleh saya teruskan.

**TUAN SPEAKER :** Ya sila.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker, sejak tahun 2008 kerajaan telah menetapkan bahawa pasar malam perlu diurus oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Pada tahun 2009 satu pekeliling telah dikeluarkan iaitu duit pengurusan pasar malam hanya boleh dikutip oleh PBT. Pada bulan Mei 2012 satu lagi pekeliling telah dikeluarkan oleh EXCO Kerajaan Tempatan iaitu semua pasar malam, pasar pagi atau *uptown* perlu diambil alih oleh PBT masing-masing. Namun demikian, dalam, namun demikian dalam empat sesi pendengaran awam tertutup mengenai pengurusan pasar malam, pasar pagi dan *uptown* dari MBSA, MPKj, MPAJ dan MDKS. Jawatankuasa didapati bahawa kesemua PBT tersebut belum lagi melaksanakan dasar ini dengan sepenuhnya. Ada sebahagian PBT mengambil alih pengurusan pasar malam melalui JKP atau MDP tetapi kebanyakan belum lagi ambil alih pasar pagi, pasar malam atau *uptown*. Kita juga didapati bahawa di kawasan MPKj, pasar malam diurus oleh persatuan penduduk dan di kawasan MDKS ada satu pasar malam masih diurus oleh parti politik iaitu UMNO. Dalam sesi pendengaran awam tertutup pihak MDKS menyatakan bahawa pihak Majlis akan berunding dengan cawangan UMNO demi mengambil alih.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau itu dah ada dalam laporan tak perlu sebut lagi. Sekarang ini adalah permintaan supaya menerima laporan.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Ya tetapi ini perbahasan

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Ini perbahasan kan dan saya boleh ini sebab lepas itu cadangan dan macam mana apakah yang pernah kita lakukan.

**TUAN SPEAKER :** Tak sekarang ini laporan sudah ada, ini penyata. Laporan sudah lengkap, kenapa diulang-ulang.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Jadi saya hanya nak sebut sokong saja mencadang untuk di

**TUAN SPEAKER :** Sebab Yang Berhormat adalah Ahli Jawatankuasa dalam Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan dan Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian untuk menggubal laporan tersebut. Jadi kalau nak bahas orang lain yang tak ambil bahagian itu membahis. Bukan Yang Berhormat yang menggubal itu membahis. Sebab yang apa yang hendak dicadangkan hendak disarankan semua dalam laporan.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Jadi sama ada saya hanya Teratai hanya bercadang untuk diterima.

**TUAN SPEAKER :** Ya. sebab melainkan ada perkara yang lain kalau yang sudah ada dalam penyata tak perlulah Yang Berhormat mengulas, membaca semula.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Kalau ada yang tak ada dalam laporan sebab semakan ini belum di habiskan lagi saya hanya nak maklumkan kepada Dewan. Sebab ini sesi tertutup adalah peringkat yang pertama. Kita akan buat peringkat yang kedua. Jadi perlukah kita membawakan kepada Dewan bahawa ini laporan adalah fasa yang pertama.

**TUAN SPEAKER :** Tak perlu, laporan itu laporanlah. Kerja dah buat, buat laporan.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Sebab kerja belum siap lagi.

**TUAN SPEAKER :** Belum siap, dah buat laporan.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Ini fasa pertama sudah siap.

**TUAN SPEAKER :** Sama ada sekarang laporan kalau di bawah Jawatankuasa Pilihan, maka kalau sekarang Yang Berhormat hendak mencadangkan diterima, dia akan di buka untuk dibahaskan kalau Ahli Yang Berhormat tidak bersetuju merasakan kerja tak baik, laporan tak baik mereka boleh bahas. Tapi bagi Yang Berhormat apa nak cakap memang sudah tulis dalam laporan.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Ya. Jadi dengan ini Teratai ingin mencadang supaya usul ini dapat diterima oleh Dewan yang mulia ini. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Ya, ya, terima kasih. Penyokong.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Kampung Tunku menyokong usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Teratai ini dan saya tak pasti sama ada saya, saya boleh berucap sedikit tentang huraian ataupun penyata ini.

**TUAN SPEAKER :** Melainkan Yang Berhormat bukan ahli dalam jawatankuasa.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya bukan ahli dalam jawatankuasa ini. Saya mengucapkan tahniah sebenarnya Tuan Speaker kepada Jawatankuasa Pilihan PBT bagi Dewan negeri Selangor kerana telah membentangkan penyata ini. Jadi di dalam penyata ini terdapat beberapa perkara yang telah disarankan oleh Jawatankuasa dan saya telah meminta supaya Kerajaan Negeri memberikan perhatian serius terhadap cadangan-cadangan ini. Salah satu cadangan adalah berkenaan dengan pemantauan projek-projek MARRIS pada tahun 2011 di mana Jawatankuasa Pilihan PBT telah menyarankan supaya beberapa projek di bawah program MARRIS ini diberi kepada sebuah kontraktor untuk dikumpulkan di bawah satu kontraktor untuk mengurangkan kos. Saya rasa perkara ini mungkin kita boleh laksanakan di peringkat tempatan saja. Dan PBT JPBT juga bercadang agar wakil rakyat dan ketua komuniti diberi peranan untuk memantau pelaksanaan program-program MARRIS. Sebenarnya bukan saja program-program pembangunan di bawah MARRIS yang perlu di bawa di letak di bawah projek di bawah pemantauan yang lebih ketat. Malahan semua projek pembangunan, perolehan, bekalan atau perkhidmatan kerajaan harus lah diletak di bawah pemantauan yang rapi dan ketat dan ditetapkan seperti yang ditetapkan oleh Akta Tatacara Kewangan Tahun 1957 dan semua Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan. Tuan Speaker, Kampung Tunku menggesa kepada semua pegawai kerajaan supaya ini dipatuhi dan pemerhatian saya ialah terdapat beberapa perkara yang telah dimaktubkan di dalam Akta Tatacara Kewangan ini tidak sentiasa tidak di ikuti oleh pegawai-pegawai kerajaan dan saya berharap perkara - perkara ini dapat diteliti oleh Kerajaan Negeri. Kampung Tunku juga ingin menggesa kepada kerajaan untuk memastikan projek-projek MARRIS ini dijalankan dengan betul. Melalui pemantauan yang rapi juga oleh Penolong-penolong Teknikal ataupun *Technical Assistant* di setiap PBT. Dan masalah yang sering kali kita hadapi ialah walaupun jawatankuasa menyarankan supaya ADUN dan Ketua Komuniti diberi peranan yang rapi untuk memantau pelaksanaan projek-projek MARRIS, tapi kita juga bergantung (ini sebenarnya tanggungjawab pegawai-pegawai kerajaan khususnya pegawai yang berpangkat *Technical Assistant*). Merekalah yang bertanggungjawab untuk turun ke padang, memantau kontraktor, tengok dan memeriksa sama ada kontraktor menggunakan bahan yang betul, menjalankan kerja yang betul semasa pelaksanaan

program. Bukan selepas pelaksanaan program. Apa yang berlaku sering kali ialah apabila kontraktor menghabiskan kerja disertakan dengan gambar foto, baru *Technical Assistant* melihat gambar foto, melihat laporan, baru dia meluluskan bayaran. Ini adalah cara yang tidak betul.

Saya menggesa supaya kerajaan khususnya di Bahagian Perbendaharaan dan juga di peringkat PBT, pantau perkara ini betul-betul. Memastikan *Technical Assistant* jangan duduk dekat *office* sahaja. Turun ke padang, memantau tengok betul-betul. Sebelum mula kerja, tengok. Semasa bekerja, pantau juga dan selepas itu tengok betul-betul. Tengok ada apa-apa kekurangan dan selepas itu barulah kita memproses bayaran kepada kontraktor. Kalau tidak, kalau setakat bergantung pada ADN, Ahli Parlimen ataupun Ketua Kampung ataupun Ahli Majlis untuk memantau itu adalah tidak mencukupi.

Di dalam penyata ini juga ada menyebut tentang pelantikan Peguam Panel di PBT. Saya juga ingin mengatakan bahawa cadangan yang dinyatakan di dalam penyata ini adalah cadangan yang bernas. Saya bercadang kerajaan tidak harus menunggu lagi dalam Mesyuarat MMKN yang akan datang bolehlah dibincangkan dan dimasukkan cadangan-cadangan oleh PBT ini sebagai dalam bentuk pekeliling dan dikeluarkan kepada semua peringkat Kerajaan Negeri supaya kesilapan yang berlaku sebelum ini ataupun kekurangan yang berlaku sebelum ini dapat dielak.

Kampung Tunku juga tertarik dengan perkara yang dibangkitkan dalam penyata ini iaitu pengurusan bagi pasar malam dan *uptown* oleh PBT. Sememangnya kerajaan telah menetapkan dasar bahawa pengurusan oleh pengurusan pasar-pasar pagi, pasar-pasar malam ini dikendalikan oleh PBT sendiri sejak tahun 2008 tapi kita mengambil maklum masih ada lagi halangan kerana terdapat sebahagian atau sesetengah daripada pasar malam ini masih diuruskan oleh orang-orang UMNO ataupun parti-parti politik. Sama ada di UMNO atau tidak saya rasa itu tidak penting. Tapi hakikatnya ianya tidak haruslah diuruskan oleh parti-parti politik dan haruslah diuruskan oleh PBT itu sendiri dan kemudiannya jikalau keadaan di sesuatu kawasan itu mengizinkan ataupun memerlukan, PBT boleh membuat peruntukan untuk membantu JKKK ataupun Persatuan Penduduk untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Tidak perlulah JKKK ataupun Persatuan Penduduk terlibat secara langsung dalam pengurusan pasar-pasar pagi dan pasar-pasar malam ini kerana mereka bukan kalau bagi Persatuan Penduduk, mereka bukanlah cabang kerajaan. Mereka hanyalah satu persatuan sosial sahaja.

Jadi, saya berharaplah saya amat berharap MMKN dapat meneliti cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam penyata ini dan seperti apa yang saya katakan tadi, saya berharap ianya dapat dilaksanakan secara cepat dan dimasukkan dalam bentuk pekeliling dan dihantar kepada semua agar kesilapan-kesilapan ataupun kekurangan



yang berlaku sebelum ini dapat dibendung dan dikurangkan. Saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk dibahas. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi, “Bahawasanya Dewan yang mulia ini bersetuju dan menerima penyata yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan, Kertas Mesyuarat Bil. 34/2011 mengenai Pemantauan Projek MARRIS 2011, Kriteria Pelantikan Panel Peguam di PBT dan Pengurusan Pasar Pagi, Pasar Malam dan *Uptown* serta semakan Akaun JKP/MPP”. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya, Usul No.20 Tahun 2012, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Y.B. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon membawakan satu usul yang berbunyi seperti berikut. “Bahawasanya menurut peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan atau SELCAT mengenai perolehan, penggunaan dan pulangan pinjaman RM90.3 juta oleh PAISB atau PKPS Agro Industri Sdn. Bhd yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.24 Tahun 2012.”

Tuan Speaker, Merujuk kepada usul ini berkaitan dengan pinjaman yang berlaku pada tahun 2005 dan 2006 yang tidak melibatkan kerajaan Pakatan Rakyat. Walau bagaimanapun, Dewan yang mulia ini menarik perhatian perolehan sebanyak RM90.3 juta dari Kementerian Kewangan tetap wang rakyat. Dan sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, saya mengusulkan agar tindakan kerajaan mengambil kira penyata yang telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini.

Penyata ini adalah hasil daripada siasatan pendengaran awam SELCAT di atas penemuan-penemuan yang telah dibuat oleh JP ABASS dalam pendengaran tertutup ekoran dari Laporan Ketua Audit Negara 2010. Dengan itu saya mencadangkan agar Dewan yang mulia ini menerima penyata yang berkenaan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ :** Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ya. Terima kasih Lembah Jaya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk dibahas. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi “Bahawasanya menurut peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) mengenai perolehan, penggunaan dan pulangan pinjaman RM90.3 juta oleh PAISB (PKPS Agro Industri Sdn. Bhd.) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.24 Tahun 2012.” Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya, Usul No.21 Tahun 2012, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Y.B. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon membawakan satu usul yang berbunyi seperti berikut “Bahawasanya menurut peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan Kebertanggungjawaban dan Ketelusan atau SELCAT mengenai kejadian banjir di Hulu Langat dan Klang Selatan yang telah dibentangkan di Dewan yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.25 Tahun 2012.

Tuan Speaker, usul ini adalah ekoran daripada satu pendengaran SELCAT yang telah berjaya memanggil 13 orang saksi memberi keterangan yang telus dan terbuka dalam satu sidang pendengaran terbuka SELCAT. Saya ingin menarik perhatian sebelum mengutarakan agar penyata ini diterima terhadap Perenggan 44 dalam Penyata iaitu pengurangan peruntukan yang mendadak oleh Kerajaan Persekutuan kepada JPS untuk usaha menangani banjir selepas tahun 2008 sebagai salah satu rumusan jawatankuasa.

Merujuk kepada itu, saya ingin meminta Kerajaan Negeri Selangor untuk membuat tindakan susulan terhadap permohonan JPS dalam Perenggan ke-30, di mana JPS juga telah memaklumkan tentang satu *rolling plan* Rancangan Malaysia yang Ke-10 di mana permohonan adalah kira-kira RM60 juta dan yang diluluskan hanya RM1.9 juta. jadi, ini berbeza dengan peruntukan dalam Rancangan Malaysia yang Ke-10 dilaksanakan cara *rolling plan* yang mana menganggarkan dua tahun tidak seperti yang sebelumnya iaitu Rancangan Malaysia Yang Ke-8 iaitu RM111 juta dan Rancangan Malaysia Ke-9 RM67 juta. Jadi, dengan itu saya berharap pihak kerajaan dapat mengambil tindakan susulan untuk meninjau apakah peruntukan dalam RMK 10 akan diturunkan ke Negeri Selangor.

Tuan Speaker, dengan ini saya mengusulkan agar penyata ini diterima.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ :** Tuan Speaker, saya menyokong dan saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak SELCAT kerana mengambil tindakan untuk melihat ataupun melihat dengan lebih dekat berhubung dengan banjir yang berlaku di Hulu Langat dan Klang. Dan saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana dapat menangani dengan baik dan begitu juga di Lembah Jaya sendiri terdapat runtuh jambatan telah pun dibaikpulih oleh pihak JPS. Saya juga mengucapkan ribuan tahniah dan terima kasih kepada pihak JPS, pihak kebajikan.

Dan perlu diingatkan di sini apabila kita sebut bencana alam dan SELCAT juga bersetuju dengan apa kenyataan yang diberikan dalam laporan tersebut bahawa ia berlaku akibat hujan yang berlebihan. Maksud saya yang di Bukit Sungai Seputih. Maka saya kira pihak kerajaan perlu mengambil langkah awal di mana saya telah pun membawa perkara ini dalam Mesyuarat JPBD di mana terdapat 40 buah rumah (tanah lot) di Kampung Bukit Sungai Seputih yang sekarang ini diancam oleh bahaya dan saya kira bila-bila masa sahaja tanah itu boleh runtuh. Jadi, di pihak MPAJ juga telah pun mengambil tindakan dan Pejabat Daerah juga telah pun mengambil tindakan. Cuma, sekarang ini kita hanya menunggu duit daripada Kerajaan Negeri untuk membina ataupun membaiki cerun yang ada itu supaya malapetaka seperti mana yang berlaku di Bukit Antarabangsa yang melibatkan nyawa dan sebagainya tidak berlaku sekali lagi.

Jadi, saya harap kerajaan tolong beri perhatian dalam perkara ini supaya bencana-bencana seperti ini yang boleh kita elakkan, kita elakkan daripada berlaku. Jadi, dengan itu saya menyokong usul yang dibawa oleh Hulu Kelang.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi “Bahawasanya menurut peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) mengenai kejadian banjir di Hulu Langat dan Klang Selatan yang telah dibentangkan di Dewan yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.25 Tahun 2012. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya, Usul No.22 Tahun 2012, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Y.B. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon membawakan satu usul yang berbunyi seperti berikut “Bahawasanya menurut peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas

Mengenai Keupayaan Kebertanggungjawaban dan Ketelusan atau SELCAT mengenai Laporan Audit Dalam Tahun 2010 berhubung Pengurusan Kewangan Yayasan Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.25 Tahun 2012”.

Tuan Speaker, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan yang tinggi kepada SELCAT yang telah mengadakan pendengaran terbuka dan kepada Kerajaan Negeri Selangor yang bersikap telus dan bertanggungjawab membenarkan SELCAT menyemak tindakan-tindakan yang dilakukan oleh salah sebuah agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Dan persoalannya adalah kerana keazaman politik. Dengan izin, *political will* yang cukup berkesan yang telah membuktikan rasa bertanggungjawab pihak pimpinan Kerajaan Negeri dan pentadbiran Kerajaan Negeri terhadap salah satu agensi di bawahnya. Persoalan yang biasa ditimbulkan adalah tentang di bawah laporan ini adalah Majlis Ulang Tahun Ke-40 Yayasan Selangor yang telah digembar-gemburkan dan beberapa lagi masalah pengurusan dan pentadbiran yang berlaku yang telah diperakui kelemahan-kelemahan dan telah dikenal pasti penemuan-penemuannya sama ada oleh Jawatankuasa Audit Dalam ataupun melalui pendengaran SELCAT. Namun Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian di samping kita telah membuktikan dan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam pengurusan Yayasan Selangor dan pengakuan ketelanjuran yang dilakukan oleh Pengurus Besarnya. Ini menuntut bahawa pihak Kerajaan lebih berhati-hati dan bersungguh-sungguh untuk melaksanakan perenggan 92 iaitu :

Pihak Berkuasa Negeri seharusnya menubuhkan yayasan sebagai sebuah Badan Berkanun Negeri supaya pemakaian tatacara kewangan adalah wajib dan ianya adalah tertakluk kepada pemantauan Ketua Audit Negara dan Dewan Negeri. Tidak hanya sebagai di bawah akta syarikat.

Untuk itu juga Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian di samping kelemahan-kelemahan yang terkandung di dalam laporan di dalam Yayasan baru-baru ini saya ingin menegaskan bahawa Jawatankuasa SELCAT juga telah membuat beberapa pemerhatian seperti dalam perenggan 87 iaitu dalam rekod pada tahun 2010 aset tetap yayasan berjumlah RM300 juta dan aset semasa dalam akaun simpanan semasa berjumlah RM51 juta.

Perenggan ke-88, bagi perbandingan pada tahun 2007 aset yayasan hanya berjumlah RM20 juta, aset yayasan telah bertambah 2 kali ganda dalam tempoh 3 tahun. Ini adalah satu yang perlu dirakamkan oleh Dewan di samping penemuan-penemuan tentang kelemahan Yayasan Selangor.

Dengan itu juga, saya ingin memohon pihak kerajaan ataupun pihak yayasan mengambil tindakan untuk mengadakan audit luaran terhadap cadangan, penemuan

yang terkandung dalam perenggan 89 iaitu menurut dakwaan Pengurus Besar, sejak tahun 1991 hingga Mac 2008 ketirisan aset Yayasan Selangor adalah dianggarkan tidak kurang dari RM500 juta. Jadi dengan itu penemuan ini adalah satu perkara yang serius yang perlu diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak kerajaan. Dengan ini saya ingin mengesyorkan agar penyata ini diterima. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Penyokongnya?

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Saya menyokong Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk di bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi :

“Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan SELCAT mengenai Laporan Audit Dalam Tahun 2010 berhubung Pengurusan Kewangan Yayasan Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.26 Tahun 2012”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya, usul No.23 Tahun 2012. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mohon membawakan suatu usul yang berbunyi seperti berikut :

“Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan SELCAT mengenai permohonan pembangunan tanah padang PKNS di Kelana Jaya dan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2, RTPJ 2 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.27 Tahun 2012”.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Belum lagi tu, belum ucap lagi

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Yang Berhormat Tuan Speaker, kami satu Parlimen. Jadi memang cepat sokong. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya Seri Setia

telah membangkitkan isu Kompleks Sukan dan Padang PKNS SS7 Kelana di dalam Dewan Negeri Selangor dengan kerjasama Jawatankuasa Selamatkan Padang Rakyat sejak tahun 2011 lagi. Saya bersama-sama wakil penduduk Kelana Jaya telah bertemu dengan wakil PKNS, Pengurus Kanan Pembangunan Business, Puan Norzila Sidek pada Mac 2011 di mana penduduk membangkitkan keprihatinan tentang cadangan membangun semua tentang Kompleks Sukan PKNS yang mereka maklum menerusi iklan tender di akhbar. Di dalam pertemuan tersebut, Puan Norzila menjelaskan bahawa pembangunan semula Kompleks Sukan PKNS tidak akan menjejaskan padang PKNS di Kelana Jaya. Namun pada bulan Oktober 2011, PKNS telah mengemukakan permohonan kebenaran merancang di MBPJ di mana pembangunan semula tersebut akan merangkumi padang PKNS. Mengikut salinan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2, RTPJ 2 yang dibekalkan pada waktu itu, Kompleks Sukan PKNS terletak di bawah zon komersial. Pusat setempat ataupun OSC MBPJ kemudiannya menolak permohonan tersebut di atas sebab teknikal memandangkan permohonan PKNS termasuk membina bangunan kediaman sedangkan RTPJ, Zon RTPJ 2 bagi kawasan tersebut adalah zon komersial bukan zon kediaman. Permohonan PKNS juga dibuat pada kepadatan 1:6 bertentangan dengan syarat MBPJ yang hanya membenarkan kepadatan atau *plot ratio* 1:4.

Yang Berhormat – Yang Berhormat sekalian, pada November 2011 saya telah bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang isu ini. Dato' Menteri Besar telah menyatakan bahawa Kompleks Sukan PKNS telah dizonkan sebagai tanah komersial di bawah RTPJ 2. Dato' Menteri Besar sebagai Pengerusi PKNS telah kemudian meminta PKNS bertemu penduduk sebelum membuat sebarang permohonan semula. Justeru pada Mei 2012, Yang Berhormat Bukit Antarabangsa di dalam kapasitinya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerja EXCO PKNS bersama pihak pengurusan kanan PKNS telah hadir di dalam dialog yang saya aturkan bersama penduduk. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa di atas inisiatif ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, namun berikutan usaha Jawatankuasa Selamatkan Padang Rakyat pada Jun 2012 didapati bahawa sebenarnya wujud beberapa versi RTPJ 2. Di mana versi asalnya menyatakan bahawa Kompleks Sukan PKNS terletak di dalam zon padang rekreasi. Implikasi pindaan ini sangat besar pada nilai sekarang sekiranya tanah ini kekal sebagai zon rekreasi nilainya hanyalah lebih kurang RM20.00 sekaki persegi tetapi sebagai zon komersial nilainya boleh meningkat sehingga RM500.00 kaki persegi. Peningkatan sebanyak 25 kali ganda. Saya telah menggesa agar isu pindaan RTPJ 2 secara tidak sah ini disiasat oleh Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai kewibawaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan SELCAT. Siasatan SELCAT yang telah diadakan mendapat, siasatan SELCAT telah menyiasat isu permohonan pembangunan tanah padang PKNS Kelana Jaya yang berhubung kait

dengan RTPJ 2 ini. Hasilnya di dalam sebagaimana didapati di dalam Penyata SELCAT, telah mendedahkan wujud 3 versi draf RTPJ 2. Versi pertama yang diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dan dipersetujui oleh MMKN. Versi Kedua yang dipinda bersama oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Selangor (JPBD) dan MBPJ sebelum penyiaran warta negeri mengenai persetujuan MMKN dan versi ketiga yang dipinda oleh MBPJ selepas penyiaran dalam warta negeri. Saksi-saksi daripada JPBD telah menegaskan bahawa sejak awal lagi mereka telah meletakkan Kompleks Sukan PKNS di dalam zon rekreasi dan tanah lapang. Hal ini telah diakui oleh saksi-saksi MBPJ. Wujud 210 pindaan bukan sedikit termasuk 59 pindaan zon terhadap draf RTPJ 2 oleh pihak MBPJ. Ini satu angka yang cukup serius dan melibatkan implikasi kewangan yang besar. Bukan saya nak menghina Sekinchan ya, tapi kalau berlaku dekat Sekinchan mungkin wang dia kecil tapi kalau dekat PJ ni jauh lebih besar nilainya. Apabila ditanya SELCAT, saksi MBPJ tidak dapat menjelaskan mengapa mereka membuat pindaan tersebut dan atas arahan siapa mereka membuat arahan tersebut, mereka membuat pindaan tersebut. Malah Penolong Pengarah Kanan Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ, Puan Fairuz Abdul Hamid mengatakan pindaan dibuat kerana saya kod 'mengambil *spirit* dengan izin daripada arahan Tan Sri Menteri Besar di dalam Mesyuarat Perancang Negeri'. Saksi JPBD sendiri telah menegaskan bahawa teguran Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar merupakan teguran umum tentang perubahan rancangan tempatan MBSA dan MPSJ yang masih lagi belum selesai. Tidak ada kaitan dengan MBPJ sebagaimana yang cuba dinukilkan oleh saksi MBPJ. Dato' Menteri Besar sendiri mengingatkan, juga mengingatkan bahawa semua prosedur undang-undang hendaklah diikuti. Sebagaimana saya bangkitkan di dalam perbahasan Enakmen Perbekalan Peringkat Jawatankuasa 2 hari yang lepas, bayangkan seorang pegawai kerajaan cuba memutar belitkan kata-kata Menteri Besar di dalam hal ini. Saksi-saksi MBPJ juga mengakui bahawa tindakan mereka meminda zon tidak merujuk kepada sebarang asas perundangan tetapi merupakan sebutan mereka amalan biasa. Bagi saya, ini sebenarnya bukan biasa tetapi kenyataan luar biasa daripada pegawai-pegawai kerajaan. Siasatan SELCAT turut mendapati ketika draf RTPJ 2 dipamerkan kepada orang ramai selaras dengan Seksyen 13 Akta Perancangan Bandar dan Desa, PKNS tidak membantah bahawa Kompleks Sukan PKNS dizonkan sebagai zon rekreasi dan tanah lapang. Sekiranya PKNS begitu prihatin tentang kepentingan mereka, mengapa PKNS sebuah badan berkaitan kerajaan yang mempunyai kepakaran yang lama di dalam pembangunan hartanah di Selangor tidak membuat bantahan. Sesungguhnya PKNS dan rakan kongsi mereka sepatutnya melakukan dengan izin *due diligent* di peringkat awal untuk menjaga kepentingan mereka. Tapi apa yang kita lihat PKNS hanya berminat untuk membangunkan kawasan ini selepas ia telah digazetkan sebagai kawasan lapang. Pada 12 November tahun ini juga PKNS menerbitkan sebuah risalah tentang isu

Kompleks Sukan PKNS. Namun di dalam risalah ini kita lihat seolah-olah PKNS merendahkan-merendahkan kepentingan RTPJ 2. Rumusan SELCAT telah jelas bahawa Kompleks Sukan PKNS merupakan zon rekreasi dan tanah lapang. Dan remedi untuk PKNS sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan RTPJ 2 ialah di bawah Seksyen 37 Akta Perancangan Bandar dan Desa di mana mereka boleh meminta Kerajaan Negeri mengambil semula kompleks sukan tersebut. Namun saya fikir PKNS harus berfikir dengan *mind set* yang berbeza. PKNS ialah sebuah perbadanan yang mempunyai sejarah baik sebagai sebuah pemaju dengan kesedaran dan tanggungjawab sosial yang tinggi. Harus diingat komuniti Kelana Jaya secara umumnya merupakan pembeli rumah PKNS dan paling penting sekali PKNS merupakan agensi Kerajaan Negeri. Kehilangan *good will* dengan izin di kalangan komuniti ini akan menjejaskan imej PKNS dengan teruk.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada JPBD yang telah mengakui kesilapan mereka di dalam pindaan tidak sah RTPJ 2 dan kenyataan mereka membetulkan saksi daripada MBPJ ketika pendengaran SELCAT. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada MBPJ khususnya Datuk Bandar, Dato' Roslan Sakiman, Timbalan Datuk Bandar, Puasa Mat Taib dan Ahli Majlis, Derek Fernandez yang mengambil tindakan membetulkan kesilapan MBPJ dengan menggunakan RTPJ 2 yang sah dan melakukan audit terhadap kakitangan yang terlibat. MBPJ juga telah membuat laporan polis berikutan isu ini. Yang paling penting saya ingin merakamkan penghargaan kepada peranan penduduk khususnya Jawatankuasa Selamatkan Padang Rakyat yang telah berjuang dengan gigih untuk mempertahankan padang PKNS dan membongkar pindaan tidak sah terhadap RTPJ 2. Yang pentingnya, saya menggesa Kerajaan Negeri kini memainkan peranan meminta PKNS menarik balik rayuan kepada rayuan kepada Lembaga Rayuan selepas pelbagai kontra versi yang dilalui. Apatah lagi isu ini membabitkan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan badan berkaitan kerajaan bukan pemaju swasta. Seri Setia mohon mencadangkan.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Tuan Speaker, Subang Jaya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk perbahasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi :

“Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan SELCAT mengenai Permohonan Pembangunan Padang PKNS di Kelana Jaya dan Rancangan Tempatan



Petaling 2, RTPJ 2 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia sebagai Kertas Mesyuarat Bil.27 Tahun 2012”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya, usul No.24 Tahun 2012. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya mohon membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :

“Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Tanah, Pejabat Daerah dan Tanah JP PADAT yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.29 Tahun 2012”. Saya mohon mencadangkan.

**TUAN SPEAKER :** Penyokong?

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi :

“Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah, JP PADAT yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia sebagai Kertas Mesyuarat Bil.29 Tahun 2012”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya, usul No.25 Tahun 2012. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon membawakan suatu usul yang berbunyi seperti berikut :

“Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan Khas

mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan SELCAT mengenai Siasatan Ke atas Urus Niaga Perlombongan Pasir Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.28 Tahun 2012”.

Pertama sekali Kampung Tunku ingin mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan bagi Dewan Negeri kerana menjalankan siasatan ke atas urus niaga perlombongan pasir KSSB. Isu berkenaan dengan KSSB telah lama mendapat perhatian masyarakat umum dan adalah wajar untuk SELCAT menjalankan siasatan dan pendengaran awam tentang berbagai persoalan yang ditempuh berkenaan dengan syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor ini. Apatah lagi aktiviti utama syarikat ini adalah berkaitan dengan industri perlombongan pasir di mana industri ini merupakan isu hangat masyarakat umum.

Kedua, Kampung Tunku meminta kerajaan untuk memastikan cadangan-cadangan Jawatankuasa SELCAT ini diterima kerana ianya adalah sangat padat dan harus diambil berat oleh kerajaan bagi melicinkan dan mempertingkatkan pengurusan syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor yang lain pada masa depan. Kenyataan sebelum ini bahawa Kerajaan Negeri, berkenaan dengan permohonan melombong, penyata telah menetapkan bahawa kenyataan Kerajaan Negeri Selangor akan memperoleh pendapatan melombong pasir sebanyak RM120 juta adalah tidak berasaskan kepada maklumat yang lengkap. Dan ini saya berpendapat harus diberi perhatian oleh kerajaan. Penyata juga menetap, memaklumkan bahawa kuasa untuk menentukan kesesuaian atau kebolehlaksanaan sebuah permohonan untuk melombong di tanah persendirian ini berkemungkinan di salah gunakan tanpa pemantauan yang lebih ketat dan sistematik. Penyata juga menyarankan supaya kerajaan membenarkan permohonan untuk melombong pasir di tanah persendirian dijalankan secara serentak untuk memastikan, untuk mencerminkan pentadbiran yang cekap di sisi Kerajaan Negeri Selangor. Jawatankuasa SELCAT juga menyarankan supaya KSSB diberi kuasa untuk, menyarankan bahawa memandangkan KSSB mempunyai kuasa untuk menentukan kesesuaian permohonan untuk melombong di tanah persendirian tanpa memaklumkan mana-mana pihak secara rasmi maka satu tatacara yang lengkap perlulah digubal untuk mengenal pastikan kuasa ini dijalankan dengan telus. Penyata ini juga telah menyentuh tentang pengurusan KSSB dan bayaran bonus dan di dalam penyata ini telah dinyatakan bahawa adalah tidak wajar dan tidak munasabah bagi Lembaga Pengarah KSSB memberi bonus interim sejumlah bersamaan 2 bulan gaji selepas 4 bulan beroperasi berdasarkan kepada unjuran bahawa KSSB akan memperolehi keuntungan pada akhir tahun perakaunannya. Dalam pemberian bonus, SELCAT juga mengatakan bahawa kelihatan tidak ada garis panduan terhadap peratusan bonus yang harus diberi. Saya berpendapat perkara ini harus diberi perhatian serius oleh kerajaan kerana perkara yang sama semasa siasatan

JP ABAS dijalankan kami juga mendapati perkara ataupun fenomena yang sama berlaku sebelum ini. Saya rasa Kerajaan Negeri haruslah mengubah seperti apa yang dinyatakan dalam penyata ini, satu penyata ataupun garis panduan yang boleh diterima di seluruh Negeri Selangor bagaimana kita dapat memberi bonus kepada kakitangan awam. Penyata juga menyentuh tentang aduan yang dibuat terhadap 2 orang Ahli Dewan Negeri Selangor dan juga pengurusan KSSB dan dinyatakan dalam penyata ini bahawa tidak ada bukti yang kukuh yang menunjukkan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Sri Muda dan Ahli Yang Berhormat dari Batu Caves membantu syarikat-syarikat mereka mendapat kontrak KSSB. Jadi itulah adalah sedikit sebanyak perkara yang dilaku, disarankan dalam penyata ini. Pada secara keseluruhannya penyata ini adalah sangat padat dan sangat lengkap. Saya tidak nampak apa-apa sebab untuk Kerajaan Negeri tidak menerima ataupun tidak menyatakannya dalam satu bentuk arahan kepada syarikat-syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Saya berharap perkara ini dapat disiasat dan diteliti oleh kerajaan. Satu garis panduan perlu dilakukan, perlu digubal dalam menentukan kuasa KSSB. Begitu juga dalam pemberian bonus kepada Ahli-ahli Lembaga dan perkara ini kami daripada JPABAS sebenarnya sebelum ini pernah bermesyuarat supaya juga dimaktub ataupun diusahakan supaya Kerajaan Negeri meminta pendapat ataupun meminta pandangan daripada JPABAS dalam menentukan garis-garis panduan ini supaya ianya adalah satu garis panduan yang lengkap dan boleh dipatuhi oleh semua peringkat syarikat-syarikat milik kerajaan. Jadi itulah sedikit sebanyak ucapan pembawaan usul saya. Saya memohon untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ :** Tuan Speaker, Lembah Jaya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka untuk dibahas. Ya, sila.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, sebelum yang Berhormat membahas, saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa usul lanjut masa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga semua aturan urusan mesyuarat selesai”.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui. Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ingin mengambil bahagian di dalam usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kampung Tunku. Umum mengetahui bahawa Syarikat Kumpulan Semesta adalah syarikat yang dipertanggungjawabkan sejak Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih pemerintahan kerajaan pada Mac 2008. Satu usaha sudah dilakukan bagi memastikan semua urusan-urusan yang berkaitan dengan aktiviti pengorekan bahan batuan di seluruh Negeri Selangor dilakukan dan direkodkan serta didokumentasikan secara berkesan, sistematik dan terkawal. Maka itu Kumpulan Semesta ditubuhkan adalah bagi menjayakan Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dan berasaskan kepada penyata pilihan khas yang dikemukakan dalam Dewan pada hari ini, suka saya nyatakan bahawa sebagai salah seorang yang terlibat di dalam peringkat awal, dalam memastikan urusan niaga ini dijalankan dengan baik ianya adalah satu keputusan ataupun satu langkah yang amat baik dalam menangani masalah-masalah yang sebelum ini tidak pernah ditimbulkan. Seperti yang disebut oleh Kampung Tunku sebentar tadi, unjuran. Unjuran yang disebut oleh Kerajaan Negeri dan juga pandangan-pandangan yang disebut di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas ini yang dilaporkan pada hari ini akan diteliti dan dikemaskinikan dan akan dikemukakan di peringkat Ahli-ahli Lembaga Pengarah supaya kita dapat menilai dan memperbaiki apa juga kelemahan-kelemahan yang wujud. Cuma ingin saya tegaskan bahawa unjuran yang disebut oleh Dato' Menteri Besar dulu yang sering kali digunakan oleh pembangkang Negeri Selangor ialah jumlah RM120 juta setahun. Ingin saya tegaskan dan membetulkan di sini bahawa unjuran yang dimaksudkan itu adalah unjuran secara langsung bukan sahaja unjuran pendapatan royalti. Tetapi ialah pendapatan daripada royalti hasil perniagaan oleh Kumpulan Semesta, royalti yang dibayar untuk kesemua tanah merah, tanah liat, amang semua bahan-bahan batuan yang ada di Negeri Selangor. Tetapi oleh kerana isu ini dipolitikkan, maka sebab itu kita perhatikan setiap kali Sidang Dewan Kuala Kubu Baharu membangkitkan perkara yang hampir sama setiap kali Sidang Dewan mempertikaikan unjuran Kerajaan Negeri tidak dapat mencecah RM120 juta. Unjuran ini namanya pun unjuran. Maka bila dah disebut unjuran ada kala kita mencecah RM120 juta, ada kala mungkin tidak sampai. Tetapi mengikut rekod yang saya ada untuk tempoh 4 tahun, sepanjang tempoh 4 tahun beroperasi di Negeri Selangor kita mempunyai jumlah unjuran, jumlah pendapatan yang sudah pun melepasi RM100 juta kalau dicampurkan royalti pendapatan Kumpulan Semesta dan juga bahan-bahan batuan lain yang dikenakan royalti oleh Kerajaan Negeri. Sepanjang tempoh 4 tahun ini, jumlah yang diperolehi itu sudah lebih daripada RM160 juta sepanjang tempoh 4 tahun. Dan ini menunjukkan bahawa walaupun

mungkin kita tidak lagi mencecah harga RM100 juta tetapi sekurang-kurangnya langkah ke arah itu dilaksanakan dan yang paling penting sekali aktiviti pada hari ini sudah dapat dikawal sepenuhnya. Walaupun mungkin ada 1, 2 modus operandi yang dilakukan oleh pihak-pihak yang terlibat masih lagi berjalan di luar daripada kawalan tetapi kita cukup yakin dengan kuasa yang diperuntukkan kepada Pentadbir Tanah dan juga Pihak Berkuasa Negeri terutama sekali Pejabat Tanah dan Galian Negeri, maka aktiviti-aktiviti ini boleh dilaksanakan secara berkesan. Bagi menghapuskan langsung aktiviti ini saya fikir ianya agak sukar tetapi sekurang-kurangnya langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dapat memulakan satu usaha yang baik dalam memastikan sumber pengurusan alam ini dilaksanakan dengan baik.

Tuan Speaker, akhir sekali saya ingin menyebutkan bahawa oleh kerana saya yang dikaitkan, disebutkan dan juga Yang Berhormat Batu Caves dikaitkan, ingin kita menegaskan bahawa tuduhan yang dilakukan oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab ini sudah pun disiasat 2 kali oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada 1hb. Julai, 2010 dan keputusan yang diumumkan pada 31hb. Mei, 2012 mengesahkan bahawa saya dan juga Batu Caves tidak pernah terlibat sama sekali. Dan ini bersekali, bersesuaian, selari dengan apa yang dirumuskan oleh Jawatankuasa SELCAT dan juga apa yang dibentangkan pada hari ini bahawa ini, bahawa tuduhan kami terlibat itu adalah satu tuduhan palsu dan ianya saya mahu direkodkan dalam Dewan ini bahawa kami tidak pernah terlibat dalam urusan-urusan sebegini. Kami tak seperti Barisan Nasional menggunakan alasan nak bagi tanah kepada UMNO, kepada bahagian, kepada UMNO Bahagian dan sebagainya. Akhirnya tanah itu pergi kepada milik mereka. Dan kita di Pakatan Rakyat sama sekali tidak akan melakukan perbuatan demikian. Tuan Speaker, saya menyokong, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya nak cakap ini, sila 3 minit.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHAARI :** Terima kasih Speaker dan seluruh Ahli Dewan. Saya terpanggil sebab saya merupakan salah seorang yang terlibat dalam laporan ini dan sudah pasti isu yang telah melibatkan saya dan Yang Berhormat Sri Muda dan beberapa isu yang melibatkan Kumpulan Semesta adalah bukti bahawa serangan yang dicipta oleh pihak lawan kita iaitu Barisan Nasional adalah satu serangan yang palsu. Namun begitu ia menjadi satu pengajaran kepada semua kalau kita mampu untuk melahirkan satu sistem yang baik. Sistem penyampaian yang baik dan sistem saluran maklumat yang baik di samping dengan sistem pengurusan yang baik. Tuduhan-tuduhan itu dapat kita tepis, tuduhan-tuduhan itu dapat kita rungaikan dan tolak sama sekali. Ahli Yang Berhormat yang saya kasihani sekalian, sebenarnya isu dengan perlombongan pasir ini merupakan satu isu yang sengaja diperbesarkan semata-mata kerana selama ini, inilah lubuk yang telah memberikan jutaan ringgit kepada beberapa orang yang sebelum ini mendapat nikmat langsung daripada projek ini. Namun di atas sikap Kerajaan Negeri mengumpulkan dan menguruskan dana ini dengan lebih baik jadi

ia telah menjadikan satu kemarahan kepada beberapa pihak. Namun bagi saya yang pentingnya, pihak Kerajaan Negeri telah mampu menunjukkan beberapa contoh yang baik di samping harus segera untuk mengambil teguran-teguran yang telah dibuat dan sekali gus mampu untuk melahirkan satu sistem yang baik dan kita mampu menyampaikan hasil daripada kutipan pasir Negeri Selangor.

Namun begitu bagi pihak saya yang paling pentingnya bagi kita adalah untuk jangan terlalu awal untuk mengumumkan sesuatu. Sebagai contoh kutipan-kutipan tertentu dan sebagainya kerana mungkin akhirnya akan memerangkap kepada pengurusan pasir dan sebagainya. Walau pun saya tahu ada kira-kira yang berbeza tentang RM100 juta, RM150 juta ia kadang kala mudah untuk dijadikan dan di manipulasi oleh pihak-pihak tertentu untuk menyerang kepada pentadbiran Kerajaan Negeri dan menyerang kepada hasil negeri. Dan akhirnya yang kena serang adalah tersangkut kebetulan Yang Berhormat Seri Muda kawan saya dan juga saya terlibat sama dan menyebabkan kami dituduh oleh pihak media dengan sewenang hati. Saya memang cukup terasa terkilan dan kecil hati khususnya kepada media-media tertentu yang telah menjadikan seolah-olah kami ini bersalah sebelum tak dibicarakan lagi pun, tak ada siasatan lagi pun tapi telah di anggap bersalah. Dan selepas itu tidak ada lagi permohonan maaf, tidak ada pula penarikan balik serangan-serangan yang telah dilakukan kepada kita. Insya-Allah kalau kita dapat tadbir Putrajaya kebebasan media ini harus kita selamatkan dahulu sebelum ia menjadi agen pembodohan yang paling besar kepada masyarakat dan juga orang Malaysia secara keseluruhannya. Jadi saya pun tidak mahu berucap panjang, saya berharap agar laporan ini boleh menjadikan sebagai pedoman dah kuning dah, untuk kita semua berhati-hati bagi pihak pentadbiran dan juga orang perseorangan dalam menguruskan dan mentadbir Kerajaan Negeri, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun dibahaskan dan saya kemukakan untuk keputusan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun permasalahan di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76(5) dan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) mengenai siasatan ke atas Urus Niaga Perlombongan Pasir Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) yang telah di bentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat Bil. 28 Tahun 2012.

Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Usul seterusnya usul No. 26 Tahun 2012 Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin membawa usul No. 26 Tahun 2012 di bawah Peraturan Tetap 76(5) yang berbunyi seperti berikut Bahawasanya mengikut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor dewan yang mulia ini menerima laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor iaitu *Public Account Community* (PAC) mengenai laporan Ketua Audit Negeri Selangor Tahun 2010 yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat Bil. 35 Tahun 2012. Tuan Speaker, Kajang ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada usaha dan ikhtiar Tuan Speaker dan penjawat di Setiausaha Dewan yang mengeluarkan penyata PAC dan penyata-penyata yang lain yang amat canggih yang menunjukkan bahawa kita sudah maju ke depan dan membawa reformasi di Dewan (dewan menepuk meja). Dan Kajang ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli PAC yang telah membantu menjayakan siasatan dan juga penelitian PAC dalam kes-kes yang terbawa dalam laporan Ketua Audit Negara. Dan juga Kajang tidak tertinggal nak mengucapkan terima kasih kepada pengarah dan juga pegawai-pegawai Jabatan Audit, Timbalan Pengarah Jabatan Kewangan Negeri Selangor dan pegawai-pegawai kewangan, pejabat Setiausaha Dewan dan Ketua-ketua Jabatan yang memberi kerjasama dalam urusan PAC. Kajang ingin maklum pada Dewan yang mulia ini bahawa PAC kadang-kadang menghadapi masalah kekurangan kuorum waktu bermesyuarat kerana terdapat beberapa orang Ahli Dewan yang tempat duduknya sentiasa kosong sahaja. Iaitu kita faham ya, Kajang faham bahawa Yang Berhormat Damansara Utama memohon cuti kerana *accident* ya. Ahli-ahli yang lain iaitu Sungai Burong dan Semenyih tidak sekali pun hadir untuk mesyuarat PAC. Tuan Speaker, Kajang mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini Ahli-ahli yang tidak dapat menjalankan tanggungjawab tidak dipilih semula pada penggal yang akan datang. Selain itu Pengerusi PAC juga harus dilantik dari pihak Pembangkang yang amalan luar biasa di Dewan kita ini iaitu daripada pihak kerajaan di lantik sebagai Pengerusi PAC telah menjadi satu yang menarik minat oleh wakil-wakil daripada negara-negara Komanwel sewaktu Kajang hadir ke seminar PAC negara-negara Komanwel di London tahun lepas. Jadi Kajang memang mencadangkan dalam akan datang pengerusi PAC wajib dilantik daripada pihak pembangkang.

Tuan Speaker dalam penemuan-penemuan PAC, Kajang ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan iaitu khususnya Jabatan Pertanian yang telah banyak berbincang dan juga menerima syor-syor daripada PAC khususnya berkaitan dengan perkara Taman Kekal Pengeluaran Makanan di mana tindakan telah diambil oleh Jabatan Pertanian dan telah menunjukkan kemajuan yang agak cemerlang. Berhubungan dengan perkara di bawah tajuk berkaitan dengan peruntukan MARRIS, PAC juga telah mengesyorkan kepada pihak kerajaan dan kerajaan telah menerima syor-syor PAC dan telah melaksanakannya. Jadi ini telah menunjukkan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas di Dewan telah menjalankan tugas dan telah berinteraksi dengan pihak kerajaan dan telah menunjukkan bahawa kerajaan kita ini memang

bertanggungjawab dan telus dan mempunyai sikap yang keterbukaan. Jadi ucap syabas kepada pihak kerajaan yang telah melapangkan dada dan bersama-sama berusaha untuk memajukan Negeri Selangor ini.

Akan tetapi Tuan Speaker, Kajang memang mendapati pihak Kerajaan Pusat bawah ICU, ICU ini bukanlah ICU kecemasanlah ya, ICU ini iaitu Pejabat Pelaksanaan pihak Kerajaan Persekutuan. Berhubungan dengan penyelarasan projek-projek kemudahan asas desa dan aktiviti pembangunan kampung untuk mengelakkan projek-projek yang bertindihan dan juga kerja-kerja di kampung-kampung yang bertindihan. Dan juga ikut spek-spek yang sepatutnya akan tetapi dalam kerja-kerja yang kita syor, yang PAC kemukakan kita dapati pihak ICU menjawab tidak dapat bekerjasama. Mereka begitu angkuh dan mereka tidak mahu bekerjasama dengan pihak negeri dan juga Dewan di Negeri Selangor kita ini. Mereka memberi kenyataan bahawa mereka kita tidak dapat bekerjasama dan memberi persetujuan kepada syor-syor daripada PAC. Apa yang dilakukan oleh ICU menunjukkan sikap Kerajaan Persekutuan bawah Barisan Nasional yang tidak memberi penghormatan terhadap sistem pentadbiran dan sistem perkhidmatan awam. Dan pegawai-pegawai kerajaan juga yang ingin memajukan yang ingin mengreformasikan sistem pentadbiran tidak beri kerjasama dan penghormatan. Jadi Kajang dan juga PAC sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Dewan, Tuan Speaker, Ahli-ahli yang telah menunjukkan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas, khususnya PAC telah dapat menjalankan tugas dengan baik dan telah menunjukkan bahawa kerajaan dan Dewan kuasanya di asing dan bekerjasama secara interaktif. Sekian saja dan Kajang membawa usul, terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker, Sekinchan bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh Kajang dan Sekinchan juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana Tuan Speaker masih mengizinkan Sekinchan untuk menyokong usul ini. Dan juga saya ingin menyatakan usul yang dibawa oleh Kajang ini mengatakan ada dua perkara. Satu peranan pihak Pembangkang dalam Jawatankuasa PAC ini cukup lemah, cukup lemah iaitu tahun ini tak hadir langsung Semenyih dan Sungai Burong. Dibagi jawatan pengerusi pun mereka tolak, tolak ini maknanya apa mencerminkan sikap mereka tidak memikul amanah yang dipertanggungjawabkan oleh rakyat. Yang memberi amanah kepada mereka dan mereka gagal sama sekali menjalankan tugas wajar sebenar Barisan Nasional.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Minta laluan, minta laluan. Saya risau sebab Sekinchan cakap banyak-banyak tapi tak ada petang ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Oleh kerana, terima kasih Seri Setia. Oleh kerana kelesuan, lesunya lemahnya pembangkang mereka semua sudah keluar maka saya boleh gunakan imaginasi saya untuk bawa mereka penuh di sini terpaksa gunakan cara imaginasi kerana mereka tak ada ....



**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat ini mungkin merupakan ucapan terakhir Yang Berhormat di Dewan ini sebelum Dewan ini dibubarkan, jadi boleh tak lembut sedikit?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Hah, boleh-boleh cuma saya nak mengambil teguran daripada Tuan Speaker tapi oleh kerana usul ini berkaitan dengan PAC saya nak dedahkan apa yang Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan termasuk rakyat, mereka mungkin tak tahu apakah sebenarnya wajah pihak pembangkang. Mereka kononnya ketelusan, kononnya transformasi tapi akhirnya sepatutnya mereka buat kerja bantu tak ada, tak bantu dulu waktu zaman saya sebagai pembangkang zaman Yang Berhormat Tuan Speaker pembangkang, semua mesyuarat PAC kita datang tolong bantu walau pun pandangan kita sedikit sahaja tetapi kita datang sebab ini tanggungjawab kita sebagai Ahli Yang Berhormat yang dipilih dalam Dewan yang melantik. Tapi mereka gagal sama sekali, seperti apa yang saya nak beritahu contoh tadi. Tadi Yang Berhormat Batang Kali bersama ketua pembangkang mereka tidak memohon maaf dengan ikhlas. Akhirnya, mereka cuba memberikan pelbagai alasan untuk keluar Dewan. Syukur alhamdulillah kita punya Tuan Speaker kita cukup berpengalaman dan bijaksana telah tahu perangai mereka, sudah tahu sandiwara mereka akhirnya Speaker biarkan sahaja. Sandiwara, wayang kulit mereka terbongkar sendiri. Mereka hendak mencari alasan keluar Dewan, cari alasan untuk buat *P.C.* sahaja. Ini semua saya sudah pakai lama dah. Ini sudah cara lama, gunalah cara baru. Saya juga hendak menyatakan di sini dan terakhir. Bagaimana cara sedemikian apabila kita memberi mandat mereka tidak boleh tolong dan mereka hendak sekarang rampas kuasa. Hendak rampas kuasa untuk apa? Untuk sapu tanah.

**TUAN SPEAKER :** Baik.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Itu sahaja.

**TUAN SPEAKER :** Cukup.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Cukup. Sebagai contoh sahaja. Kita pusing balik ya. Oleh yang demikian, ini merupakan sidang yang terakhir, dan kebetulan ucapan yang terakhir saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Tuan Speaker dan juga seluruhnya kita kerja kuat. Berkat doa dan sokongan rakyat kerana kita ikhlas memperjuangkan, rizab bertambah, Selangor semakin mantap, kewangan kukuh dan juga sokongan rakyat bertambah kuat. Insya-Allah pilihan raya akan datang akan kita bertemu lagi di sini untuk menerajui Kerajaan Negeri Selangor. Sekian sahaja, saya mohon menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima

Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor, *Public Account Committee* (PAC) mengenai Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor Tahun 2010 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat 35 Tahun 2012. Ahli-ahli Yang berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

#### **IV. USUL PENANGGUHAN**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat Seterusnya. Usul untuk menangguhkan Dewan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** *Bismillahir Rahmannir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persidangan kita telah pun tamat dan dengan ini saya cadangkan Dewan ini ditangguhkan sehingga satu masa yang akan di tetap kelak. Ahli-ahli Yang Berhormat, pertama saya mengucapkan tahniah kepada seluruh Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dalam Dewan membahaskan satu Perbelanjaan Negeri 2013, perbelanjaan tambahan dan pembentang-pembentang usul. Ini, dalam tahun ini saya dapati sebagai Menteri Besar penggulungan saya dalam mencadangkan supaya Dewan ditangguhkan. Saya tidak dapat bercakap dengan ahli-ahli Pembangkang. Jadi ini kali kedua.

Saya berharap selepas pilihan raya kita tidak ada pembangkang dalam Negeri Selangor. Jadi, sebabnya saya menyatakan begini sebab untuk rekod dalam *hansard*. Penglibatan pembangkang dalam usaha mentadbirkan negeri tidak ada *value addednya*. Oleh sebab itulah saya dapati ini boleh kita menerangkan kepada rakyat bahawa Dewan kita juga telah diatur dalam bentuk dengan adanya *check and balance* di mana pada Dewan ini kita telah tunjukkan dan buktikan dengan peraturan yang baik. Kita telah dapat bersama-sama menunjukkan penglibatan oleh semua ahli Dewan. Dan saya mengucapkan tahniah kepada Dato' Speaker yang membolehkan semua soalan yang dikemukakan oleh Ahli Dewan dapat dijawab dalam masa yang ditetapkan. Dan jawapan-jawapan itu, merupakan rekod-rekod mengenai usaha yang dijalankan dalam oleh pentadbiran negeri dan juga oleh wakil-wakil rakyat kita. Saya percaya kritikan dan juga hujah-hujah ini akan memberikan lagi penambahbaikan untuk Kerajaan Negeri. Saya percaya bukan sahaja Ahli-ahli Dewan mendengar, saya percaya juga warga-warga kerja, pegawai kerajaan juga mendengar. Mereka mendapati perbincangan kita bukan sahaja memberi ilham kepada mereka tetapi juga untuk rangsangan untuk mereka bekerja kuat. Kerana usaha yang dilakukan oleh mereka akan juga menolong rakyat Negeri Selangor. Jadi saya dapati, perbincangan-perbincangan ini diikuti dengan rapi oleh penjawat awam dan daripada jawapan-jawapan yang diberikan, interaktif dengan saya mereka sungguh berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang mereka dapat lakukan. Jadi kita mesti berterima kasih

kepada mereka. Dalam usaha penggulungan ini ada dua tiga usaha yang saya hendak nyatakan. Pagi tadi apabila Yang Berhormat Sekinchan membawa usul mengenai pengeluaran benih padi, Sekinchan telah menyebut bahawa perkara ini, perkara yang dibincangkan di Parlimen, jadi oleh sebab itu Yang Berhormat daripada Ijok sepatutnya membangkitkan perkara ini dalam Parlimen dan dia mengatakan dalam *handsard* tiada kenyataan yang mengatakan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak membangkitkan perkara ini. Saya *check hansard*, ternyata *hansard* telah menunjukkan bahawa saya telah membuat soalan kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian, Datuk Seri Noh Omar dan soalan saya adalah mengenai pertama, hasil daripada penswastan ini. Dia swastakan, apakah keuntungan yang diberikan kepada mereka-mereka yang diberikan usaha ini. Boleh tak pihak Kementerian memberi saya *profit margin* hasil daripada penswastan yang didapati oleh mereka. Itu yang melibatkan, jawapan panjang. "Terima kasih dia kata, terima kasih, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar Tun Razak kerana bertanya soalan ini". Maknanya untuk rekod, Sungai Burong lagi sekali hilang burungnya. (ketawa). Saya minta maaf. Ok. Saya minta maaf, bukan hilang dia punya ... Dia mengatakan dalam rekod. Saya tidak pernah membangkitkan perkara ini. Jadi oleh sebab itu, saya hendak tunjukkan dalam Dewan, saya sudah bangkitkan. Kedua, saya tidak mahu menyertai perbincangan oleh Yang Berhormat Sekinchan sebab saya ada satu fakta mengapa Sekinchan sangat menentang keadaan ini. Ialah sebelum ini apa ini pengeluaran benih-benih ini di buat oleh Kementerian menggunakan aset-aset dan kilang-kilang kementerian. Berjuta-juta ringgit dilaburkan oleh Kementerian Pertanian untuk mengeluarkan 80,000 tan. Dan apabila keputusan ini dibuat, berpuluh-puluh juta kilang ini tidak digunakan dan orang yang tidak ada kilang dan sekarang mendapatkan *business* menggunakan kilang kerajaan. Itu sebenarnya. Oleh kerana sebagai Menteri Besar ada kalanya saya tidak hendak campur usaha Kerajaan Persekutuan tapi saya sudah tanya di dalam Dewan. Jadi untuk rekod, saya hendak beritahu Sungai Burong saya telah ada berbahas dan saya dapati Kerajaan Persekutuan, lemah dalam hal ini, jadi itu jawapan saya.

Kedua, saya hendak juga memberi maklumat kepada Dewan tentang apa telah dikeluarkan kertas putih mengenai isu Talam, dan kita juga tidak membiarkan perkara itu hanya kerana tidak dipantau. Hari ini saya ingin menyatakan dalam Dewan apa telah berlaku kepada aset-aset tersebut. Pertama, sudah tentulah dulunya syarikat Talam dalam keadaan P17, Talam dalam keadaan yang boleh jadi dalam usaha akan tidak dapat aset atau pun dalam keadaan penggulungan tetapi kita telah mendapat aset-aset itu, dan aset-aset itu dapat kita lihat dan berbaki. Aset-aset itu sekarang kita boleh tunjukkan bagaimana kita boleh menunjukkan aset-aset Talam yang diserahkan kepada kita. Bukit Beruntung *gross development value* nya ialah sekarang RM133 juta, Bukit Beruntung PNSB hampir RM2,000 juta, Bestari Jaya RM1,600 juta. Jadi bererti kalau kita dapat 20% sahaja keuntungan dari DDB yang saya nyatakan di sini, kita sudah dari aset RM390 juta sudah menjadi aset lebih daripada RM800 juta. Jadi bukan

saja kita kutip duit daripada TALAM, kita memperbaiki aset-aset TALAM dan nilai aset dalam Negeri Selangor melalui MBI sudah mencecah lebih daripada RM800 juta. Dan pihak Yang Berhormat Kuala Kubu dan juga Yang Berhormat daripada Permatang telah mengatakan ini tidak betul daripada penilaian, kita ambil daripada penilaian yang murah apa semua. Saya suruh nilai lagi sekali sekarang. Kalau sekarang kita beli di Bukti Beruntung, kita beli tanah tapi kita tidak akan jual tanah sebab kita ada *gross development value*, kalau kita beli tanah yang kita ambil daripada TALAM, pulangkan balik kepada pembelinya. Yang kita beli dan dinilai oleh Suleiman & Co. yang dia kata mahal, RM375 juta. Sekarang nilainya yang dibuat oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor, orang JPPA ialah RM475 juta. Jadi kita dah ada lebih aset, atau lebih nilai RM100 juta. Jadi macam mana Kuala Kubu Baru Yang Berhormat nak bagi bonus kepada kita ni.

Kedua saya juga tengok penilaian yang dibuat oleh dan KPMG itulah sebabnya saya ingin nyatakan bahawa KPMG telah bersetuju untuk kita mempamerkan kenyataannya, mempamerkan sebagai satu syarikat akauntan yang bertauliah, yang konservatif bersetuju mempamerkan bahawa keputusan yang dibuat oleh Kerajaan mendapatkan semua hutang lapuk melalui *global settlement* adalah keputusan yang bijak. Bukan, bukan dia kata. Jadi inilah kerana penilaian inilah berdasarkan penilaian masa depan sebab kita melihat bahawa kerja-kerja kita untuk melunaskan hutang-hutang TALAM itu bukan sahaja menyelesaikan masalah hutang tetapi menunjukkan keupayaan kita mengurus aset-aset itu untuk masa depan.

Dan perkara yang ketiga nak saya sebutkan ialah mengenai penyusunan semula industri air Selangor dan saya dapati, saya telah menulis lagi satu surat kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia untuk menyatakan saya nak buat penemuan kerana dia tidak menjawab surat-surat yang telah saya hantar untuk menerangkan bahawa mengapa kita mahukan penyusunan semula ini ada dipercepatkan. Kedua, projek Langat 2 ini dimasukkan dalam program penyusunan semula. Saya ingin mengatakan bahawa bukan kerana negeri kedudukan kewangan SYABAS, kedudukan kewangan SYABAS sangat tenat. Maknanya SYABAS tidak membayar hutang, tidak membayar hutang kepada 2 syarikat yang mengeluarkan air untuk digunakan oleh SYABAS iaitu SPLASH dan ABASS. Hutang yang tidak dibayar dan ialah RM150 juta dan faedahnya RM6 juta jadi RM150 juta dan sekarang hutang-hutang tertunggak sehingga pada 30 hari bulan Oktober 2012 ialah RM411 juta. Jadi SYABAS boleh dikatakan syarikat yang serupa macam TALAM P70. Jadi Kerajaan Negeri tidak boleh mengharap syarikat P70 untuk diberi tugas mengeluarkan air, menyalurkan air terawat kepada rakyat Negeri Selangor dan ini dan SYABAS juga tidak membayar royalti air mentah kepada Kerajaan Negeri Selangor. Dia tak ada duit, dia tak bayar. Jadi kita akan simpan duit, dia tak bayar tak apa, bila kita ambil alih besok kita suruh dia bayar. Dan di samping itu SYABAS walaupun tak bayar hutang, tak bayar hutang

sanggup membelanjakan dana untuk promosi-promosi SYABAS. Pada tahun lepas dia belanja RM2 juta dan pada tahun depan dia membelanjakan RM4 juta. Jadi tak ada duit tapi publisiti besar. Ini termasuk perbelanjaan *public relation* oleh SYABAS dan membiayai NGO-NGO termasuk SWAn (*Water Association of Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya*) yang sibuk bercakap dalam surat khabar mengenai SYABAS itu ialah dibiayai oleh SYABAS, ini dia. Dan untuk melobi kepentingan di media massa dan siapakah Presiden SWAn (*Water Association of Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya*)? *Non* ada Tan Sri Rozali Ismail. Jadi itu sebab saya nak terangkan kepada Timbalan Perdana Menteri, dia kata kita mesti bekerjasama untuk kepentingan rakyat Selangor. Perbezaan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan tidak boleh membelakangkan keinginan dan kehendak rakyat Selangor. Jadi saya nak tunjukkan pada dia ini lah contoh yang mana mengapa Kerajaan Selangor sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan perkara ini supaya jangan sampai SYABAS bankrap baru Kerajaan Selangor nak ambil. Kemudian besok ada lagi cerita TALAM yang kena buat ke sana nak buat ke mari tapi lebih baik kita selesaikan dengan segera supaya operasi pemindahan operasi ini dapat dibuat dan rakyat Selangor akan lebih selesa dan lebih percaya dan pemberian air percuma untuk rakyat Negeri Selangor boleh diteruskan sekurang-kurangnya 7 atau 10 tahun. Jadi maknanya dengan cara ini kita dapat memberikan kebajikan kepada rakyat negeri. Jadi Dato' Speaker saya lagi sekali mengatakan saya berterima kasih kepada rakan-rakan EXCO yang sama-sama bekerja untuk menentukan setiap ringgit dana yang kita dapati untuk Negeri Selangor disalurkan kepada rakyat Selangor. Jadi marilah kita bekerja keras dalam masa 3 bulan ini untuk membuktikan; pertama (1) jambatan Klang yang kita nak gunakan rizab Negeri Selangor yang sekarang sangat hebat dibahaskan di Perhimpunan UMNO bahawa dia kata Negeri Selangor tak patut menggunakan dana RM300 juta untuk membina jambatan kerana ini adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. (Dewan ketawa). Saya pun tak tahu macam mana nak jawab pun, saya tak tahu. Jadi tapi saya berharap Ahli-ahli Dewan kita bersama-sama turun padang menerangkan satu tentang usaha TALAM kita dan usaha penyusunan semula air dan juga bagaimana sekarang kita menyelesaikan masalah-masalah, janji-janji Barisan Nasional yang mereka tidak buat dan kita akan lakukan. Jadi dengan itu Yang Berhormat Speaker saya berharap kita akan berjumpa kembali. Saya tidak nak menentukan masa Dewan dibubarkan sebab saya nak menunggu bila Kerajaan Persekutuan membuat kenyataan.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Boleh tanya nak mencelah?

**TUAN SPEAKER :** Tertakluk kepada Yang Amat Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Saya ingin mendapat kepastian daripada Kerajaan Negeri, adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membubarkan Dewan bersama dengan Kerajaan Persekutuan ataupun secara berasingan?

**TUAN SPEAKER :** Ini berita besar esok ni.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Speaker, jika Kerajaan Persekutuan membubarkan Parlimen ataupun pada bulan Mac tahun hadapan jadi ini Kerajaan Negeri tak ada opsyen dari segi persamaan. Saya tidak nampak dia nak membubarkan Parlimen pada bulan Disember ini. Jadi oleh sebab itu persediaan kita ialah untuk bulan Mac tahun hadapan. Itu saja.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sama ada yang berada dalam Kerajaan ataupun penyokong Kerajaan ataupun Pembangkang, yang telah pun bertugas dengan cemerlang dalam Dewan ini telah pun menyempurnakan tugas dalam Dewan ini dalam 5 tahun yang lalu dan dalam tempoh 5 tahun yang lalu sesungguhnya banyak pembaharuan telah pun kita bersama-sama laksanakan termasuk dari permulaannya siaran secara langsung Sidang Dewan, lanjutan masa untuk pertanyaan sehinggalah penubuhan jawatankuasa untuk mengadakan pendengaran awam dan sehingga sekarang dalam pengurusan masa debat, masa perbahasan semua telah pun kita telah buat pembaharuan dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kerajaan, pihak penyokong Kerajaan, pihak Pembangkang yang memberi kerjasama dan sokongan yang penuh untuk bersama-sama kita menjayakan pembaharuan seperti ni. Dan juga saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ketua Jabatan, kepada Setiausaha Dewan dan semua petugas-petugas yang telah pun memberi sokongan yang padu kepada Dewan ini untuk kita menjalankan tugas kita dengan baik dan juga memastikan bahawa Selangor sentiasa berada di barisan hadapan dalam pembaharuan sama ada dalam Kerajaan ataupun Dewan ini. Dan seperti biasa saya ingin mengingatkan Yang Berhormat sekalian supaya menyemak Penyata Dewan, draf Penyata dan kembalikannya supaya ia dapat dimasukkan dalam penyata yang rasmi. Dengan kata-kata itu saya ucapkan terima kasih dan saya meminta maaf sekiranya dalam sepanjang masa saya bertugas ini ya melainkan di luar dugaan kita memang tidak bersidang lagi, saya minta maaf sekiranya terkasar bahasa ataupun tersinggung perasaan mana-mana pihak dalam sepanjang masa tempoh saya menjalankan tugas sebagai Tuan Speaker Dewan ini. Dengan kata-kata itu saya menangguhkan Dewan ini sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan jam 5.15 petang )**